



2022

BULETIN PHT HEBAT

*Memaparkan kejayaan warga Politek Hulu Terengganu juga
memaparkan aktiviti-aktiviti Politek Hulu Terengganu yang terkini
sepanjang tahun 2022..*

TEPAT / PADAT / BERMAKLUMAT

eISSN 2821-3297



DITERBITKAN OLEH:
POLITEKNIK HULU TERENGGANU
JALAN PENGKALAN GAWI TASIK KENYIR,
KUALA JENERIS,
21700 KUALA BERANG, TERENGGANU.
Tel: 09-6825555
Faks: 09-6825556
website: pht.mypolycc.edu.my



POLITEKNIK HULU TERENGGANU

JANUARI-JUN 2022

MENARIK EDISI JANUARI-JUN

CSR MISI PRIHATIN (BANTUAN PASCA BANJIR)

Pengarah Politeknik Malaysia telah terlibat dengan Program CSR Bantuan Pasca Banjir di Kampung Kuala Menjing Kuala Berang, Hulu Terengganu hari ini. Misi ini telah diketuai oleh tuan rumah, Politeknik Hulu Terengganu.

Misi pada kali ini juga telah menghulurkan sumbangan berupa makanan kering, air minuman, toto, tuala, bantal, periuk, dapur dan beberapa barang lain hasil sumbangan warga Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia yang mana telah dikumpulkan di

Politeknik Hulu Terengganu sebelum ini. Agihan ini merupakan agihan yang ketiga selepas agihan dibuat di Kampung Kuala Ping, Kampung Bukit Biah dan Kampung Sekayu sebelum ini.

Program CSR ini juga turut disertai oleh para pelajar YES Politeknik. Misi bantuan kali ini telah ke 28 buah rumah di Kampung Kuala Menjing termasuk rumah seorang pelajar PHT, Hemi Zainajlah Mamat yang terjejas teruk akibat banjir yang melanda Hulu Terengganu, 27 Februari 2022 yang lalu.

Semoga dengan bantuan yang dihulurkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia ini sedikit sebanyak dapat membantu penduduk di Hulu Terengganu.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
HJ.AZAHAN HJ.DAUD

KETUA EDITOR
NURUL ILYANI ABDULLAH

EDITOR
NORIMAH ANNUAR@ MOHD TAHIR
DAMELIZA DAMAIN
WAN NORLAILI WAN ABDUL MANAN
MOHD HISHAMUDIN MAT



ISI

KANDUNGAN

ALUAN PENGARAH	2
SIDANG REDAKSI	3
POLITEKNIK HULU TERENGGANU	4
JABATAN PELANCONGAN & HOSPITALITI	75
JABATAN PERDAGANGAN	102
JABATAN PENGAJIAN AM	110
KEJAYAAN PENSYARAH DAN PELAJAR	117

PHT Hebat



BULETIN PHT HEBAT MEMUATKAN AKTIVITI DAN KEJAYAAN WARGA POLITEKNIK HULU TERENGGANU

Aluan Pengarah

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin PHT Hebat edisi Januari-Jun 2022. Penerbitan Buletin PHT Hebat ini menggambarkan kesungguhan warga Politeknik Hulu Terengganu dalam menggerakkan tenaga untuk menjayakan budaya kerja sepasukan.

Saya harap buletin PHT Hebat ini akan dapat memberi input dan panduan komprehensif pada mereka yang membacanya. Semoga ia dapat menjadi salah satu cabang perantara antara PHT dengan komuniti khususnya dan amnya kepada warga PHT. Ia juga diharapkan menjadi medium terbaik dalam menyalurkan maklumat yang berkesan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan PHT selaras dengan visi dan misi yang digariskan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah menjayakan aktiviti pada bulan Januari hingga Jun. Kekalkan momentum dan teruskan usaha murni sehingga menjadikan PHT peneraju masa depan semua. PHT leads Your Future.



Hj. Azahan Hj. Daud
Pengarah
Politeknik Hulu Terengganu

Aluan Ketua Editor

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, Buletin PHT Hebat Edisi Januari-Jun 2022 berjaya diterbitkan oleh sidang redaksi sebagai panduan khusus kepada komuniti dan amnya warga Politeknik Hulu Terengganu.

Untuk mencapai kejayaan pastinya dihujani dengan pelbagai cabaran dan dugaan namun berbekalkan semangat kekitaan dan rasa tanggungjawab, kami tidak menghiraukan apa jua cabaran yang menghalang sehingga buletin ini berjaya dihasilkan. Berbekalkan semangat inilah sidang redaksi berusaha untuk menghasilkan laporan aktiviti sehingga buletin ini berjaya diterbitkan.

Akhir kalam, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya ada kekhilafan yang dilakukan sepanjang proses penghasilan Buletin PHT Hebat. Sesungguhnya segala yang baik datangnya dari Allah dan kekurangannya dari pihak kami sendiri.

Sekian.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Nurul Ilyani Abdullah
Ketua Editor
Buletin PHT Hebat





**POLITEKNIK
HULU
TERENGGANU**

AKTIVITI BULAN JANUARI2022


KUNJUNGAN HORMAT SKMM TERENGGANU & TELCO KE POLITEKNIK HULU TERENGGANU PADA 4 JANUARI 2022.

Mesyuarat Kunjungan Hormat SKMM Terengganu & Telco ke PHT telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Harmoni hari ini. Kunjungan hormat ini telah dirai oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud bersama timbalan. Seramai 4 orang pegawai dari SKMM Terengganu hadir ke mesyuarat ini iaitu YM Tengku Osmawi bin Raja Mustafa, Pengarah Seksyen Pembangunan, En Ahmad Baihaqi bin Zinbahar, Pengarah Seksyen Kawal Selia, En Airlifikri Haqimi bin Johari, Timbalan Pengarah, Unit Perancangan & Pelaksanaan Infrastruktur, En Ahmad Fazley bin Ahmad Suhaimi, Timbalan Pengarah, Unit Advokasi, Perkhidmatan dan Pentadbiran. Turut sama dari pihak Celcom En Hasbullah Abd Majid Che Chik, En Zaidi Razab dan 3 orang wakil dari kontraktor Celcom.



**4.1.2022| TAKLIMAT PENGAWASAN PEPERIKSAAN AKHIR/PENILAIAN AKHIR SESI 1
2021/2022**

Unit Peperiksaan PHT diketuai oleh Pn.Masnisa telah mengadakan taklimat pengawasan peperik- saan akhir/penilaian akhir kepada para pensyarah di Mini Auditorium Pintar PHT hari ini. Peperik- saan Akhir Sesi 1 2021/2022 akan berlangsung bermula minggu hadapan melibatkan semua pelajar PHT dengan pematuhan SOP KKM yang telah digariskan.



6.1.2022|LAWATAN PEMANTAUAN KEROSAKAN DI PHT

Lawatan Pemantauan Kerosakan PHT melibatkan pihak Jabatan Kerja Raya Terengganu, pihak kontraktor dan PHT sebagai tuan rumah telah dijalankan pada hari ini melibatkan kawasan utama antaranya kolam, dapur dan kemudahan rekreasi PHT.



9.1.2022| PEPERIKSAAN AKHIR/PENILAIAN AKHIR SESI 1 2021/2022

Peperiksaan akhir/penilaian telah diadakan di Dewan Bersurat PHT bermula 9.1.2022. Peperik- saan Akhir Sesi 1 2021/2022 yang berlangsung melibatkan semua pelajar PHT dengan penuh SOP KKM yang telah digariskan.



11.1.2022| RAKAMAN VIDEO

Sesi rakaman video oleh UIDM PHT telah diadakan pada 11.1.2022 melibatkan video taklimat keselamatan yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP PHT).



Tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja PHT di atas pencapaian KPI PHT 2021 iaitu 97.14%



19.1.2022| PERHIMPUNAN BULANAN STAF PHT

Perhimpunan bulanan staf PHT telah diadakan pada 19.1.2022 di Auditorium Pintar PHT, anjuran Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Perhimpunan ini bertujuan bagi mengumpulkan staf PHT dalam satu majlis. Beberapa pengisian telah diadakan antaranya amanat Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud, penye- rahan 'mock cheque', penyerahan Buletin PHT Hebat, cabutan bertuah serta penghargaan kepada jawa- tankuasa Alumni PHT yang telah menyelaras aktiviti Alumni sepanjang tahun dengan jayanya



Team Promosi Politeknik Hulu Terengganu telah mengedarkan brosur 'Kemasukan secara Terbuka "Walk In"' di sekitar Kuala Berang, Ajil, Felda Bukit Banding, Felda Jerangau, Bukit Besi dan Bandar Al-Muktafi Billah Shah.



AKTIVITI BULAN FEBRUARI

6.2.2022| KEJOHANAN PING PONG 2022

Politeknik Terengganu gabungan staf PHT dan PMSZA telah menyertai Kejohanan Ping pong Berpasukan dan Beregu Terbuka MAKSAK Terengganu 2022 yang berlangsung dari 5 hingga 6 Februari 2022 di Dewan Masyarakat Tok Jiring, Terengganu. Pasukan Politeknik Terengganu telah mendapat naib johan peringkat kumpulan.

Pasukan Politeknik Terengganu telah diwakili oleh En. Mohd Razhan Ariff bin Mohd Zain, En. Mohammad Zainul bin Mohammed, En. Mohd Hanafi bin Musa, dan En. Wan Mohd Faizul bin Wan Saberi daripada PHT. Dari PMSZA diwakili oleh En. Mohammad Kamel bin Ali, En. Mohd Hanapi bin Jusoh, En. Mohd Fadrol Rizal bin Ab. Rahim.



Puspanita Politeknik Hulu Terengganu telah mengikuti Program Terapi Minda Pemangkin Wanita Hebat di Bengkel Batik Nordin Kelantan pada 6.2.2022.



8.2.2021|MESYUARAT KONVOKESYEN

Mesyuarat Konvokesyen bil 2/22 telah diadakan di Auditorium Pintar pada 8.2.2021 melibatkan semua jawa-tankuasa yang telah dilantik disetiap jabatan dan unit di PHT. Mesyuarat telah dimulakan dengan penerangan

ringkas oleh Timbalan Pengarah Akademik, Pn.Wan Norliana Wan Sulong tentang tatacara konvokesyen kali ke- lapan dan kemudiannya disambung dengan ucapan dari Pengarah PHT, Hj Azahan Hj Daud.



12.2.2022| PHT TELAH MENDAPAT SIJIL PENGHARGAAN KHAS

Tahniah kepada Politeknik Hulu Terengganu mendapat Sijil Penghargaan Khas di atas komitmen dan kerjasa- ma dalam menjayakan program kolaborasi bersama PUSPANITA Cawangan Kecil JPPKK bagi tahun 2021.

Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj Daud telah menerima sijil penghargaan khas daripada Ketua Pengarah JPPKK, Ts. Hjh Zainab Ahmad di Politeknik Ungku Omar, pada 12.2.2022.



14.2.2022|MESYUARAT PENDAFTARAN

Mesyuarat Pendaftaran Pelajar Baharu dan Pelajar Senior Sesi 2 2021/2022 di Mini Auditorium PHT telah berlangsung semalam, 13.2.2022. Taklimat telah diberikan oleh Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar, En. Abdullah @ Mat Yusof Yaacob kepada jawatankuasa yang terlibat



14.2.2022|TAKLIMAT KEPADA AMP

Taklimat Myperformance Dan Penyediaan Sasaran Penghasilan Kerja (SPK) untuk Ahli Mesyuarat Pengurusan PHT telah diadakan di Bilik Mesyuarat Harmoni PHT. Taklimat telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr.Hj. Abu Bakar Zakaria dan PET PHT, Pn. Fatimah Sulaiman.



15.2.2022| PEMBENTANGAN SKU DI PHT

Pembentangan Sasaran Kerja Utama (SKU) PHT oleh ahli mesyuarat pengurusan PHT telah diadakan di Bilik Perb- incangan JPH hari ini. Pembentangan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud.



15.2.2022| MESYUARAT KONVOKESYEN BIL 3/2022

Mesyuarat Konvokesyen PHT Kali ke-8, bil 3/2022 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Harmoni PHT pada 15.2.2022. Mesyuarat membincangkan gerak kerja konvokesyen yang akan berlangsung pada 28-29.3.2022. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud.



Tahniah kepada Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Haji Azahan bin Haji Daud di atas pelantikan sebagai Bapa Angkat (Pencak Silat) bagi Daerah Hulu Terengganu. Semoga dengan pelantikan ini dapat membantu dan mempergiatkan lagi pembangunan sukan di Daerah Hulu Terengganu amnya dan khususnya Politeknik Hulu Terengganu.



17.2.2022|MESYUARAT PENGURUSAN RISIKO DAN PELUANG 2022


Mesyuarat Pengurusan Risiko dan Peluang anjuran Unit Jaminan Kualiti untuk tahun 2022 telah diadakan pada 17.2.2022 di Bilik Mesyuarat JPH bagi membincangkan risiko yang dikekalkan, risiko yang digugurkan dan peluang untuk tahun 2022. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah PHT, Hj Azahan Hj Daud.



Ahli Mesyuarat Pengurusan PHT diketuai oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud serta Unit Pentadbiran PHT sedang mengikuti Majlis Aspirasi Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti 2022 di Bilik Mesyuarat Harmoni PHT pada hari ini 21 Februari 2022 (Isnin) jam 9.00 Pagi.



Taklimat Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi 2 2021/2022 secara dalam talian telah dijalankan oleh Unit Hal Ehwal Pela jar, Politeknik Hulu Terengganu. Selamat Datang Pelajar Baharu ke Politeknik Hulu Terengganu.



Bertempat di Mini Auditorium Pintar, warga akademik PHT mengikuti Bengkel Interpretasi Kurikulum dan Pem-binaan Item Berkualiti selama dua hari, 22 &23 Februari 2022. Bengkel telah dikendalikan oleh penceramah dari Politeknik Kota Bharu, Pn.Hjh Nor Aziah Hj Abdullah.



Politeknik Hulu Terengganu telah mengadakan Program Taklimat Pengarah,Hj Azahan Hj Daud bersama Ibu bapa Secara Dalam Talian menggunakan platform Webex pada 22 Februari 2022. Ibu bapa yang hadir telah dapat pen- cerahan mengenai PHT secara terperinci sebelum pendaftaran pelajar baharu pada 27.2.2022.



Sesi rakaman video ucapan Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud sempena Majlis Konvokesyen ke-8 telah diadakan di Bilik Multimedia Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Terima kasih diucapkan.



Jawatankuasa pendaftaran pelajar baharu berkesempatan menyambut kehadiran beberapa orang pelajar baharu bersama ibu-bapa namun pendaftaran masuk ke PHT ditangguhkan buat sementara waktu kerana laluan masuk ke PHT telah ditutup dan beberapa orang jawatankuasa terkandas di PHT. Semoga dipermudahkan segala urusan semua.



28.2.2022| CSR KESUKES PHT

CSR Kelab Kebajikan dan Staf PHT telah diadakan 28.2.2022. Warga kerja PHT yang terlibat banjir iaitu En.Noor Fiteri Abdullah, Pn.Noriah, Pn.Ain dan En.Mohamad telah mengalami musibah banjir yang melanda Hulu Terengganu semalam. KESUKES PHT diketuai oleh En.Amran telah membantu membersihkan rumah yang terlibat juga mengagihkan sumbangan berupa bekalan makanan. Terima kasih KESUKES PHT.



23.2.2022 - LAWATAN PENANDA ARAS PHT KE PSMZA

Delegasi PHT telah berkunjung ke PSMZA bagi meninjau perjalanan Majlis Konvokesyen PSMZA yang lalu. Dele- gasi tersebut seramai 11 orang diketuai sendiri oleh Tn Hj Azahan Daud, Pengarah PHT.



Editor: Mohd Hishamudin Mat

“Jika kita mahu berusaha, maka kejayaan akan menjadi milik kita”

AKTIVITI BULAN MAC 2022

1.3.2022|CSR PHT

Puspanita dan Kelab Kebajikan dan Sukan Staf PHT telah meneruskan program CSR Misi Prihatin (Bantuan Banjir) kepada staf PHT yang terkesan akibat banjir hari ini di Kuala Berang,Hulu Terengganu. Sumbangan dan bantuan pembersihan rumah kepada staf tersebut telah diketuai oleh Timbalan Pengerusi Puspanita PHT, Pn. Wan Norliana Wan Sulong bersama-sama jawatankuasa Puspanita dan KESUKES yang lain



2.3.2022 - CSR PHT PASCA BANJIR

Sukarelawan dari Kelab Kebajikan Sukan Staf telah membantu warga kerja PHT yang terlibat dengan banjir. Para sukarelawan telah membersihkan dua buah rumah yang terjejas teruk akibat lumpur banjir iaitu rumah En.Isa Ahmad dan En.Mohamad Sulaiman di Kg. Sekayu. Turut hadir Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud serta Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr. Hj. Abu Bakar Zakaria.





◆◆◆◆◆
BULETIN PHT HEBAT (EDISI JAN-JUN 2022)

Sukarelawan Puspanita PHT telah membantu warga kerja PHT yang terlibat dengan banjir. Para sukarelawan telah membersihkan dua buah rumah yang terjejas teruk akibat lumpur banjir iaitu rumah Pn.Noriah Yusof di Kg. Bukit Biah, dan rumah Pn.Masnisa Mukhtar di Kg.Kuala Menjing.



2.3.2022|MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI 2 2021/2022

Pelajar Baharu Politeknik Hulu Terengganu telah menghadiri Minggu Transformasi Siswa bagi Sesi 2 2021/2022. Untuk hari pertama antara slot yang ada ialah Pengurusan HEP & Disiplin (En Mat Yusof @ Abdullah Bin Yaacob dan En Azmi Bin Ismail), Taklimat ICT (En Muhamad Zainul Bin Mohamed), PTPTN & Biasiswa (En.Azmi Bin Ismail), Kokurikulum & Pemilihan Kelab (En.Mohd Razhan Ariff Bin Mohd Zain), Peperiksaan(Pn Herdayanty Binti Abdul Vziz) dan Taklimat Kam- sis (Pn Nur Adlina Binti Mohd). Minggu Transformasi Siswa telah berlangsung secara dalam talian menggunakan platform Microsoft Team.



Kunjungan prihatin dari Unit Hal Ehwal pelajar mewakili pihak Politeknik Hulu Terengganu (PHT) melawat pelajar baharu Muhammad Haikal bin Rosli dari program DHR 1A yang terlibat kemalangan jalan raya semasa hadir untuk lapor diri pelajar baharu pada 27.2.22 baru-baru ini. Penyerahan sumbangan hasil kutipan dari warga PHT telah disampaikan oleh En. Abdullah @Mat Yusof Yaacob juga En. Azmi Ismail kepada abang pelajar tersebut.



◆ ◆ ◆ ◆ ◆


BULETIN PHT HEBAT (EDISI JAN-JUN 2022)

Terima kasih Kolej Komuniti Bera, Kolej Komuniti Temerloh dan Kolej Komuniti Bentong di atas sumbangan air mineral kepada mangsa banjir di Hulu Terengganu.
Hadir sama memberi sumbangan, Pengarah Kolej Komuniti Bera, En Md Shafiq
Khairil bin Ismail .
Terima kasih diucapkan.



8.3.2022|BENGKEL ANJURAN UJK DAN ULPL

Bengkel Penyelarasan KPI 2022 telah diadakan pada 6-7 Februari 2022 secara dalam talian. Bengkel anjuran Unit Jaminan Kualiti dan ULPL PHT ini telah dikendalikan oleh Hj Wan Mustaffa bin Wan Yussof kepada lapan penyelaras KPI PHT dan JPPKK.



8.3.2022| MESYUARAT PENGURUSAN BIL 3/2022

Politeknik Hulu Terengganu telah melaksanakan Mesyuarat Pengurusan secara atas talian pada hari ini menggunakan platform WEBEX. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Hj Azahan HJ Daud, Pengarah, PHT. Pelaksanaan mesyuarat ini bertepatan dengan saranan MKN bagi memastikan pematuhan SOP di tempat kerja perlu dipatuhi. Terima kasih kepada semua ahli mesyuarat pengurusan yang hadir dalam mesyuarat ini.



8.3.2022|MESYUARAT KONVOKESYEN PHT

Mesyuarat Konvokesyen bil 4/22 telah diadakan secara dalam talian menggunakan platform Microsoft Team melibatkan semua jawatankuasa yang telah dilantik disetiap jabatan dan unit di PHT. Berbaki dua minggu lagi Majlis Konvokesyen kali kelapan yang akan diadakan secara hybrid di Dewan Batu Bersurat PHT.



Webinar Bijak Cukai 15 Mac 2022

Anjuran Jabatan Perdagangan dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan

Jabatan perdagangan dengan kerjasama
Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan

WEBINAR

BIJAK CUKAI

15 MAC 2022

SELASA
9.00 Pagi - 1 Tengahari

ATAS TALIAN
Microsoft Teams

Sila scan QR Code untuk Pendaftaran

SETIAP PESERTA AKAN DIBERI E-SIJIL

<https://app.mypolycc.edu.my/epsh/poli/borang/>
Link Pendaftaran

Sebarang Pertanyaan hubungi :
019-3566548 (Azmi) 019-7574807 (Dameliza)


SCAN ME

 Politeknik Hulu Terengganu
 Polihuluterengganu_Official
 <https://pht.mypolycc.edu.my/>

Proses meletak bakteria baik untuk Tasik PHT oleh staf Politeknik Jeli Kelantan telah diadakan pada 12.3.2022



14.3.2022|LAWATAN PHT KE PKD HULU TERENGGANU

Lawatan kunjungan hormat Pengarah PHT, Hj.Azahan Hj. Daud ke Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Terengganu yang mana telah berjumpa Dr Goh Soo Ning, Pakar Kesihatan Awam, Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Terengganu.



15.3.2022|PHT DAN RELA

Kunjungan hormat Tn Aizat, Pegawai Rela Daerah Hulu Terengganu ke Politeknik Hulu Terengganu telah disambut oleh Pengarah PHT, Hj Azahan bin Hj Daud pada 15.3.2022. Isu-isu yang dibincangkan adalah berkaitan dengan halal tuju Relasis Politeknik pada sesi baharu.



16.3.2022|GOTONG-ROYONG SUMBANGAN BANTUAN BANJIR

Jawatankuasa Pelaksana Program Pasca Banjir peringkat Politeknik Hulu Terengganu dengan kerjasama YES Politeknik sedang membungkus dan menyiapkan barang untuk di- agihkan di beberapa kawasan di Daerah Hulu Terengganu antaranya Kampung Kuala Ping, Kampung Sekayu, Kampung Kuala Menjing dan beberapa kawasan lagi. Sumbangan ba- rangan ini adalah sumbangan dari warga politeknik dan kolej komuniti seluruh Malaysia.



16.3.2022| SUMBANGAN BANTUAN BANJIR KEPADA STAF PHT YANG TERKESAN

Bertempat di lobi Politeknik Hulu Terengganu, Pengarah PHT, Hj Azahan Hj Daud, diiringi oleh Timbalan Pengarah Akademik, Pn Wan Norliana Wan Sulong dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr. Hj Abu Bakar Zakaria, telah menyerahkan sumbangan bantuan banjir daripada warga POLYCC kepada warga Politeknik Hulu Terengganu yang terkesan dengan banjir baru- baru ini.

Sumbangan ini adalah salah satu tanda keprihatinan dan tanggungjawab sosial warga POLYCC kepada kakitangan akademik dan sokongan akademik PHT yang terkesan akibat musibah banjir yang melanda baru- baru ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada para penyumbang iaitu warga POLYCC.



16.3.2022|AGIHAN SUMBANGAN DI KUALA PING OLEH YES PHT DAN JAWATANKUASA PASCA BANJIR

Jawatankuasa Pelaksana Program Pasca Banjir peringkat Politeknik Hulu Terengganu dengan kerjasama YES PHT telah mengagihkan sumbangan bantuan banjir di Kampung Kuala Ping, Sumbangan bantuan barang ini adalah dari warga politeknik dan kolej komuniti seluruh Malaysia. Terima kasih diucapkan.



17.3.2022|LAWATAN SEKITAR KAMPUS PHT

Telah Berlangsung petang tadi lawatan kampus oleh Pengarah Politeknik Malaysia ke Politeknik Hulu Terengganu selepas misi bantuan pasca banjir di Kampung Kuala Menjing, Hulu Terengganu. Terima kasih di atas kesudian berkunjung ke kampus PHT.



17.3.2022| PENGARAH POLITEKNIK MALAYSIA HULUR BANTUAN PASCA BANJIR

Pengarah Politeknik Malaysia telah terlibat dengan Program CSR Bantuan Pasca Banjir di Kampung Kuala Menjing Kuala Berang, Hulu Terengganu hari ini. Misi ini telah diketuai oleh tuan rumah, Politeknik Hulu Terengganu. Misi pada kali ini juga telah menghulurkan sumbangan berupa ma- kanan kering, air minuman, toto, tuala, bantal, periuk, dapur dan beberapa barang lain hasil sum- bangan warga Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia yang mana telah dikumpulkan di Politeknik Hulu Terengganu sebelum ini. Agihan ini merupakan agihan yang ketiga selepas agihan dibuat di Kampung Kuala Ping, Kampung Bukit Biah dan Kampung Sekayu sebelum ini.

Program CSR ini juga turut disertai oleh para pelajar YES Politeknik. Misi bantuan kali ini telah ke 28 buah rumah di Kampung Kuala Menjing termasuk rumah seorang pelajar PHT, Hemi Zainajlah Mamat yang terjejas teruk akibat banjir yang melanda Hulu Terengganu, 27 Februari 2022 yang lalu.

Semoga dengan bantuan yang dihulurkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia ini sedikit sebanyak dapat membantu penduduk di Hulu Terengganu.



18.3.2022| LAWATAN PIHAK BKPK KE PHT

Unit Pembangunan Profesional, Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK) diketua- ai oleh Pn Jamaliah Ahmad telah ke Politeknik Hulu Terengganu pada 17.3.2022 bagi tujuan se- makan pengisian dan penempatan perjawatan di Politeknik Hulu Terengganu(PHT). Lawatan pihak BKPK ini disambut baik oleh PHT yang mana telah diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Wan Norliana Wan Sulong.




19.3.2022| PENDAFTARAN KAMSIS PELAJAR SENIOR

Pendaftaran Kamsis Pelajar Senior PHT bagi Sesi 2 2021/2022 telah diadakan pada 19.3.2022 di Dewan Batu Bersurat PHT. Pendaftaran ini telah mengikut SOP yang telah digariskan. Pelajar semester 1 hingga semester 5 juga telah mendaftar masuk kamsis secara pandu lalu selepas melakukan ujian kesihatan di dewan.



21.3.2022| PPI PHT

Penyelaras PPI PHT, Pn. Zaidah Mamat dengan kerjasama ULPL PHT telah menganjurkan Perkongsian Ilmu Pensyarah Pelawat Industri pada 21 Mac 2022, Isnin menggunakan platform Google Meet kepada semua warga akademik PHT.



21.3.2022|BENGKEL KPI PHT

Unit Jaminan Kualiti dengan kerjasama ULPL PHT telah menganjurkan Bengkel Pengisian Data KPI dalam PERSIST di Makmal Komputer 1 yang mana melibatkan pemilik KPI di PHT.



22.3.2022|PERHIMPUNAN BULANAN PHT ANJURAN JP

Bermula jam 8.45 pagi hingga 11.00 pagi telah berlangsung Perhimpunan Bulanan Warga Politeknik Hulu Terengganu, anjuran Jabatan Perdagangan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Dalam program ini dimulakan dengan tazkirah ringkas bertajuk "Ihya Ramadan" disampaikan oleh Dr. Saidi Muda, seterusnya ucapan dari Pengerusi KESUKES, En.Noor Fiteri Abdullah dan terakhir Pengarah PHT, Hj Azahan Hj Daud yang mana telah menyampaikan amanat berkaitan perjawatan dan isu-isu semasa kepada semua warga PHT yang hadir.



Suasana pilihanraya kampus PHT. Pemasangan poster di susur gajah ke kamsis lelaki dan perempuan.



24.3.2022|PILIHANRAYA KAMPUS PHT

Suasana Pilihanraya Kampus, Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu (PHT) 2022 telah diadakan pada hari ini 24.3.2022. Pilihanraya ini berlangsung di Bilik Serbaguna berhadapan Koperasi PHT. Proses pengundian bermula pd jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari.



24.3.2022| MARHABAN YA RAMADAN

Puspanita PHT telah menganjurkan Program Marhaban Ya Ramadhan yang mana telah diadakan pada 24/3/2022 bertempat di Lobi Reception Resort, PHT. Program ini telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Puan Fatimah binti Muhamad Nawi, Pengurus Puspanita PHT. Penceramah program “Marhaban Ya Ramadhan”, Ustazah Chen Zhi Ming turut hadir bagi memeriahkan program. Selain itu, penyampaian sumbangan persekolahan serta penyampaian Sijil CSR turut diadakan kepada ahli Puspanita PHT.



24.3.2022| MESYUARAT PENGURUSAN AKADEMIK BIL1/2022

Mesyuarat Pengurusan Akademik Bil 1 / 2022 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Harmoni pada 24.3. 2022. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Akademik, Pn.Wan Norliana Wan Sulong.



26.3.2022| PENDAFTARAN KAMSIS PELAJAR SEMESTER SATU

Pendaftaran Kamsis Pelajar Baharu PHT, semester 1 bagi Sesi 2 2021/2022 telah diadakan pada hari ini, 26.3.2022 di Dewan Batu Bersurat PHT. Pendaftaran ini telah mengikut SOP yang telah digariskan. Pelajar semester 1 ini juga telah mendaftar masuk kamsis secara pandu lalu selepas melakukan ujian kesihatan di dewan.



Lawatan Kunjungan Hormat Politeknik Hulu Terengganu ke Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu diketuai oleh Pengarah PHT, Hj Azahan Hj Daud.



Majlis Konvokesyen Politeknik Hulu Terengganu (PHT) Kali Ke-8 buat julung kalinya akan diadakan di kampus baharu PHT. Majlis ini berlangsung di Dewan Batu Bersurat PHT

28.3.2022|SIDANG PERTAMA MAJLIS KONVOKESYEN PHT KALI KE-8

Seramai 104 graduan diraikan secara hibrid dengan menerima penganugerahan Diploma Akauntansimasing-masing pada sidang pertama yang berlangsung pada Majlis Konveksyen PHT ke-8 bertempat di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu (PHT) hari ini 28 Mac 2022.



28.3.2022| ANUGERAH KHAS PENGARAH

Dalam sidang pertama ini, tiga graduan PHT telah dianugerahkan sebagai pelajar cemerlang iaitu dengan menerima Anugerah Khas Pengarah Saudara Amirul Nizam Bin Amrisal untuk Sesi Jun 2017(DUP), Sesi Dis 2017(DAT) kepada Nurul Azra Amirah binti Kamarul Bahri, Anugerah Pelajar Cemerlang Sesi Jun 2018 (DAT) kepada Saudari Nurulaiman binti Masmi Tajuddin.



28.3.2022| HARI BERTEMU PELANGGAN

Hari Bertemu Pelanggan PHT telah diadakan pada 28.3.2022. Kaunter untuk maklumbalas pelanggan serta kempen 'like' media sosial ini bertempat di hadapan Koperasi PHT. Pelanggan PHT dijemput untuk memeriahkan kaunter ini pada esok 29.3.2022 dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.



28.3.2022|PROJEK TERBAIK SESI DIS 2018

Projek Akhir Sesi Disember 2018 bertemakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Kumpulan di bawah bimbingan En Fahimdin bin Mohd Yusof @ Kamal telah menuarai pembentangan sekaligus diangkat menjadi projek terbaik pada sesi tersebut. Projek diberi nama Aplikasi Mai Masjid sebagai medium penyampaian maklumat bagi pengimaranan masjid berdasarkan pelancongan Islam di Negeri Terengganu. Pada Majlis Konvokesyen Politeknik Hulu Terengganu kali ke-8, kumpulan ini telah menerima piala serta sijil kemenangan.



28.3.2022|MUSICAL X-BOX:PROMOTING BEAUTIFUL TERENGGANU TERIMA ANUGERAH PROJEK TERBAIK

Musical X-Box: Promoting Beautiful Terengganu salah satu inovasi yang menampilkan kotak muzik yang mempunyai lagu Terengganu yang mana memberikan informasi berkaitan Negeri Terengganu dan ia dwibahasa, sesuai untuk semua kategori pelancong. Kumpulan projek yang mengetengahkan inovasi ini pada Sesi Jun 2020 telah dianugerahkan sebagai projek terbaik dalam Majlis Konvokesyen PHT Kali Ke-8 pada 28.3.2022, bertempat di Dewan Batu Bersurat.



29.3.2022|PHT LAKSANA MAJLIS KONVOKESYEN SECARA HYBRID PADA SIDANG KEDUA

Sidang kedua Majlis Konvokesyen PHT Kali ke-8 pada 29.3.2022 telah diadakan secara hibrid bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. Pihak pengurusan PHT bersepakat agar majlis bersejarah bagi graduan kali ini diadakan secara hibrid. Sidang kedua ini melibatkan 144 orang graduan yang mana menerima penganugerahan diploma dalam bidang Pengurusan Pelancongan.



29.3.2022| MAJLIS KONVOKESYEN SUKA DAN DUKA

Ibu bapa mana yang tidak bangga melihat anak mereka memakai jubah dan memegang skrol dalam Majlis Konvokesyen kerana berjaya menamatkan pengajian. Begitulah juga suasana di Majlis Konvokesyen Politeknik Hulu Terengganu kali ke-8 yang diadakan di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu. Suasana gembira ibu bapa melihat anak mereka berjaya turut dirasai walaupun ada yang berkerusi roda. Graduan Pengurusan Pelancongan, sesi Dis 2019, Muhammad Haikal Rizqullah Bin Mohamed gembira setelah menerima penganugerahan diploma. Pelajar ini kelihatan tenang sambil menolak kerusi roda ibunya keluar dari Dewan Batu Bersurat. Ada juga bapa yang berkerusi roda membawa pelitup muka anaknya sebelum nama anaknya dipanggil untuk sesi penganugerahan diploma. Kenangan suka dan duka di majlis konvokesyen kali ini begitu bermakna untuk semua agar sentiasa menghargai pengorbanan ibu bapa.



30.3.2022| PROGRAM CSR DITERUSKAN

Misi bantuan pasca banjir diteruskan lagi kepada penduduk kawasan Kuala Menjing, Kuala Berang yang terkesan akibat banjir yang melanda Hulu Terengganu. Misi ini telah diketuai oleh En. Noor Fiteri Abdullah dan En. Abdullah @ Mat Yusof Yaacob.



30.3.2022|TAKLIMAT KESIHATAN KEPADA PELAJAR PHT

Taklimat kesihatan kepada pelajar Politeknik Hulu Terengganu telah disampaikan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Terengganu di Dewan Batu Bersurat hari ini 30.3.2022. Pelajar yang terlibat adalah pelajar Semester 2 hingga semester 5. Program galakan vaksin kepada seluruh warga Politeknik Hulu Terengganu juga merupakan salah satu pengisian dalam taklimat ini.



30.3.2022| MESYUARAT PERSEDIAN AUDIT DALAMAN PHT

Mesyuarat Persediaan Audit Dalaman PHT telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPH pada 30.3.2022. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Jawatankuasa Audit Dalaman, En. Fahimdin bin Mohd Yusof @Kamal. Audit Dalaman PHT akan dijalankan selama 4 hari bermula 10.4.2022 hingga 14.4.2022.



31.3.2022| TAKLIMAT KAMSIS

Telah berlangsung semalam, 31.3.2022, Taklimat Kamsis kepada semua pelajar PHT yang mana telah di adakan di Dewan Batu Bersurat. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Warden, Pn. Nur Adlina Mohd.



31.3.2022| PELAJAR MENDAFTAR U-PUSTAKA

Pelajar Politeknik Hulu Terengganu telah ke Perpustakaan Daerah Hulu Terengganu untuk mendaftar keahlian u-pustaka. Pelajar juga telah diberi taklimat berkenaan dengan portal u-pustaka oleh pihak pengurusan perpustakaan daerah. Para pelajar boleh mencapai pelbagai sumber elektronik seperti e-buku, e-jurnal, e-majalah, e-suratkhabar dan portal e-pembelajaran melalui u-pustaka. Program ini adalah anjuran Perpustakaan Daerah Hulu Terengganu dengan kerjasama Perpustakaan Politeknik Hulu Terengganu.



AKTIVITI BULAN APRIL

3.4.2022 | GOTONG-ROYONG KAMSIS

Exco Kamsis Siswi di bawah Biro Kamsis, Majlis Perwakilan Pelajar PHT telah mengadakan gotong-royong di Kamsis Cemara PHT pada 2.4.2022.



5.4.2022 | LAWATAN PPD KE PHT

Lawatan dari Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu ke Politeknik Hulu Terengganu telah diadakan pada hari ini bagi membincangkan kerjasama berkenaan Sambutan Hari Guru 2022 Peringkat Daerah Hulu Terengganu yang diadakan pada 26.5.2022.



5.4.2022| MESYUARAT PENGURUSAN BIL 3/2022

Mesyuarat Pengurusan Bil 3/2012 telah dijalankan pada hari ini 5.4.2022 secara dalam talian menggunakan platform Google Meet bagi membincangkan perkara berbangkit di PHT serta bagi merealisasikan semua KPI yang telah ditetapkan.



7.4.2022|MESYUARAT DAN LAWATAN KERJA BKIK KE PHT

Mesyuarat Kolaborasi dan Lawatan Kerja Industri antara Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti bersama industri terapi kecantikan dan spa di kampus PHT telah diadakan pada hari ini 07/04/2022.

Lawatan ini diketuai oleh Pengarah BKIK, Puan Yusma bt. Yusof dan wakil industri adalah daripada Koperasi Spa Negeri Terengganu yang terdiri daripada Pemilik Warisan Spa, Jelita Spa, Nutrix Spa dan Munie's Beauty and Spa. Ia bertujuan untuk membincangkan halatuju dan perancangan kolaborasi untuk pemantapan Program Diploma Pengurusan Resort yang akan menawarkan kursus Basic Spa Operation di semester 5 nanti.



10.4.2022| MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT

Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman telah diadakan pada hari ini di Bilik Mesyuarat Harmoni melibatkan semua ahli mesyuarat pengurusan dan juga pemilik dokumen yang terlibat. Mesyuarat telah dibuka oleh Ketua Pasukan Audit Dalaman, En. Fahimdin bin Mohd Yusof@Kamal yang mana menerangkan secara ringkas berkaitan butiran audit.



10.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI PERTAMA DI UNIT CISEC

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh Pn.Maznah Hj Abdullah telah mengaudit Unit CISEC dibawah kelolaan Pn.Syuhairah Ghani yang mana telah melihat perancangan keperluan aktiviti yang menyokong KPI serta pengurusan rekod dan pelaporan yang telah dijalankan pada sesi sebelum dan semasa.



10.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI PERTAMA DI JPH DAN JP

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh Pn. Zaleha Sulong telah mengaudit Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti yang mana diketuai oleh Ketua Jabatan, En.Noor Fiteri Abdullah dan juga Jabatan Perdagangan diketuai oleh Pn.Azmah Salleh. Kumpulan auditor ini telah melihat proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di setiap jabatan yang terlibat pada sesi semasa dan juga sesi sebelum.



10.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI PERTAMA DI UPS

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh Pn.Nuru Aseaking Ismail telah mengaudit Unit Penyelenggaraan dan Senggaraan dibawah kelolaan En.Faiz Abdul Ghani yang mana telah melihat perancangan unit, risiko dan peluang yang terlibat.



10.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI PERTAMA DI UNIT PENTADBIRAN

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh Pn.Wan Nor Azida Wan Ali telah mengaudit Unit Pentadbiran dibawah kelolaan Pn.Fatimah Sulaiman yang mana telah melihat perancangan, keperluan dan pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan rekod yang terlibat.



10.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI PERTAMA DI UNIT KEUSAHAWANAN

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh En. Fahimdin bin Mohd Yusof @Kamal telah mengaudit Unit Keusahawanan dibawah kelolaan Pn.Nuru Aseaking yang mana telah melihat perancangan keperluan aktiviti yang menyokong KPI serta pengurusan rekod dan pelaporan unit.



10.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI PERTAMA DI UNIT PENGURUSAN

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh En. Fahimdin bin Mohd Yusof @Kamal telah mengaudit Unit Pengurusan dibawah pimpinan Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud yang mana telah melihat perancangan operasi keseluruhan organisasi.



11.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI KEDUA DI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh En. Fahimdin bin Mohd Yusof @Kamal telah mengaudit Unit Komunikasi Korporat dibawah kelolaan Pn.Nurul Ilyani Abdullah yang mana telah melihat pengurusan aduan dan maklumbalas pelanggan.



11.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI KEDUA DI USKK

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh En. Fahimdin bin Mohd Yusof @Kamal telah mengaudit Unit Sukan Kebudayaan dan Kokurikulum(USKK) dibawah kelolaan En. Razhan Ariff Mohd Zain yang mana telah melihat perancangan keperluan aktiviti yang menyokong KPI serta pengurusan rekod dan pelaporan unit.



11.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI KEDUA DI UNIT PEPERIKSAAN

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh Pn.Maznah Hj Abdullah telah mengaudit Unit Peperiksaan dibawah kelolaan Pn.Masnisa yang mana telah melihat perancangan keperluan aktiviti yang menyokong KPI serta pengurusan item peperiksaan sesi semasa dan sebelum.



11.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI KEDUA DI UNIT PERPUSTAKAAN, ULPL DAN LATIHAN INDUSTRI

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh Pn. Zaleha Sulong telah mengaudit Unit Perpustakaan di bawah kelolaan Pn Nasariah Mahmud, ULPL di bawah kelolaan Pn.Dameliza Damain dan Unit Pengurusan Latihan Industri dibawah kelolaan Pn. Maznah Hj Abdullah. Kumpulan auditor ini telah melihat proses latihan industri, pengurusan latihan staf yang telah dijalankan serta perancangan sumber serta risiko dan peluang.



11.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI KEDUA DI UICT DAN PENTADBIRAN

Kumpulan Auditor yang diketuai oleh Pn.Wan Nor Azida Wan Ali telah mengaudit Unit Pentadbiran(Pengurusan Bas) dibawah kelolaan Pn.Fatimah Sulaiman dan juga UICT dibawah kelolaan En.Zainol yang mana telah melihat perancangan, keperluan dan pengurusan risiko dan pengurusan rekod yang terlibat.



12.4.2022|LAWATAN KOLABORASI

Lawatan Kolaborasi pihak pengurusan Politeknik Hulu Terengganu diketuai oleh Pengarah, Hj Azahan Hj Daud ke Jabatan Akauntan Negera Malaysia Cawangan Terengganu telah diadakan pada 11.4.2022. Pengarahanya, En Fauzi Mamat turut bersama menerima lawatan dari pihak PHT ini.



12.4.2022| AUDIT DALAMAN HARI KETIGA DI PHT

Lima kumpulan auditor yang diketuai oleh En.Fahimdin bin Mohd Yusof@Kamal telah melakukan tugas audit pada hari ketiga di jabatan dan unit yang terlibat antaranya Unit Hal Ehwal Pelajar, Unit Jaminan Kualiti, Unit Penyelidikan dan Inovasi dan juga Jabatan Pengajian Am, PHT.



SALAH SEORANG ATLET SILAT UNTUK SUKMA DARI PHT

Pelajar Jurusan Pengurusan Pelancongan, semester satu, Alif Haikal bin Abdul Halim ini mula berkecimpung dalam sukan silat ketika di tingkatan 1 melalui kurikulum sekolah. Beliau mula aktif semasa di Tingkatan 3. Pencapaian tertinggi beliau ialah dengan merangkul pingat emas semasa Karnival Silat Kebangsaan tahun 2019. Beliau juga merupakan atlet silat SUKMA mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walaupun telah melanjutkan pelajaran di Politeknik Hulu Terengganu, beliau masih meneruskan latihan secara kerap dengan melakukan pelbagai aktiviti kardio dan jogging di persekitaran kampus PHT bagi mengekalkan stamina dan juga sebagai persediaan menyertai acara sukan yang diadakan.



20.4.2022| MESYUARAT PENUTUP AUDIT DALAMAN

Mesyuarat Penutup Audit Dalaman 2022 telah diadakan pada jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat Harmoni hari ini. Mesyuarat telah berjalan dengan lancar dan beberapa penambahbaikan perlu dilakukan oleh pemilik proses supaya menjadi persediaan kepada audit penuh dijangka bulan Jun nanti.



21.4.2022| PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10MINIT

Telah berlangsung Program Jom Baca Bersama 10 minit anjuran Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu dengan kerjasama Pusat Sumber Darul Hikmah, PHT hari ini, 21.4.2022. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj.Daud. Program ini merupakan acara tahunan yang mana diadakan serentak di seluruh Malaysia.



21.4.2022|PROGRAM JOM BACA 10 MINIT DALAM TALIAN

Bertempat di Pusat Sumber Darul Hikmah, PHT Jam 11 pagi, Program Jom Baca Bersama 10 minit berlantas lansung bersama Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu melalui pautan Google Meet. Dengan tema "Bangkit baca dan bersyukur", program ini mencapai sasarnanya kepada seluruh warga PHT.



21.4.2022| PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10MINIT PERINGKAT PHT

Bertempat di Pusat Sumber Darul Hikmah, telah berlangsung Program Jom Baca Bersama 10 minit. Program ini telah dimulakan dengan ucapan aluan, Dr. Hj Abu Bakar Zakaria disusuli dengan pembacaan oleh warga PHT jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi.



25.4.2022|PROGRAM WORLD QURAN HOUR PHT

Warga PHT hari ini telah mengimarahkan bulan Ramadan (24 Ramadan 1443H) dengan penganjuran Program WORLD #QuranHour peringkat Politeknik Hulu Terengganu yang mana telah diadakan di Pusat Sumber Darul Hikmah. Kali ini Surah Al-Sajdah telah dibacakan oleh warga PHT. Turut hadir Hj Azahan Hj Daud, Pengarah PHT.



25.4.2022|SUMBANGAN KEPADA PELAJAR

Antara pengisian Program World Quran Hour, peringkat PHT ialah sumbangan kepada mangsa banjir yang melibatkan pelajar PHT. Sumbangan ini telah disampaikan oleh pengarah PHT, Hj Azahan Haji Daud kepada pelajar yang terlibat di Pusat Sumber Darul Hikmah pada 25.4.2022.



27.4.2022| MESYUARAT PENGURUSAN BIL 4/2022

Mesyuarat Pengurusan Bil. 4/22 telah diadakan pada 27.4.2022 di Bilik Mesyuarat Harmoni. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud dengan kehadiran 23 orang ahli mesyuarat pengurusan dari jabatan dan unit di Politeknik Hulu Terengganu.



27.4.2022| ZAKAT KOOPERASI PHT

Telah berlangsung Majlis Penyampaian Zakat daripada Kooperasi PHT di Unit Hal Ehwal Pelajar PHT. Penyampaian zakat ini telah disempurnakan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud kepada pelajar golongan B40.



28.4.2022|PENGHANTARAN PELAJAR PULANG AIDILFITRI

Pihak Politeknik Hulu Terengganu hari ini telah menyediakan perkhidmatan menghantar pelajar ke Stesen Bas Kuala Terengganu dan Lapangan Terbang Sultan Mahmud kepada pelajar yang pulang beraya pada cuti semester kali ini.



AKTIVITI BULAN MEI

10.5.2022| MESYUARAT 'POST-MORTEM' AUDIT DALAMAN

Mesyuarat 'Post-Mortem' Audit Dalaman telah diadakan pada hari ini di Bilik Mesyuarat JPH, PHT. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh En. Fahimdin bin Mohd Yusof@ Kamal, Ketua Juruaudit PHT.



10.5.2022|KURSUS CPCM

Kursus CPCM Penyeliaan Dan Kepimpinan Organisasi Siri 1/2022 yang mana urusetia Politeknik Hulu Terengganu telah diadakan selama tiga hari bermula 9 Mei 2022.



10.5.2022 | TAKLIMAT PENGENALAN LATIHAN INDUSTRI

Taklimat Pengenalan Latihan Industri kepada para pelajar Semester 5, Diploma Pengurusan Pelancongan telah diadakan pada hari ini 10.5.2022. Para pelajar telah diterangkan mengenai prosedur permohonan tempat Latihan oleh Ketua Unit Perhubungan Latihan Industri, Puan Maznah binti Hj. Abdullah. Taklimat ini juga disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik iaitu Puan Wan Norliana binti Wan Sulong.



Syabas dan tahniah diucapkan kepada pensyarah Politeknik Hulu Terengganu di atas pemangkuan PPPT Gred DH44 dan DH48



16.5.2022|SAMBUTAN HARI GURU DI PHT

Sambutan Hari Guru telah diadakan pada hari ini bagi meraikan warga pendidik di Politeknik Hulu Terengganu. Turut hadir meraikan hari yang bersejarah ini, Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud. Pengurus KESUKES, En.Noor Fiteri Abdullah turut memberikan penghargaan hari guru kepada Pengarah PHT.



17.5.2022|MESYUARAT DI PHT

Mesyuarat Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar telah diadakan pada hari ini di Bilik Mesyuarat Harmoni, PHT melibatkan jawatankuasa anugerah yang telah dilantik. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh En. Abdullah @Mat Yusof Yaacob, Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar, PHT.



17.5.2022|POGRAM ANJURAN UPK PHT

Program Motivasi Kecemerlangan Pelajar PHT 2022 telah diadakan pada hari ini di Dewan Batu Bersurat. Program ini anjuran Unit Psikologi dan Kerjaya(UPK PHT) yang mana telah melibatkan semua pelajar PHT.



17-18.5.2022|KURSUS PENULISAN ILMIAH BERIMPAK TINGGI

Unit Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Hulu Terengganu telah menganjurkan Kursus Penulisan Ilmiah Berimpak Tinggi kepada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. Seramai 25 orang peserta dipilih untuk menghadiri kursus ini dan dibantu 3 orang urusetia. Pihak urusetia telah melantik penceramah pakar iaitu Dr Tengku Ahmad Badrul Shah Bin Raja Hussain yang merupakan Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi dan dibantu Dr Nik Azida Bt Abd Ghani yang merupakan pensyarah kanan, Politeknik Kota Bharu.



22.5.2022|PHT NETBALLERS A & PHT NETBALLERS B DI KEJOHANAN BOLA JARING

Bertempat di Kompleks Sukan Telemong, Kuala Ping, Politeknik Hulu Terengganu telah menghantar dua pasukan, PHT NETBALLERS A dan PHT NETBALLERS B di Kejohanan Bola Jaring Malaysia Sport League (MSL) 2022 Peringkat Daerah Hulu Terengganu pada 21.5.2022. PHT NETBALLERS A telah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan ini. PHT Netballers telah mendapat bimbingan dari Pengurus dan Jurulatih Puan Nur Adlina Binti Haji Mohd dan Penolong Pengurus Cik Nadia Nurul Adibah Binti Ahmad Fuad.



24.5.2022| MESYUARAT DI PHT

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (KSP) Bagi Tahun 2021 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Harmoni, PHT. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah PHT, Hj.Azahan Hj. Daud.



26.5.2022|TAKLIMAT DAN PAMERAN JOM MASUK POLYCC

Taklimat promosi politeknik dan kolej komuniti dan Pameran Jom Masuk Politeknik dan Kolej Komuniti telah diadakan di Dewan Batu Bersurat, PHT hari ini sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Daerah Hulu Terengganu. Taklimat telah disampaikan oleh En. Abdullah @Mat Yusof @Yaacob, Ketua Unit HEP PHT. Pameran Jom Masuk POLYCC pula telah melibatkan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Politeknik Besut, Politeknik Kuala Terengganu dan Kolej Komuniti Kuala Terengganu.



29.5.2022|TAKLIMAT LI

Taklimat Pemantauan dan Penilaian Latihan Industri kepada pensyarah pemantau dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dan Jabatan Perdagangan bagi Sesi 2 2021/2022 telah diadakan pada hari ini secara dalam talian melalui pautan Microsoft team. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pn.Maznah Hj.Abdullah.



30.5.2022| PELAJAR PHT MEWAKILI POLITEKNIK MALAYSIA

Majlis penyerahan pelajar Politeknik Hulu Terengganu, Muhammad Adam Danial Yusmady, untuk menghadiri latihan pusat pasukan Taekwondo dan menyertai kejohanan National Varsity Taekwondo Championship 2022 anjuran KPTM yang mana mewakili Politeknik Malaysia.



30.5.2022|MESYUARAT PENGURUSAN DI PHT

Mesyuarat Pengurusan Bilangan 5/2022 telah diadakan pada 30.5.2022 di Bilik Mesyuarat Harmoni, PHT. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah PHT, Hj.Azahan Hj.Daud.



31.5.2022|AKTIVITI PHT DI INDUSTRI

Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (USKK) PHT telah terlibat dalam Sesi Taklimat & Libat Urus Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) peringkat Negeri Terengganu anjuran MOTAC dan JKKN Terengganu yang bertempat di Auditorium Kompleks JKKN, Kuala Ibai, Kuala Terengganu.

Melalui sesi ini, PHT turut menjalin kerjasama dan bertukar pandangan bersama pihak JKKN Terengganu untuk pemerkasaan aktiviti kebudayaan di Politeknik Hulu Terengganu.

Peserta program terdiri daripada 24 orang dan 3 orang pensyarah pengiring. Program ini telah diketuai oleh Pegawai Kebudayaan PHT, En. Fahmie.



31.5.2022| PERHIMPUNAN BULANAN DI PHT

Bertempat di Mini Auditorium Pintar PHT, telah berlangsungnya Perhimpunan Bulanan bagi bulan Mei 2022 anjuran Jabatan Pengajian Am dan Unit Pentadbiran, PHT. Perhimpunan bulanan ini turut diadakan bagi meraikan staf PHT yang akan berpindah iaitu En. Faiz Abdul Ghani dan yang bersara Pn.Zaharah Binti Taib. Hadiah hari lahir juga turut diserahkan kepada warga PHT yang menyambut hari lahir pada bulan April dan Mei. Hadiah telah disampaikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud.



31.5.22| MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR

Bertempat di Dewan Batu Bersurat PHT, Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sesi 1 2021/2022 telah diadakan pada hari ini, 31.5.2022 yang mana bagi meraikan pelajar yang mendapat HPNM 3 ke atas bagi Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dan Jabatan Perdagangan. Anugerah Ketua Jabatan ini telah disampaikan oleh Ketua jabatan masing-masing, En. Noor Fiteri Abdullah dan Pn. Azmah Salleh diiringi ketua program DUP, DHR,DRT dan DAT.



Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Politeknik Hulu Terengganu diadakan di Dewan Batu Bersurat Politeknik Hulu Terengganu pada 31 Mei 2022 melibatkan semua warga PHT.



31.5.2022|ALUMNI TALK@PHT

Alumni Talk @PHT telah diadakan di Dewan Batu Bersurat PHT. Kali ini tiga orang pensyarah PHT yang mana juga merupakan alumni Politeknik Malaysia telah memberikan pendedahan berguna untuk para pelajar PHT yang mana sebagai panduan pada masa hadapan.

Terima kasih kepada Pn.Dameliza Damain, Cik Maheran Refin, En. Ahmad Fuadi yang mana merupakan panel alumni talk pada kali ini. Program ini juga telah dihoskan oleh En. Fahmi.



AKTIVITI BULAN JUN

3.6.2022| PHT @ RERUAI KPT DI OUTREACH POLYCC DI JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

Bertempat di Stadium Tertutup Gong Badak, Politeknik Hulu Terengganu telah terlibat sama dalam Program Outreach POLYCC di Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia. Di reruai KPT @18, PHT telah mempersembahkan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil kursus Teknik Pemandu Pelancong yang mana para pelajar telah memperkenalkan Terengganu melalui permainan Board Game Kita, sesuai dengan kempen Visit Beautiful Terengganu.



9.6.2022| BENGKEL MODUL INSPIRASI DIRI (MIND)

Bertempat di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu, Unit Psikologi Dan Kerjaya PHT telah mengadakan Bengkel Modul Inspirasi Mind melibatkan pelajar Semester satu, dua dan tiga dari empat program DUP, DHR, DRT dan DAT. Bengkel ini diadakan bagi memberi maklumat dan kefahaman kepada pelajar tentang laluan kerjaya dalam bidang pengajian yang sedang pelajari serta mengenali personaliti dan menyesuaikan personaliti yang dimiliki dengan laluan kerjaya pada masa hadapan.



13.6.2022| LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT IPD HULU TERENGGANU KE PHT

Satu lawatan kunjungan hormat dari IPD Hulu Terengganu iaitu ASP Shahrin bin Kamalzaman Ketua cawangan khas daerah, IPD Hulu Terengganu ke PHT telah diadakan pada hari ini bagi membincangkan keselamatan institusi dan juga membincangkan aktiviti bersama pada masa akan datang. Lawatan ini telah disambut oleh pihak pengurusan tertinggi PHT diketuai oleh Hj.Azahan Hj. Daud, Pengarah Politeknik Hulu Terengganu.



16.6.2022| PHT OUTREACH

PHT Outreach melibatkan pelajar lepasan SPM telah dijalankan pada hari ini di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Jenderis, Hulu Terengganu. Program outreach ini adalah bersempena dengan pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diumumkan pada hari ini di seluruh Malaysia. Program ini membantu para lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang diminati serta mengetahui cara permohonan kemasukan ke Politeknik di seluruh Malaysia khususnya di PHT.



17.6.2022|HARI KOKURIKULUM PHT 2022

Hari Kokurikulum PHT 2022 telah diadakan pada 15.6.2022 di Dewan Batu Bersurat, PHT. Bersempena dengan program, majlis penyampaian sijil dan hadiah kepada para pemenang pertandingan pada tugas mini projek untuk MPU24011 Sukan dan MPU24021 Kelab turut diadakan yang mana telah disampaikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan bin Haji Daud.



17.6.2022|KARNIVAL JOM MASUK IPT 2022, ZON 7 TIMUR

Karnival Jom Masuk IPT 2022, Zon 7 Timur diadakan di UNISZA pada 17 dan 18 Jun 2022.PHT turut memeriahkan rruai POLYCC no 49 & 50, yang mana para pelajar, pensyarah serta unit HEP turut terlibat dalam mempromosikan POLYCC amnya dan khususnya Zon Timur.



18.6.2022|KARNIVAL JOM MASUK IPT 2022, ZON 7 TIMUR HARI KEDUA

PHT memeriahkan reruai POLYCC no 49 & 50 untuk hari kedua di Karnival Jom Masuk IPT 2022, Zon 7 Timur yang diadakan di UNISZA. Para pelajar, pensyarah serta unit HEP kali ini terlibat dalam mempromosikan POLYCC amnya dan khususnya di Zon Timur.



20.6.2022|TAKLIMAT PEPERIKSAAN AKHIR

Taklimat peperiksaan akhir sesi II 2021/2022 telah diadakan di Dewan Batu Bersurat pada 19.6.2022 oleh Unit Peperiksaan PHT melibatkan semua pelajar.



20.6.2022|TAKLIMAT PENGAWASAN PEPERIKSAAN AKHIR

Taklimat pengawasan peperiksaan akhir sesi II 2021/2022 telah diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet melibatkan semua pensyarah PHT. Taklimat telah disampaikan oleh Unit Peperiksaan PHT.



20.6.2022|MESYUARAT PEMBUKAAN SURVEILLANCE AUDIT(1)

Mesyuarat Pembukaan Surveillance Audit (1) MS ISO 9001:2015 di Bilik Mesyuarat Harmoni PHT oleh pihak SIRIM QAS. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud.



20.6.2022|SESI PENGAUDITAN AUDIT SURVEILLANCE (1)

Sesi Pengauditan untuk Audit Surveillance (1) pada hari pertama telah diadakan pada hari ini melibatkan Unit Khidmat Pengurusan, Unit Jaminan Kualiti, Audit Dalaman, Unit Pusat Sumber dan Unit Komunikasi Korporat. Audit ini bertujuan untuk menentukan pematuhan berterusan terhadap proses kerja dan sistem perkhidmatan sekaligus dapat mengekalkan pensijilan MS ISO 9001: 2015 yang diperoleh oleh PHT sebelum ini. Pengauditan diadakan secara fizikal dua orang auditor SIRIM iaitu Tn.Hj Tajul Arif bin Ariffin dan Pn. Arfa Athirah Arshad.



21.6.2022|SESI PENGAUDITAN AUDIT SURVEILLANCE (1) HARI KEDUA

Sesi Pengauditan Audit Surveillance (1) pada hari kedua diadakan pada hari ini melibatkan jabatan akademik iaitu Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, dan juga Jabatan Pengajian Am.



21.6.2022|VERIFIKASI PEMARKAHAN PREMIS PHT

Sesi verifikasi pemarkahan premis PHT iaitu

Penarafan Hijau (PHJKR) telah diadakan pada hari ini di Bilik Mesyuarat JPH melibatkan pihak UPS PHT, pihak kontraktor dan pihak JKR.



22.6.2022| PHT MENDAPAT PENGIFTIRAFAN MS ISO 9001:2015

PHT telah diaudit oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2015.

Audit ini telah dijalankan pada 20 hingga 21 Jun 2022. Pensijilan ISO membuktikan PHT komited memberikan perkhidmatan pendidikan yang terjamin dari segi kualiti kepada para pelajar serta PHT mendapat kepercayaan daripada pihak berkepentingan (stakeholders) iaitu ibu bapa, industri, KPT dan JPPKK.



Pensyarah Kanan Politeknik Hulu Terengganu, Cik Nur Hidayah Hassan, akan berkeudara di IKIM.FM bersama Pensyarah Kanan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, En.Saiful Mohamad Shuib dengan tajuk Legasi " Masa Depan TVET".



23.6.2022|TAKLIMAT PERSEDIAAN LI

Taklimat Persediaan Latihan Industri telah diadakan pada 23.6.2022 di Bilik Seminar PHT kepada pelajar yang akan menjalani Latihan Industri bagi Sesi 1 2022/2023 akan datang. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pn Maznah Hj Abdullah yang melibatkan perkara-perkara utama sepanjang Latihan Industri termasuk prosedur lapor diri, kehadiran dan penyediaan Laporan Akhir.



23.6.2022|LAWATAN KERJA TKP JPPKK

Lawatan Kerja YBrs. Dr Zubaidah Binti Aman, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JPPKK ke Politeknik Hulu Terengganu untuk melihat kemudahan ruang, fasiliti dan status penawaran program pengajian. Lawatan telah diraikan oleh ahli mesyuarat pengurusan PHT dan diketuai oleh Hj.Azahan Hj Daud, Pengarah PHT.



25.6.2022|PENILAIAN ALTERNATIF SESI 2 2021/2022

Penilaian Alternatif Sesi 2 2021/2022 telah bermula pada hari ini 25.6.2022 di Politeknik Hulu Terengganu. Peperiksaan berjalan lancar dikendalikan oleh Unit Peperiksaan PHT.



28.6.2022|MESYUARAT PENGURUSAN PHT BIL 6/2022

Mesyuarat Pengurusan PHT Bil 6/2022 telah diadakan pada 28.6.2022 di Bilik Mesyuarat Harmoni, PHT. Mesyuarat telah membincangkan gerak kerja pengurusan jabatan dan unit bagi memastikan setiap perancangan dilaksanakan mengikut KPI yang ditetapkan.



29.6.2022| PERHIMPUNAN BULANAN DI PHT

Bertempat di Mini Auditorium Pintar PHT, telah berlangsung Perhimpunan Bulanan bagi bulan Jun 2022 anjuran Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, PHT.

Perhimpunan pada kali ini Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud telah menyampaikan ucapan dan amanat kepada seluruh warga kerja PHT. Hadiah hari lahir juga turut disampaikan oleh pengarah kepada warga kerja PHT yang menyambut hari lahir pada bulan Jun.




Editor: Dameliza Damain

Kita tidak dapat mengawal orang lain namun kita dapat mengawal diri kita sendiri.





JABATAN
PELANCONGAN
DAN
HOSOPITALITI

**AKTIVITI JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
JANUARI – JUN 2022**



DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN





DIPLOMA PENGURUSAN RESORT

JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI (JPH)

JPH bakal menjadi sebuah jabatan yang cemerlang dan progresif serta mampu melahirkan pelajar yang berpengetahuan, kompeten, memiliki nilai moral yang tinggi, bertanggungjawab serta kreatif selari dengan Falsafah Pendidikan Negara. Program yang ditawarkan di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Politeknik Hulu Terengganu ialah Diploma Pengurusan Pelancongan, Diploma Pelancongan Rekreasi dan Diploma Pengurusan Resort



MESYUARAT JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

Mesyuarat Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPH, PHT bagi membincangkan gerak kerja JPH pada tahun 2022.

Mesyuarat Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPH, PHT pada 27.1.2022 bagi membincangkan gerak kerja JPH pada Sesi II 2021/2022. Turut hadir Pengarah PHT, Hajah Azahan Hj Daud.

Tarikh	Mesyuarat	Catatan
12/1/2022	Mesyuarat Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Bil.1/2022	Mesyuarat pertama tahun 2022
27/1/2022	Mesyuarat Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Bil.1/2022	Membincangkan gerak kerja JPH sesi II 2021/2022
16/2/2022	Mesyuarat Peperiksaan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti	Membincangkan hasil dapatan keputusan peperiksaan pelajar Sesi 1 2021/2022



AKTIVITI BULAN JANUARI 2022

3.1.2022|INDUSTRIAL VISIT DTO10013

Telah berlangsung di Dungun Escapade Resort, 3.1.2022, 'industrial visit' bagi Program DTO10013(Fundamental of Recreation) melibatkan pelajar terlibat Diploma Pelancongan Rekreasi(DRT1) seramai 44 orang. Program ini memberi pendedahan kepada pelajar kepada industri rekreasi dan untuk memenuhi keperluan bagi penilaian berterusan pelajar untuk kursus DTO10013.



MINI SIMPOSIUM DI PHT

Program Mini Simposium on Tourism & Hospitaliti, bertemakan Covid-19: Issues & Challenges of Tourism Industry in Malaysia bertempat di bilik seminar PHT. Program ini merupakan pembentangan projek akhir pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan. Program ini telah melibatkan pelajar DUP5A yang mengambil kursus Tourism Project dan yang mengendalikan program ini pula ialah pelajar DUP4A yang mengambil kursus Event management.

Majlis pembukaan Mini Simposium on Tourism & Hospitaliti, bertemakan Covid-19: Issues & Challenges of Tourism Industry in Malaysia' dengan kehadiran panel jemputan Pn Zanariah Binti Zakaria, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia Negeri Terengganu di bilik seminar PHT dan juga secara maya Dr Wan Hafiz Bin Wan Zainal Syukri, Pensyarah Kanan, Fakulti Perikanan & Sains Makanan, UMT.

Sebanyak enam (6) kumpulan pelajar DUP5 membentangkan projek akhir di Mini Simposium on Tourism & Hospitaliti, bertemakan Covid-19: Issues & Challenges of Tourism Industry in Malaysia'.



5.1.2022|LATIHAN AMALI DRT

Latihan Amali bagi pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 1 yang mengambil subjek DTO10023 Recreational Operation telah diadakan pada hari ini untuk topik ' Indoor Games'. Pelajar telah didedahkan dengan permainan Carom dan Congkak di bawah bimbingan pensyarah En.Khairul Mohd Azemi.




12.1.2022|PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI

Pemantauan latihan industri dan perbincangan kolaborasi melibatkan En.Noor Fiteri Abdullah di Sumai Hotel Apartment. Perbincangan adalah berkisar mengenai prestasi pelajar latihan industri dan juga cadangan mewujudkan program *industry on campus* untuk program pengurusan resort (DHR) di PHT.



AKTIVITI BULAN FEBRUARI 2022

11.2.2022|PEMBENTANGAN LATIHAN INDUSTRI



Pembentangan LI JPH bagi sesi 1 2021/2022 telah dijalankan secara dalam talian melalui pautan microsoft team. Panel penilai terdiri daripada pensyarah JPH yang mana menilai pelajar DUP yang telah berjaya menamatkan latihan industri pada 11.2.2022 yang lalu.



5.2.2022|LAWATAN KOLABORASI JPH,PHT

Lawatan Kolaborasi RTA (Recreation Training Academy) PHT ke pihak Bomba dan JPAM Kuala Berang telah diadakan pada 15.2.2022 Lawatan ini bertujuan memperkasa jaringan kolaborasi strategik antara PHT dan pihak Bomba dan JPAM serta meningkatkan kerjasama antara PHT dan pihak bomba dan JPAM juga membincangkan program antaranya Program Kerjasama Strategik yang mana melibatkan pemerkasaan pelajar dan komuniti. PHT diwakili empat pegawai diketuai oleh Ketua Program DRT, En.Khairul Mohd Azemi.



17.2.2022|PERBINCANGAN KOLABORASI

Bertempat di Perpustakaan PHT, satu perbincangan Kolaborasi dan Khidmat Nasihat telah diadakan melibatkan pihak Recreation Training Academy (RTA PHT) bersama Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia (PJRM) yang mana diwakili oleh Encik Nor Rijam, Pengurus PJRM. Perbincangan juga turut menjurus kepada pemerkasaan RTA dan pembelajaran rekreasi di PHT.



21.2.2022|MAJLIS ASPIRASI KETUA PENGARAH

Kira-kira 22 orang warga kerja Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti PHT, telah mengikuti Majlis Aspirasi Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti 2022 di Bilik Mesyuarat JPH pada hari ini 21 Februari 2022.

24.2.2022|BENGKEL PEMANTAPAN JPH

Bengkel Pemantapan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) PHT telah berlangsung pada 24 Februari 2022. Warga akademik JPH telah diberi pendedahan oleh Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, En. Noor Fiteri Abdullah tentang gerak kerja dalam norma baharu serta kerjasama dalam jabatan untuk sesi II 2021/2022



AKTIVITI BULAN MAC 2022

3.3.2022|SESI BERSAMA JABATAN DALAM MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI 2 2021/2022

Pelajar Baharu Politeknik Hulu Terengganu telah menghadiri Minggu Transformasi Siswa Secara dalam-



Talian bagi Sesi 2 2021/2022. Untuk hari kedua adalah slot bersama jabatan yang mana pelajar dipecahkan kepada jabatan yang terlibat. Sesi bersama jabatan untuk Jabatan Pelancongan & Hospitaliti (JPH) telah disampaikan oleh Ketua Program DRT, JPH, En. Khairul Mohd Azemi mewakili Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Turut hadir 18 orang pensyarah dari JPH.

6.3.2022|MESYUARAT DRT DAN PERHILITAN

Pihak PHT yang diwakili oleh Encik Mohd Azamrul Harun, Encik Fuadi dan Encik Fahmie, pensyarah Program Diploma Pelancongan Rekreasi telah menghadiri Mesyuarat Khidmat Nasihat bersama pihak PERHILITAN Terengganu hari ini. Mesyuarat telah membincangkan kerjasama dua hala di antara pihak PERHILITAN dan PHT dalam membangunkan modal insan pelancongan dan industri pelancongan Gunung Gagau di Taman Negara Tasik Kenyir.



22.3.2022|JPH DAN PERHILITAN

Pada 21 Mac 2022 (Isnin), bertempat di Bilik Mesyuarat JPH PHT, telah berlangsung satu mesyuarat khidmat nasihat dan perkongsian ilmu di antara pihak PERHILITAN dan juga Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) PHT. Objektif mesyuarat adalah bertujuan untuk mewujudkan kerjasama dan khidmat nasihat dua hala, selain daripada berbincang tentang pertukaran kepakaran di antara kedua belah pihak.

Mesyuarat ini telah diketuai oleh Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, En. Noor Fiteri Abdullah dan pihak PERHILITAN, Puan Shareena Encik Abdul Malik.

22.3.2022|LAWATAN TAPAK DHR, PHT KE PMKU


Program lawatan tapak bagi Program Diploma Pengurusan Resort dan perbincangan penggunaan fasiliti



restoran latihan telah diadakan pada 22.3.2022 bertempat di Politeknik Metro Kuantan. Program yang telah dihadiri oleh 4 orang pensyarah dan diketuai oleh Ketua Program DHR, Cik Nur-hidayah Hassan ini bertujuan untuk pertukaran maklumat, kepakaran dan idea bagi melengkapkan keperluan pada semester baharu, sesi 2 2021/2022.

22.3.2022|BENGKEL JPH DAN UPI, PHT

Telah berlangsung pada 22 Mac 2022, Bengkel Penulisan Laporan Akhir Inovasi kepada pelajar DUP5A



yang mana telah dikendalikan oleh Dr Zatul Iffah Bt Mohd Fuza, Pensyarah Kanan Jabatan Pelancongan, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Dungun Terengganu secara atas talian menggunakan platform Microsoft Teams. Bengkel ini adalah anjuran Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dengan kerjasama Unit Penyelidikan dan Inovasi PHT.

23.3.2022|PENSYARAH JPH DI SEMINAR ISO 21101 ADVENTURE TOURISM

Seminar ISO 21101 Adventure Tourism - Safety Management Systems - Requirements telah berlangsung pada 23.03.2022 bertempat di Gateway Ballroom, Sama-sama Hotel, KLIA Sepang.

Seminar ini adalah anjuran bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Politeknik Hulu Terengganu telah menghantar 3 orang pensyarah JPH untuk menyertai seminar ini. Seminar ini memberi pendedahan kepada penggunaan MS ISO 21101 dalam Adventure Tourism di Malaysia.



AKTIVITI BULAN APRIL 2022

3.4.2022| PEMBELAJARAN DI LUAR KELAS

'Flora n fauna observations' merupakan salah satu tajuk dalam kursus yang ada dalam Diploma Pengurusan Resort. Jadi dengan pembelajaran di luar kelas menggunakan persekitaran kampus yang ada menjadikan PHT merupakan tempat yang sesuai untuk mengaplilasikan 'industry on campus'.



3.4.2022|EXPERIENTIAL LEARNING DI PHT

Experiential learning merupakan proses belajar melalui pengalaman yang telah diketengahkan kepada pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil Kursus Teknik Pemandu Pelancong. Pelajar telah dibawa ke tempat yang ada di PHT sambil melakukan 'Tour Commentary' sebagai persediaan sebelum 'Simulation Visit'.



3.4.2022| LATIHAN AMALI

Sesi Latihan Amali iaitu praktikal 1 berkait dengan perkhemahan telah diadakan pada hari ini melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Semester 2 di Recreation Training Center.



5.4.2022|KELAB PELANCONGAN PHT DIGERAKKAN

Para pelajar dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah mengikuti Perjumpaan Kelab Pelancongan PHT untuk Sesi 2 2021/2022 di Dewan Batu Bersurat pada 5.4.2022. Kelab Pelancongan PHT ditubuhkan bagi menggerakkan industri pelancongan khususnya di dalam kampus. Kelab Pelancongan dan Hospitaliti dikelokan oleh En. Ahmad Fuadi Abdul Aziz, selaku penasihat kelab.



6.4.2022|OUTDOOR RECREATIONAL PHOTOGRAPHY IN INTERPRETATION SERVICES

Para pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi melakukan proses penghasilan fotografi berkaitan dengan produk rekreasi luar yang terdapat di PHT, aktiviti ini sebahagian daripada amali di bawah Interpretation Services.



Sekitar Penggambaran Raya Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti di Kelah Education Training and Resort, Politeknik Hulu Terengganu.



18.4.2022|DEFENSE PROPOSAL DTM50174

Telah berlangsung Defense Proposal yang melibatkan pelajar semester 5 yang mengambil kursus DTM50174:Tourism Project. Bengkel ini berlangsung di bilik seminar PHT. En.Noor Fiteri Abdullah, Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta En.Mohd Azamrul Harun telah menilai 'defense proposal pada kali ini.



20.4.2022|KURSUS EVENT MANAGEMENT

Kursus Event Management telah diadakan secara atas talian dengan kerjasama antara Politeknik Hulu Terengganu dan Politeknik Ibrahim Sultan. Kursus ini telah dihadiri oleh pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan, Semester 3 dan 4 di Makmal Komputer, PHT. Kursus ini anjuran Center of Technology dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dengan kerjasama ULPL, PHT.



AKTIVITI BULAN MEI 2022

22.5.2022|ON-JOB TRAINING & EXPOSURE

Seramai 20 orang pelajar PHT dari pelbagai program pengajian telah menyertai Program 'On-Job Training & Exposure' sempena Majlis Hari Raya Malaysia yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan dihadiri oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Program On Job Training & Exposure ini adalah dengan kerjasama pihak Qarith Services Sdn. Bhd. selaku pihak katering yang terlibat dalam penyediaan makanan kepada tetamu pada majlis tersebut. Program ini diselia oleh Pn. Nur Adlina Mohd dan dipantau oleh dua pensyarah En. Firdaus Mohamad Sharif dan En. Muhammad Fahmie Azmi.



23.5.2022|FORUM DISCUSSION AT PHT

Forum Discussion Issues 'Green Technology' telah dilaksanakan pada 19 Mei 2022 yang lalu bertempat di Mini Auditorium Pintar, PHT. Forum ini telah dianjurkan oleh pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Semester 4 dan Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 3. Pengisian forum di mana telah membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan kelestarian hijau. Forum telah dikendalikan oleh Pn. Wan Nor Azida Wan Ali dan Pn. Nazli Hulwany Abdullah.



23.5.2022|KURSUS KOMPETENSI JPH

Kursus Kompetensi pensyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti iaitu "Pool Lifesaver Gred 3" diadakan selama dua hari 23 hingga 24 Mei 2022 di Kolam Akuatik PHT.



23.5.2022| EXPLORE AND LEARN THE BEAUTIFUL OF TERENGGANU

Explore and Learn the beautiful of Terengganu merupakan program lawatan industri(industrial visit) untuk kursus DTM10093(Tourism in Malaysia). Kali ini Muzium Negeri Terengganu dan Kampung Budaya Terengganu merupakan tempat lawatan bagi memenuhi keperluan silibus. Pelajar yang terlibat adalah pelajar semester 1, Diploma Pengurusan Pelancongan seramai 47 orang beserta 2 orang pensyarah pengiring. Kali ini para pelajar telah didedahkan dengan industri pelancongan sejarah dan budaya di Terengganu oleh En.Khairul Herman mewakili pihak muzium dan juga En. Yad selaku pengurus Kampung Budaya.



24.5.2022| KURSUS BASIC COOKERY

Bertempat di Bengkel Latihan Pastri, PHT, pelajar Diploma Pengurusan Resort,semester tiga telah menghasilkan masakan barat, timur, pastri dan pencuci mulut. Ini merupakan satu komponen kursus yang ditawarkan dalam struktur pengajian program DHR - Kursus Basic Cookery. Kursus ini dibawah seliaan Pn. Nur Adlina Mohd dan En. Afi Zuladhli bin Azmi.



25.5.2022|PHT OUTDOOR RECREATION ACTIVITIES

Bertempat di Foyer Koperasi PHT Berhad telah berlangsung PHT Outdoor Recreation Activities iaitu Interpretive Media Exhibition melibatkan pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi. Pameran ini telah dikendalikan oleh pensyarah kursus rekreasi, En.Ahmad Fuadi Abdul Aziz.



25.5.2022|EDUCATIONAL VISIT @PRIMULA HOTEL

Lawatan sambil belajar melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Resort, semester 2 telah ke Primula Beach Hotel bagi melihat dan merasai pengalaman bekerja di industri perhotelan. Para pelajar telah didedahkan kepada Housekeeping Department iaitu pengoperasian 'linen' dan 'fabric' serta pengoperasian 'inhouse laundry'. Lawatan ini telah diketuai oleh pensyarah kursus Pn.Nur Najmi Idayu Mazlan dan En.Firdaus Mohamad Sharif.



29.5.2022|SIMULASI TGT DI CAMERON HIGHLAND

Simulasi Teknik Pemandu Pelancong untuk subjek DTM30114 Tourist Guiding Techniques telah diadakan di Cameron Highlands pada 26-27.5.2022. Ia bertujuan untuk melatih pelajar menjadi pemandu pelancong yang berkualiti juga memenuhi keperluan silibus yang telah ditetapkan.



29.5.2022|AMALI TERRESTRIAL

Kelas amali terrestrial melibatkan pelajar DUP2B telah diadakan pada hari ini 29.5.2022 di perkarangan kampus PHT. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan silibus yang telah ditetapkan iaitu 'Birdwatching and Rope activity'.




29.5.2022|KELAS F&B SERVICE @PMKU

Kelas F&B Service telah diadakan selama dua hari, 28-29.5.2022 di Politeknik Metro Kuantan. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan silibus yang telah ditetapkan dan di bawah seliaan pensyarah kursus Cik Nur Hidayah Hassan.



31.5.2022| TOURISM EXPEDITION

"Eksplorasi Menjejaki Perak Man" DTM40144 Tourism Expedition telah diadakan pada 26-29 Mei 2022. Pelajar seramai 27 orang diiringi oleh 2 orang pensyarah pengiring telah menjelajah ke tempat-tempat menarik di sekitar daerah negeri Perak. Antara tempat dilawati adalah Muzium Perak dan Zoo di Taiping, Muzium Arkeologi Perak di Lenggong, Taman Geopark Gunung Lang, Muzium Geologi dan Stesen Keretapi di Ipoh, Gua Tempurung di Batu Gajah, Kellie's castle di Gopeng. Antara objektif program ialah untuk mendedahkan pelajar kepada maksud sebenar ekspedisi dan cabaran yang perlu diharungi untuk menjayakannya serta menwujudkan semangat berkumpulan.



AKTIVITI BULAN JUN2022

2.6.2022|AKTIVITI BOOTH OLEH PHT DI BOOTH KPT

Politeknik Hulu Terengganu(PHT) berada di booth KPT untuk Program Outreach POLYCC di Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia KPT(JAKM) Negeri Terengganu tahun 2022 bertempat di Stadium Tertutup Gong Badak, Terengganu. PHT telah menampilkan team DHR untuk persembahan TVET Appertizer.



2.6.2022| PHT TVET EDUTAINMENT @OUTREACH POLYCC DI JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

Politeknik Hulu Terengganu telah terlibat sama dalam Program Outreach POLYCC di Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Stadium Tertutup Gong Badak hari ini. Di pentas IKS, PHT telah mempersembahkan pelajar dan pensyarah PHT untuk TVET Appetizer Demonstration and Challenge serta persembahan nyanyian lagu Terengganu.



4.6.2022|JPH FUN DAY 2022

Program JPH Fun Day 2022 anjuran pelajar semester 4 yang mengambil kursus Event and Operation Management. Program ini telah berlangsung di Dewan Batu Bersurat,PHT. Program ini diadakan bertujuan untuk penilaian pdp modul Event and Operation Management dan bagi menjayakan aktiviti dalaman kepada pelajar-pelajar. Program ini telah diketuai oleh pensyarah kursus iaitu Pn Wan Nor Azida Wan Ali dan En Fahimdin Mohd Yusof@Kamal.



5.6.2022|LATIHAN AMALI

Bertempat di Perkarangan PHT, latihan amali ikatan tali bagi kursus Terrestrial telah diadakan melibatkan pelajar dari DUP2.Kursus ini telah dikendalikan oleh En. Fahimdin Mohd Yusof @Kamal dan juga En.Mohd Azamrul Harun selaku pensyarah kursus tersebut.



6.6.2022|PEMBELAJARAN AMALI DI PHT

Sesi pembelajaran amali berkayak telah diadakan di Tasik PHT pada 5.6.2022 yang mana melibatkan pelajar DHR3 (Diploma Pengurusan Resort Semester 3). Pelajar telah didedahkan tentang teknik dan asas berkayak, di samping turut mempelajari prosedur keselamatan dan pengurusan risiko dalam mengendalikan aktiviti berkayak. Sesi amali ini dibuat bagi memenuhi keperluan PdP bagi kursus DTR30094 Resort Recreational Operation. Pembelajaran amali ini telah dikendalikan oleh pensyarah kursus, En. Fahmi dan En. Fuadi dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.



8.6.2022| NATURE EXPLORATION @ BUKIT PHT

Program Nature Exploration Activity telah diadakan pada hari ini 8 Jun 2022. Program ini dijalankan bagi memenuhi keperluan silibus iaitu sesi amali Jungle Trekking melibatkan kursus di bawah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti iaitu Terrestrial, Nature Interpretation dan Resort Recreation. Program ini melibatkan 120 orang pelajar yang mana dari tiga program DUP, DRT dan DHR. Program ini telah diketuai oleh pensyarah kursus, En. Azamrul Harun, En. Fahmi dan En. Ahmad Fuadi.



15.6.2022|EDU-TRIP DHR KE IKBN KEMASIK

Edu-Trip Pelajar Program Diploma Pengurusan Resort(DHR) ke IKBN Kemasiik,Kemaman telah dijalankan pada 14.6.2022. Program ini diadakan bagi memenuhi keperluan Kursus DTA30103 Housekeeping Operation and Management dan Kursus DTA30113 Front Office Operation and Management.

Program ini melibatkan pelajar DHR2A dan ia bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan penggunaan sistem bagi prosedur kaunter hadapan dan juga pelaksanaan pengemasan bilik hotel secara amali disamping mempelajari prosedur 'bedmaking'.



16.6.2022|LAWATAN PENANDA ARAS PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG

Satu lawatan penanda aras penyelenggaraan kolam renang ke Pusat Akuatik Universiti Malaysia Terengganu dan Pusat Akuatik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah dijalankan pada hari ini 16.6.2022. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kerja-kerja penyelenggaraan yang perlu untuk dilaksanakan di Kolam Akuatik Politeknik Hulu Terengganu pada masa akan datang. Penerangan telah diberikan oleh wakil Pusat Akuatik merangkumi aspek kebersihan persekitaran kolam renang, pengurusan rumah pam, peralatan kebersihan dan bahan kimia yang digunakan dalam proses penyelenggaraan air. Lawatan ini telah diketuai oleh En. Azamrul Harun dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, PHT.



17.6.2022|AMALI KAYAK

Amali kayak untuk pelajar Diploma Pengurusan Resort, semester 3 telah diadakan pada hari ini di Tasik PHT. Para pelajar telah diselia oleh pensyarah kursus En.Firdaus dan En. Fahmi.



18.6.2022|PROGRAM VOLUNTOURISM EKO PELANCONGAN SETIU WETLAND

Pelajar Semester 5 Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) yang mengambil kursus DTM50183 Sustainable Tourism telah menyertai Program Voluntourism Eko Pelancongan di Setiu Wetland, Setiu. Program ini turut dihadiri oleh pensyarah kursus, En Khairul bin Mohd Azemi. Program ini dianjurkan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Terengganu. Turut hadir pelajar dari Universiti Kolej Bestari.



KLINIK AMALI KAYAK TERENGGANU LITTLE AMAZON



22.6.22|MINI SIMPOSIUM JPH STUDIEX 2022

Sebanyak 6 produk inovasi telah dipamerkan di Anjung Penyu PHT sempena Mini Simposium JPH STUDIEX 2022. Antara produk inovasi yang telah dipamerkan ialah Shuttle RXR, Ez-Bag, Smart and Easy Box, Bekas Makanan Ajaib, All in 1 Camping Bag dan Dapur Mini Masak Yang Bijak.



22.6.2022|KEMERIAHAN SAMBUTAN DI BOOTH PAMERAN MINI SIMPOSIUM JPH STUDIEX 2022
Suasana kemeriahinan sambutan reraui JPH di Mini Simposium JPH STUDIEX 2022 yang mana diadakan di Anjung Penyu, PHT.



22.6.22|MAJLIS PENUTUP MINI SIMPOSIUM JPH STUDIEX 2022

Majlis Penutup Program Mini Simposium JPH STUDIEX 2022 telah dirasmikan oleh Pengarah PHT, Hj.Azahan Hj.Daud di Bilik Seminar PHT. Sebanyak 6 produk inovasi telah diinovasikan oleh pelajar semester akhir Diploma Pengurusan Pelancongan. Produk Shuttle RKR telah menjadi johan pada program kali ini dengan membawa pulang wang kemenangan RM150 manakala naib johan disandang oleh projek inovasi Ez-Bag membawa pulang wang kemenangan RM100. Tempat ketiga disandang oleh produk inovasi Smart and Easy Box membawa pulang wang kemenangan RM70. Panel pada kali ini dari UITM Dungun, Pn. Ameleya Muhammad Ghazali dan Pn.Noralisa Ismail dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan.



25.6.2022|PROGRAM AMALI JPH

Program Amali Selam Skuba telah diadakan pada hari ini, 25.6.2022 melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan, Semester 3 di Serai Cottage, Kuala Berang. Program ini telah diselia oleh pensyarah kursus,Pn Balqis dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.



27.6.2022|SESI LAWATAN & PEMANTAUAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PHT

Satu sesi lawatan dan pemantauan pelajar Latihan Industri Politeknik Hulu Terengganu telah dijalankan pada hari ini 27.6.2022 di Permai Hotel Kuala Terengganu yang mana telah diselia oleh dua orang pensyarah dari JPH PHT, iaitu Encik Firdaus bin Mohamad Sharif dan Encik Muhammad Fahmie bin Azmi.



30.6.2022|LAWATAN LATIHAN INDUSTRI KE LEMBAGA MUZIUM NEGERI TERENGGANU

Sesi lawatan pemantauan latihan industri pelajar telah diadakan pada hari ini di Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Cik Nurhidayah Hassan dan Pn.Nurul Ilyani Abdullah, pensyarah dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah menilai pembentangan latihan industri pelajar semester 6, program Diploma Pengurusan Pelancongan.

Pembentangan tersebut telah dijalankan di bilik mesyuarat bersama-sama dengan penyelia industri pelajar, En.Ahmad Khairul Herman dari Unit Pendidikan. Prestasi pelajar di muzium dapat dilihat secara fizikal pada kali ini atau bersemuka berbanding pada sesi sebelum ini. Cadangan penambahbaikan laporan latihan industri pelajar turut diberikan oleh pensyarah kepada lima orang pelajar yang menjalani latihan industri di sini. Perbincangan bersama pihak muzium turut diadakan bagi mewujudkan jaringan kerjasama pada masa hadapan.



Editor: Nurul Ilyani Abdullah

"Kita itu memiliki potensi dan peluang yang sama.
Maka jangan menyerah untuk terus berusaha mendapatkan yang terbaik"



JABATAN PERDAGANGAN

**AKTIVITI JABATAN PERDAGANGAN
JANUARI – JUN 2022**



Jabatan Perdagangan, Politeknik Hulu Terengganu (PHT) merupakan jabatan yang menawarkan Diploma Akauntansi bermula pada tahun 2008 dengan pengambilan pertamanya di bangunan Politeknik Sultan Zainal Abidin (PSMZA). Seterusnya pada tahun 2010 di bangunan MDHT di Kuala Berang dan berpindah ke kampus tetap di Kuala Jeneris, Hulu Terengganu pada 19 Julai 2020. Jabatan Perdagangan PHT diketuai oleh seorang Ketua Jabatan iaitu Puan Azmah Binti Salleh dan di bantu oleh seorang Ketua Program iaitu Puan Nor Maizura Binti Othman. Jabatan ini mempunyai 20 orang staf yang kompeten daripada pelbagai latar belakang bidang Pendidikan.

MESYUARAT JABATAN PERDAGANGAN

Mesyuarat Jabatan ini telah diadakan untuk membincangkan pelaksanaan pengurusan di Jabatan Perdagangan. Setiap pensyarah yang telah diberi tanggungjawab akan membentangkan hasil dapatan yang telah dijalankan sebagai makluman dan tindakan oleh semua pensyarah. Manakala, Ketua Jabatan akan menyampaikan maklumat semasa dan pelbagai perkara yang perlu diambil tindakan. Platform ini juga memberi peluang kepada semua pensyarah Jabatan Perdagangan untuk menyuarakan pelbagai idea dan maklumat serta isu untuk dibincangkan bagi mendapatkan keputusan bersama.

Tarikh	Mesyuarat	Catatan
20/1/2022	Mesyuarat Jabatan Perdagangan Bil.1/2022	Mesyuarat pertama tahun 2022
20/1/2022	Mesyuarat Konvo Jabatan Perdagangan	Membincangkan kaedah pelaksanaan Majlis Konvokesyen PHT kali ke-8 tahun 2022
16/2/2022	Mesyuarat Peperiksaan Jabatan Perdagangan	Membincangkan hasil dapatan keputusan peperiksaan pelajar Sesi 1 2021/2022
20/3/2022	Mesyuarat Jabatan Perdagangan Bil.2/2022	Mesyuarat kedua tahun 2022



PERKONGSIAN ILMU PERANCANGAN CUKAI EZ TAX PLAN

Pada 19 Februari 2022 telah diadakan satu perkongsian ilmu perancangan cukai 104oring104-sama dengan guru Sek. Men. Kebangsaan Machang. Seramai 75 orang guru telah menyertai sesi perkongsian ilmu ini. Program ini dilakukan secara dalam talian melalui platform google meet bermula jam 9 pagi sehingga 1 tengahari. Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan kepada individu pembayar cukai tentang pentingnya pengiraan cukai yang perlu diketahui oleh individu tersebut. Melalui perkongsian ini dapat mendedahkan kepada individu pembayar cukai tentang pengiraan cukai yang sebenar dan cara mengisi 104oring cukai supaya tidak berlaku kesilapan. Perkongsian ini juga telah mendedahkan kepada guru-guru tentang pelepasan-pelepasan terkini dan cara membuat perancangan cukai yang baik. Penceramah telah memperkenalkan satu aplikasi mudah iaitu Ez Tax Plan bertujuan untuk membuat perancangan cukai bagi memudahkan pembayar cukai mengisi dalam efiling kelak.



TRAINING OF TRAINERS WORKSHOP: COMPUTERISED ACCOUNTING SYSTEMS TAHUN 2022

Program ini telah diadakan pada 2-3/3/2022 yang bertujuan untuk menyediakan latihan praktikal kepada semua para pensyarah yang terlibat dalam kursus DPA 20043 (Computerised Accounting Systems) dari seluruh Politeknik Malaysia. Kursus ini bertujuan untuk memberikan kaedah dan teknik pembelajaran dan pengajaran yang berkesan.



MAJLIS BERSAMA JABATAN PERDAGANGAN UNTUK SESI II 2021 2022

Majlis ini telah berlangsung pada 3/3/2022 secara atas talian yang bertujuan untuk memperkenalkan pelajar-pelajar baharu dengan pensyarah-pensyarah JP. Pelajar telah diberi pendedahan oleh Ketua Jabatan mengenai maklumat penting agar pelajar tahu dan bersedia untuk sesi pembelajaran dan pengajaran selama enam semester sebelum memperolehi segulung Diploma Akauntansi. Majlis ini melibatkan semua pensyarah JP dan pelajar baharu sesi II 2021/2022 iaitu seramai 15 orang.



WEBINAR BIJAK CUKAI

Kursus ini telah berlangsung pada 15/3/2022 bertujuan untuk memberi penerangan cara-cara untuk mengisi borang cukai melalui ezHasil dan penerangan berkaitan dengan perkara-perkara yang dibolehkan untuk pembebasan cukai. Pn. Ariana binti Sulong iaitu Penolong Eksekutif Hasil, LHDN Kuala Terengganu merupakan penceramah yang berpengalaman dalam menyampaikan maklumat berkaitan kursus.




PERHIMPUNAN BULANAN BAGI BULAN MAC

Perhimpunan bulanan ini telah diadakan pada 22/3/2022 bertempat di Auditorium PHT. Jabatan Perdagangan telah diamanahkan untuk menjadi tuan rumah. Tujuan perhimpunan ini adalah untuk menyampaikan maklumat daripada pihak pengurusan kepada semua warga PHT dan juga platform untuk menyampaikan hadiah harijadi atau apa-apa penghargaan kepada staf PHT.



KURSUS AUTO COUNT PAYROLL

Kursus Auto Count Payroll telah berlangsung pada 22/3/2022 bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan kepada semua staf Jabatan Perdagangan untuk menggunakan sistem Auto Count Payroll dan bersediakan untuk menjadi tenaga pengajar kepada pelajar DAT. Kursus ini telah disampaikan oleh En Nazell Maznor Bin Tohar, Pegawai Education Consultant Autocount Sdn Bhd Bertempat di Makamal Bahasa JPA.



SHOOTING VIDEO SELAMAT HARI RAYA JABATAN PERDAGANGAN

Aktiviti ini telah berlangsung pada 18/4/2022 di lokasi Resort PHT. Aktiviti ini boleh mengeratkan siratulrahim dikalangan semua staf Jabatan Perdagangan sempena bulan ramadan dan sebagai kenangan untuk sambutan hari raya tahun 2022.



LAWATAN AKADEMIK PPI KE SABASUN HYPERMARKET SDN BHD

Lawatan ini telah diadakan pada 17/5/2022 ke Sabasun Hypermarket Sdn Bhd. Lawatan pensyarah pelawat industri ini bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada pelajar bagi kursus DPB10013: Microeconomics dan DPA40113: Cost And Management Accounting 2 secara praktikal melalui taklimat yang diberikan oleh pihak Sabasun yang diwakili oleh En Wan Zulaidi bin Wan Abd Fatah. Pelajar diberikan penerangan bagaimana pihak Sabasun menguruskan perniagaan dan dikaitkan dengan teori yang telah dipelajari sebelum ini. Melibatkan pelajar DAT 1A dan DAT 4A.




LAWATAN AKADEMIK PPI KE KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA TERENGGANU

Lawatan akademik telah dibuat pada 30/5/2022 ke Kompleks Mahkamah Kuala Terengganu merangkumi perkongsian hierarki mahkamah di Malaysia umumnya dan hierarki mahkamah di Kompleks Mahkamah Kuala Terengganu khususnya. Taklimat diberikan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Kuala Terengganu iaitu Tuan Hairul Anuar bin Mohamad dan dibantu oleh Puan Wan Aziantie binti Wan Abdul Karim@Isa. Taklimat berkenaan proses perbicaraan di Mahkam Majistret dan Mahkamah Sesyen juga disampaikan oleh Majistret, Puan Noordiana binti Abd Aziz.



PEPERIKSAAN AUTOCOUNT PELAJAR DAT

Pada 20/6/2022 telah diadakan peperiksaan Autocount bersama Autocount Sdn Bhd bagi pelajar akauntansi semester 2 (Dat2A dan Dat2B) bertempat di Makmal Komputer 3, PHT



LAWATAN AKADEMIK PPI KE LHDN (LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI) KUALA TERENGGANU.

Program PPI Lawatan Akademik ke LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri) Kuala Terengganu pada 8 Jun 2022. Program PPI ini untuk Kursus DPA 40133 Malaysian Taxation 1 yang melibatkan pelajar DAT4 . Objektif program meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengiraan cukai individu dengan penerangan dari pihak LHDN.



BENGKEL SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR SOCIAL CHANGE

Kursus ini telah berlangsung pada 17-18/7/2022 iaitu ‘Entrepreneurship for social change’ yang bertujuan untuk memberi peluang pensyarah mendalami ilmu pengetahuan mengenai keusahawanan yang terkini . Kursus ini juga dapat meningkatkan kemahiran pensyarah dalam bidang keusahawanan untuk diterapkan kepada pelajar di bawah modul keusahawanan (MPU 22012). Seterusnya, ia dapat memberikan kesedaran pentingnya ilmu keusahawanan untuk digarapkan dalam bidang masing - masing.



SESI PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI

Pemantauan dan Penilaian LI pelajar DAT dan DUP PHT bagi Sesi 2 2021/2022. Pemantauan dan Penilaian LI pada sesi ini dilaksanakan secara bersemuka dan secara dalam talian bermula pada 29 Mei 2022. Pemantauan dan Penilaian LI pada sesi ini melibatkan seramai 19 pelajar DAT dan 30 pelajar DUP.



Editor: Norimah Annuar @ Mat Tahir

"Janganlah pernah menyerah ketika kita masih mampu berusaha lagi.
Tidak ada jalan akhir sehingga kita berhenti mencuba"



JABATAN PENGAJIAN AM

**AKTIVITI JABATAN PENGAJIAN AM
JANUARI – JUN 2022**

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Hulu Terengganu terdiri daripada 2 unit iaitu Unit Pendidikan Islam dan Unit Bahasa Inggeris. Terdapat seramai 12 tenaga pengajar yang mendidik pelajar yang bernaung di bawah JPA iaitu 9 pensyarah Pendidikan Islam dan 3 orang pensyarah Bahasa Inggeris.



CERAMAH PERDANA ISRAK DAN MIKRAJ 2022

Telah berlangsung Ceramah Perdana Isra' dan Mikraj 2022 pada 8 Mac 2022. Ianya dianjurkan oleh Pusat Islam Al-Hijrah dengan kerjasama Jabatan Pengajian Am. Ceramah disampaikan secara atas talian oleh Tuan Haji Ustaz Kamaruzaman bin Abdullah, Pengarah Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (IMITS).



PROGRAM PPI BAGI KURSUS DUW 10012 OSH

Dijalankan secara atas talian, telah berlangsung Program Pensyarah Pelawat Industri bagi Kursus DUW 10012 OSH pada 15 Mac 2022. Program yang melibatkan pelajar Semester 1 yang mengambil kursus OSH & Pensyarah JPA serta JPH ini bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan berkait keselamatan dan kesihatan pekerjaan, mengaplikasi dalam kehidupan sehari-hari dan di tempat kerja dan mengambil tindakan pencegahan dalam menghadapi risiko di tempat kerja.



PPI JPA – PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN (SEMESTER 1) DAN NILAI MASYARAKAT MALAYSIA (SEMESTER 2)


Pada 22 Mac 2022, telah diadakan PPI bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (Semester 1) dan Nilai Masyarakat Malaysia (Semester 2) secara atas talian. Program ini telah dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang peranan etika dan peradaban serta memahami realiti kemasyarakatan dan isu-isu yang berlaku agar lebih memberi kesedaran kepada mereka. Ianya juga berjaya meningkatkan pengetahuan dan motivasi diri serta kebolehan berfikir secara kreatif.



PPI DUE30022 - COMMUNICATIVE ENGLISH 2

Telah berlangsung PPI DUE30022 bagi Kursus Communicative English 2 - Describing Processes and Procedures pada 5 April 2022 secara atas talian. Program ini telah melibatkan pelajar Semester 2 dan 3 serta para pelajar Politeknik Terengganu yang mendaftar kursus ini.

Justifikasi pelaksanaan program adalah untuk meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai cara yang terbaik untuk menerangkan servis atau produk yang disediakan, mendapatkan pengalaman sebenar bagaimana memperkenalkan produk atau servis yang disediakan serta sekaligus meningkatkan jam interaksi PPI bagi KPI Politeknik.



SIRI KULIAH RAMADAN

Siri Kuliah Ramadan bertajuk "Biar Jadi Tabiat telah diadakan di Dewan Batu Bersurat PHT pada 12 April 2022. Kuliah secara bersemuka ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Shukri bin Ali, Pengarah Urusan Shukran Travel & Tour Sdn Bhd. Program yang melibatkan semua pelajar Politeknik Hulu Terengganu bertujuan meningkatkan penghayatan Ramadhan, menguasai ilmu pengetahuan berkait amalan puasa Ramadhan dan membentuk jati diri menjadi insan cemerlang.



“PENAWAR BAGI HATI”

Kuliah Pelajar bertajuk Penawar Bagi Hati telah berlangsung di 24 Mei 2022 di Pusat Islam PHT. Kuliah ini bertujuan menambahbaik pengetahuan sedia ada pelajar tentang perkara asas berkenaan Islam yang telah dipelajari di bangku sekolah, menghubungkait isu-isu terkini dengan hukum dalam Islam dan menanam kesedaran tentang kepentingan penghayatan Islam sebagai cara hidup.



PROJEK SOSIAL KELAB MESRA ALAM (PENANAMAN SEMULA BAKAU)

Pada 25 Mei 2022, telah berlangsung Projek Sosial Kelab Mesra Alam (Penanaman Semula Bakau) di Kampung Mangkok Setiu. Program sehari ini telah melibatkan Pelajar Kelab Mesra Alam DUP 2A dan Persatuan Wanita Setiu (PEWANIS).

Ianya bertujuan melahirkan mahasiswa yang mempunyai sosialisasi dan kesukarelawan yang tinggi dalam mendokong peradaban negara bangsa serta membangkit kesedaran para mahasiswa terhadap pentingnya menjaga kelestarian alam sekitar.



PROJEK SOSIAL PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Pada 28 Mei 2022, telah berlangsung Projek Sosial Penghayatan Etika Dan Peradaban di Kampung Gerdong, Kuala Berang.

Program ini dapat melahirkan mahasiswa yang mempunyai sosialisasi dan kesukarelawan yang tinggi dalam mendokong peradaban negara bangsa serta membangkit kesedaran para mahasiswa terhadap pentingnya komuniti dalam sosialisasi merentasi usia, agama dan budaya walau dimana bumi dipijak.



PPI DUE 50032 – COMMUNICATIVE ENGLISH 3

Telah berlangsung PPI DUE50032 bagi Kursus Communicative English 3 - Job interview: Tips and Strategies pada 31 Mei 2022 secara atas talian. Program ini telah melibatkan pelajar PHT serta para pelajar Politeknik Terengganu yang mendaftar kursus ini.

Penceramah bagi program ini ialah Puan Nurliyana binti Baudin, seorang penceramah bebas berpengalaman luas dalam industri. Ianya diadakan bagi memberikan pendedahan kepada pelajar bagi menghadapi temuduga kerja dalam Bahasa Inggeris.

Tujuannya adalah untuk memperkenalkan teknik dan strategi yang bersesuaian. Pendedahan ini diharapkan agar dapat memberi pengalaman baru kepada para pelajar untuk mempelajari secara langsung daripada penceramah yang berpengalaman industri.



PPI DUE 10012 – COMMUNICATIVE ENGLISH 1



Pada 2 Jun 2022, telah berlangsung PPI DUE10012 bagi Kursus Communicative English 1 - Speak with Confidence secara atas talian. Program telah dikendalikan oleh Encik Mohd Rizal bin Hassan, seorang penceramah bebas dalam komunikasi Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang mempunyai pengalaman luas dalam industri ini telah melibatkan pelajar Semester 1 dan para pelajar Politeknik Terengganu yang mendaftar kursus ini.

Justifikasi pelaksanaan program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar bagi meningkatkan kemahiran bertutur dengan yakin dalam Bahasa Inggeris. Pendedahan ini diharapkan dapat memberi idea dan pengalaman baru kepada para pelajar untuk mempelajari secara langsung daripada penceramah berpengalaman industry yang luas dalam bidang komunikasi Bahasa Inggeris. Program ini juga telah dapat memperkuatkan jaringan di antara politeknik-politeknik Terengganu.



Editor: Wan Norlalili Wan Abdul Manan

Kita yang menentukan sama ada diri kita menjadi bertambah kuat atau lemah



**KEJAYAAN
PENSYARAH
 PENYELIDIKAN
 DAN INOVASI
 (JAN-JUN 2022)**

**SENARAI KEJAYAAN PENSYARAH DALAM BIDANG PENYELIDIKAN/INOVASI DI PERINGKAT ZON/
KEBANGSAAN/ANTARABANGSA TAHUN 2022 (JAN -JUN)**

BIL	NAMA	JABATAN	TAJUK KERTAS PENYELIDIKAN	NAMA JURNAL/ DIGES / PROSIDING /KONFERENS	TARIKH KONFERENS	NO. PENERBITAN (ESBN/ ISSN/ DLL)	PERINGKAT (ZON/ POLITEKNIK/ KEBANGSAAN/ ANTARABANGSA)
1	NUR ADLINA BINTI MOHD 	JPB	COVID-19: THE IMPACT ON ECONOMIC FOR TRAVEL AGENCY OPERATORS IN KUALA TERENGGANU	INTERNATIONAL TVET ACADEMIC AND RESEARCH SYMPOSIUM (ITARS 2022)	26 Feb 2022	978-967-18231- 1-8	INTERNATIONAL
2	NUR ADLINA BINTI MOHD 	JPB	EXPLORING LOCAL TOURISTS' DINING EXPERIENCE AT BABA AND NYONYA ETHNIC RESTAURANT: A CASE STUDY IN MALACCA	INTERNATIONAL TVET ACADEMIC AND RESEARCH SYMPOSIUM (ITARS 2022)	26 Feb 2022	978-967-18231- 1-8	INTERNATIONAL
3	KHAIRUL MOHD AZEMI 	JPB	THE PERCEPTION OF LOCAL COMMUNITY TOWARDS THE IMPACT AND SUPPORT OF VOLUNTEER TOURISM IN TIOMAN ISLAND	INTERNATIONAL JOURNAL OF ACADEMIC RESEARCH IN BUSINESS AND SOCIAL SCIENCE	16 JANUARY 2022	2222-6990	INTERNATIONAL

4	<p>WAN NOR AZIDA BINTI WAN ALI</p>  <p>NAZLI HULWANY BINTI ABDULLAH</p> 	JPH	<p>PENGURUSAN FAKTOR DAN SIMPTOM STRES DI KALANGAN PELAJAR PENGURUSAN PELANCONGAN POLITEKNIK HULU TERENGGANU</p>	<p>ejournal.um.edu.my Educational Leader (Pemimpin Pendidikan) 2022, Volume 9, Page 1</p>	5 APRIL 2022	2601-0011	INTERNATIONAL
5	<p>NAZLI HULWANY BINTI ABDULLAH</p> 	JPH	<p>PERSEPSI PENSYARAH POLIMAS DALAM PENGGUNAAN PLATFORM MS TEAM DAN CIDOS UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (Perceptions of POLIMAS Lecturers in the Use of Ms Team and Cidos Platforms for Online Teaching and Learning)</p>	<p>2nd International Conference on Management, Education, Social Sciences and Technology 2022 (ICMEST2022)</p>	25 JUN 2022	978-967-2835- 24-0	INTERNATIONAL

6	NUR ADLINA BINTI MUHD 						
	NOORNAJMI IDAYU BINTI MAZLAN 	JPH	THE INFLUENCE OF STUDENTS' KNOWLEDGE AND ATTITUDE ON MOTIVATION IN THE USE OF HOTEL OPERATION E- MODULE	International Innovation ARSVOT Malaysia (IAM2022)	25-26 JUN 2022		INTERNATIONAL
	WAN NORLAILI WAN ABDUL MANAN 						

7	FARIDAH BINTI MOHAMAD 	JP	CABARAN AMALAN PEMASARAN KEUSAHAWANAN DIGITAL DI KALANGAN USAHAWAN KUMPULAN B40 DI KUALA TERENGGANU	INTERNATIONAL TVET ACADEMIC AND RESEARCH SYMPOSIUM (ITARS 2022)	26 Feb 2022	978-967-18231-1-8	INTERNATIONAL
8	TUAN MASTINIWATI TUAN MANSOR 	JP	EXTERNAL WHISTLEBLOWING INTENTIONS OF AUDITORS: A PERSPECTIVE BASED ON STIMULUS–ORGANISM–RESPONSE THEORY	VOL. 22 NO. 4 2022, pp. 871-897, © Emerald Publishing Limited	22 JUN 2022	1472-0701	INTERNATIONAL

INOVASI							
1	<p>NUR ADLINA BINTI MUHD</p>  <p>NOORNAJMI IDAYU BINTI MAZLAN</p>  <p>HASROL BIN HASNAN</p> 	JPH	TREASURE OF FAMOUS FOOD	INTERNATIONAL INNOVATIVE COMPETITION	7-9 JUN 2022	ANJURAN KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH	PINGAT EMAS

2	HASROL BIN HASNAN 						
	KHAIRUL BIN MOHD AZEMI FAHIMDIN BIN MOHD YUSOF@KAMAL 	JPH	INTERACTICE QR MODULE BASED BOARD GAME	INNOPLEN PERINGKAT KEBANGSAAN 2022		ANJURAN POLISAS	PINGAT EMAS
	FIRDAUS BIN MOHAMAD SHARIF 						

3	<p>WAN NORLIANA WAN SULONG</p>  <p>MOHD HISHAMUDIN BIN MAT</p>  <p>MOHD RAZHAN ARIFF MOHD ZAIN</p> 	JPH	PHT TAXOMETER	INNOPLEN PERINGKAT KEBANGSAAN 2022	ANJURAN POLIAS	PINGAT PERAK
---	---	-----	---------------	---	-------------------	--------------



KEJAYAAN WARGA KERJA PHT DALAM PELBAGAI BIDANG (JAN-JUN 2022)



Pasukan Politeknik Terengganu telah diwakili oleh En. Mohd Razhan Ariff bin Mohd Zain, En. Mohammad Zainul bin Mohammed, En. Mohd Hanafi bin Musa, dan En. Wan Mohd Faizul bin Wan Saberi daripada PHT. Pasukan Politeknik Terengganu telah mendapat naib johan peringkat kumpulan di Kejohanan Ping pong Berpasukan dan Beregu Terbuka MAKSAK Terengganu 2022



**KEJAYAAN
PELAJAR
(JAN-JUN 2022)**

Politeknik Hulu Terengganu telah menghantar dua pasukan, PHT NETBALLERS A dan PHT NETBALLERS B di Kejohanan Bola Jaring Malaysia Sport League (MSL) 2022 Peringkat Daerah Hulu Terengganu pada 21.5.2022. PHT NETBALLERS A telah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan ini.



Buletin PHT Hebat

Politeknik Hulu Terengganu, Jalan Pengkalan Gawi Tasik Kenyir, 21700

Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu

Website: <https://pht.mypolycc.edu.my/>

Politeknik Hulu Terengganu atau dengan singkatannya PHT merupakan salah sebuah politeknik di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Tinggi memulakan operasi pada 2 Mei 2008 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun dengan menawarkan 2 program utama iaitu Diploma Perakaunan dan Diploma Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti.

Pada Jun 2010, PHT telah memindahkan operasi ke Daerah Hulu Terengganu dengan menyewa salah sebuah bangunan yang dimiliki oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu di Bandar Kuala Berang.

Kemudian telah berpindah ke kampus utama PHT yang terletak di Kuala Jeneris pada 19 Julai 2020. Pada 1 Mac 2021, dua program baru beroperasi di bawah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti iaitu Diploma Pengurusan Resort dan Diploma Pelancongan Rekreasi. Hingga kini, PHT mempunyai hampir 600 orang pelajar dengan kekuatan kakitangan seramai 91 orang yang terdiri daripada pelbagai kelulusan diketuai oleh Hj. Azahan Hj. Daud sebagai pengarah PHT. Antara jabatan utama yang terdapat di PHT ialah Jabatan Perdagangan, Jabatan Pelancongan & Hospitaliti dan Jabatan Pengajian Am.

ISI KANDUNGAN

- Aluan Pengarah
- Aluan Ketua Editor
- Utama Politeknik Hulu Terengganu
- Kursus di Politeknik Hulu Terengganu
- Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
- Jabatan Perdagangan
- Jabatan Pengajian Am
- Menarik Buletin PHT Hebat 2023

MUKA SURAT

2

2

3 - 24

25-39

40-60

61-68

69-74

75

MENARIK

JULAI-DISEMBER 2022

- **SAMBUTAN HARI AKADEMIA PERINGKAT ZON TERENGGANU DAN KELANTAN**
- **PASCABANJIR MONSUN TIMUR LAUT 2022/2023 WARGA JPPKK**

SIDANG REDAKSI

Penaung

Hj.Azahan Hj. Daud

Pengarah Politeknik Hulu Terengganu

Ketua Editor

Nurul Ilyani Abdullah

Editor

Norimah Annuar @Mohd Tahir

Wan Norlaili Wan Abdul

Manan

Dameliza Damain

Politeknik Hulu Terengganu (PHT)

Aluan Pengarah

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin PHT Hebat edisi Julai- Disember 2022. Penerbitan Buletin PHT Hebat ini menggambarkan kesungguhan warga Politeknik Hulu Terengganu dalam mengerakkan tenaga untuk menjayakan budaya kerja sepasukan.

Saya harap buletin PHT Hebat ini akan dapat memberi input dan panduan komprehensif pada mereka yang membacanya. Semoga ia dapat menjadi salah satu cabang perantara antara PHT dengan komuniti khususnya dan amnya kepada warga PHT. Ia juga diharapkan menjadi medium terbaik dalam menyalurkan maklumat yang berkesan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan PHT selaras dengan visi dan misi yang digariskan.

Akhir kata, semoga keluaran Buletin PHT Hebat ini dapat diteruskan dengan bahan-bahan informasi yang menarik dan bermanfaat kepada pembaca seterusnya memberi impak yang besar dalam pembudayaan pengajaran dan pembelajaran. Kekalkan momentum dan teruskan usaha murni sehingga menjadikan PHT peneraju masa depan semua. PHT leads Your Future.

Hj. Azahan Hj. Daud
Pengarah
Politeknik Hulu Terengganu

Aluan Ketua Editor

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, Buletin PHT Hebat Edisi Julai-Disember 2022 berjaya diterbitkan oleh sidang redaksi sebagai panduan khusus kepada komuniti dan amnya warga Politeknik Hulu Terengganu.

Untuk mencapai kejayaan pastinya dihujani dengan pelbagai cabaran dan dugaan namun berbekalkan semangat kekitanan dan rasa tanggungjawab, kami tidak menghiraukan apa jua cabaran yang menghalang sehinggalah buletin ini berjaya dihasilkan. Berbekalkan semangat inilah sidang redaksi berusaha untuk menghasilkan laporan aktiviti sehingga buletin ini berjaya diterbitkan.

Akhir kalam, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya ada kekhilafan yang dilakukan sepanjang proses penghasilan Buletin PHT Hebat. Sesungguhnya segala yang baik datangnya dari Allah dan kekurangannya dari piyah kami sendiri.

Sekian.
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Nurul Ilyani Abdullah
Ketua Editor
Buletin PHT Hebat, Politeknik Hulu Terengganu



Politeknic Hulu Terengganu (PHT)

19.7.2022|POLYKB-MSP 9' ASIDE FOOTBALL CHAMPIONSHIP 2022

Bertempat di Politeknik Kota Bharu (PKB), pasukan bolasepak PHT telah menyertai Kejohanan Bolasepak 9 sebelah anjuran Politeknik Kota Bharu (PKB) bersama Majlis Sukan Politeknik (MSP). Kejohanan ini disertai oleh 19 pasukan daripada politeknik seluruh Malaysia dari 19 hingga 20 Julai 2022.



Utama PHT

JULAI

- POLYKB-MSP 9' ASIDE FOOTBALL CHAMPIONSHIP 2022
- TAKLIMAT ASET PHT
- PHT SERTAI PROGRAM YOUTH CELIK INTELLECTUAL PROPERTY 2022
- JOM MASUK POLI

19.7.2022|TAKLIMAT ASET PHT

Bertempat di Auditorium Pintar PHT, satu Taklimat Pendaftaran Aset Alih (Built in Furniture) Siri 2 telah diadakan melibatkan Unit Aset dan 52 orang peserta dalam kalangan staf PHT. Taklimat telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr. Hj. Abu Bakar Zakaria dan Pn.Moriza Fikri.



Oleh: Nurul Ilyani Abdullah

21.7.2022|PHT SERTAI PROGRAM YOUTH CELIK INTELLECTUAL PROPERTY 2022

PHT telah menghantar seramai 3 orang pelajar Semester 5 Diploma Pengurusan Pelancongan menyertai Program Youth Celik Intellectual Property 2022 peringkat kebangsaan anjuran bersama Politeknik Malaysia di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Seramai 100 orang pelajar dari 34 Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia telah menyertai program ini. Objektif program ini antara lainnya memberi pendedahan kepada golongan belia tentang proses serta tatacara dan kepentingan mendaftar

harta intelek melalui bengkel intensif selama 3 hari 2 malam bertempat di Politeknik Muadzam Shah. 3 orang pelajar PHT yang telah menyertai program ini ialah Nur Syamimie binti Samsudin, Umi Shazawani binti Shahamuddin dan Muhammad Lutfi Ameer bin Rosdi.



28.7.2022|JOM MASUK POLI

Team Promosi Jom Masuk Poli telah membuka kaunter Jom Masuk Poli sempena Program Jelajah Program Keluarga Malaysia di Negeri Terengganu 2022 bertempat di Dewan Sivik Ajil,Hulu Terengganu.



14.8.2022| PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I 2022/2023 PHT

Pendaftaran pelajar baharu bagi ambilan SESI I 2022/2023 bagi empat program diploma di Politeknik Hulu Terengganu iaitu Diploma Pengurusan Pelancongan, Diploma Pelancongan Rekreasi, Diploma Pengurusan Resort dan Diploma Akauntansi telah berlangsung di Dewan Batu Bersurat, PHT. Seawal jam 8.00 pagi, ibu/bapa/penjaga telah hadir untuk menghantar anak-anak mereka untuk mendaftar masuk program dan mendaftar masuk kolej kediaman.



Utama PHT

OGOS

- PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I 2022/2023 PHT
- PENDAFTARAN MASUK PELAJAR BAHARU SESI I 2022/2023 KE KAMSIS PHT
- MINGGU TRANSFORMASI SISWA(MTS) PHT HARI PERTAMA
- MAJLIS PENUTUPAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA(MTS) PHT
- LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT
- AKTIVITI BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT PHT
- BURUNG MERPATI DILEPASKAN SEMPENA PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN PHT

14.8.2022|PENDAFTARAN MASUK PELAJAR BAHARU SESI I

2022/2023 KE KAMHSIS PHT

Pelajar baharu Sesi I 2022/2023 telah mendaftar masuk kamsis yang mana kamsis PHT boleh memuatkan pelajar sekitar 800 orang pelajar. Seramai 87 orang pelajar telah mendaftar masuk ke PHT.



14.8.2022|MINGGU TRANSFORMASI SISWA(MTS) PHT HARI PERTAMA

Hari Pertama Minggu Transformasi Siswa (MTS) Pelajar Baharu PHT telah dipenuhi dengan slot yang menarik yang mana dikendalikan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar PHT dengan kerjasama barisan Majlis Perwakilan Pelajar. Antara objektif MTS pada kali ini adalah untuk mengenali PHT dengan lebih dekat antara slot yang terlibat:

- Slot 1 - Pengurusan Disiplin oleh En Azmi b. Ismail
- Slot 2 - Pengurusan Pelajar oleh En Yusoff b. Yaacob
- Kuliah Maghrib oleh Ustaz Azhar b. Mohd Nawi
- Slot 3 - Pengurusan PTPTN & Biasiswa oleh En Azmi b. Ismail
- Slot 4 - Peperiksaan oleh Pn Masnisah Bt Mukhtar
- Slot 5 - Taklimat Kamsis oleh Pn Nur Adlina Bt Mohd
- Slot 6 - Ko-kurikulum & Pemilihan Kelab - En. Mohd Razhan Ariff
- Slot 7 - eLearning - En Afi Zuladli B. Azmi
- Bacaan Yassin di Pusat Islam
- Slot 8 - Taklimat Kualiti oleh Pn Norimah Bt Annuar
- Slot 9 - Taklimat Pendaftaran & PA oleh En Firdaus B. Mohamad Sharif
- Slot 10 - Taklimat Perpustakaan oleh En Amran
- Slot 11 - Sesi Bersama Jabatan



Utama PHT

SEPTEMBER

- MAJLIS PENUTUPAN BULAN KEBANGSAAN PHT
- LAWATAN PENANDAARAS DARI POLITEKNIK KOTA MELAKA
- MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN DAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI PHT 2022
- TAKLIMAT KAMSIS

16.8.2022|MAJLIS PENUTUPAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA(MTS) PHT

Majlis Penutupan Minggu Transformasi Siswa (MTS) Pelajar Baharu PHT berakhir dengan jayanya yang mana telah dirasmikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan bin Hj. Daud. Majlis ini juga dihadiri oleh para pensyarah bagi meraikan kehadiran pelajar baharu di PHT.



20.8.2022|LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT

Lawatan Kunjungan Hormat Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Terengganu ke Politeknik Hulu Terengganu telah diadakan pada 19.8.2022. Lawatan ini telah diraikan oleh pihak PHT diketuai oleh Pengarah PHT, Hj Azahan Hj Daud.



22.8.2022| AKTIVITI BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT PHT

Pemasangan Jalur Gemilang di sekitar kawasan kampus PHT oleh Unit Pentadbiran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65 Peringkat Politeknik Hulu Terengganu bermula 15 Ogos-16 September 2022.



Oleh: Nurul Ilyani Abdullah

23.8.2022|BURUNG MERPATI DILEPASKAN SEMPENA PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN PHT

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Politeknik Hulu Terengganu telah diadakan pada 23 Ogos 2022 bertempat di Dataran Penyu, PHT. Sambutan Bulan Kebangsaan PHT kali ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti yang bakal diadakan yang mana objektifnya adalah untuk memupuk semangat cintakan negara serta memperingati pejuang-pejuang kemerdekaan yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan tanahair tercinta dari penjajah. Aktiviti yang bakal diadakan juga bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan yang ke-65 'Teguh Bersama'. Gimik perasmian pada kali ini ialah dengan melepaskan burung merpati oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud bersama pihak pengurusan tertinggi Politeknik Hulu Terengganu yang lain. Wakil pelajar PHT juga menyerahkan Jalur Gemilang kepada wakil pengurusan PHT sebagai simbolik bulan kebangsaan di PHT.



Utama PHT

NOVEMBER

- PELAJAR PHT TERIMA PERANTI SISWA
- PROGRAM KEUSAHAWANAN
- PROGRAM ANJURAN UNIT KEUSAHAWANAN
- MAJLIS JASAMU DIKENANG

14.9.2022| MAJLIS PENUTUPAN BULAN KEBANGSAAN PHT

Majlis Penutupan Bulan Kebangsaan Peringkat Politeknik Hulu Terengganu telah diadakan pada 13 September 2022 di Dewan Batu Bersurat, PHT. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud.



14.9.2022| LAWATAN PENANDAARAS DARI POLITEKNIK KOTA MELAKA

Politeknik Hulu Terengganu (PHT) telah menerima kunjungan dari Politeknik Kota Melaka pada 12.9.2022. Lawatan ini telah dirai oleh pihak pengurusan PHT bersama staf di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.



Utama PHT

DISEMBER

- MAJLIS TANDATANGAN SIJIL KOLABORASI (CoC)
- MAJLIS PENUTUPAN HARI KOKURIKULUM PHT SESI 1 2022/2023
- PELAJAR PHT TERIMA BANTUAN BEKALAN MAKANAN
- PELAJAR PHT TERIMA BANTUAN BEKALAN MAKANAN
- SUMBANGAN DAN BANTUAN DARI JKM KEPADA STAF DAN PELAJAR PHT
- PELAJAR PHT TERKANDAS BANJIR SELAMAT
- SUMBANGAN UNTUK STAF KEBERSIHAN YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR
- KUNJUNGAN PENGARAH MENYAMPAIKAN BANTUAN KEPADA STAF KEBERSIHAN PHT YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR
- 19 LAGI STAF PHT DIBANTU
- PASCABANJIR MONSUN TIMUR LAUT 2022/2023 WARGA JPPKK

15.9.2022|BIDANG HOUSEKEEPING PHT RANGKUL PINGAT GANGSA DI POLYSKILLS 2022

Peserta PHT, Souffiya Waheedah Hibatur Rahman program Diploma Pengurusan Resort semester 3 telah memenangi pingat gangsa di Pertandingan Kemahiran Politeknik Malaysia (Polyskills) dalam bidang Housekeeping yang diadakan di Politeknik Ibrahim Sultan.



Kejayaan Pelajar PHT

- BIDANG HOUSEKEEPING PHT RANGKUL PINGAT GANGSA DI POLYSKILLS 2022
- BIDANG RESTAURANT SERVICE PHT BERJAYA RANGKUL PINGAT EMAS DI POLYSKILLS 2022



15.9.2022|BIDANG RESTAURANT SERVICE PHT BERJAYA RANGKUL PINGAT EMAS DI POLYSKILLS 2022

Peserta PHT, Aiman Mifdzal bin Husni pelajar program Diploma Pengurusan Resort semester 3 telah menyertai Pertandingan Kemahiran Politeknik Malaysia (Polyskills) dalam bidang Restaurant Service dan telah berjaya merangkul pingat emas di Politeknik Ibrahim Sultan.



20.9.2022| MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN DAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI PHT 2022

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik Hulu Terengganu(PHT) tahun 2022 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Harmoni, PHT pada 19.9.2022.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pn.Putih Dalib, Setiausaha Persatuan Pelancongan Negeri Terengganu. Turut hadir 3 wakil jawatankuasa industri dari SMY & Associates dan Zool Management And Trading Sdn.Bhd.

Hadir bersama Pengarah PHT, Hj. Azahan Hj. Daud, Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Wan Norliana Wan Sulong dan Ketua Unit CISEC, Pn. Syuhairah Ghani.



Kejayaan Pensyarah PHT

Anugerah Ikon Sukarelawan

- Azhar Mat Nawi

Anugerah Ikon Kokurikulum

- Sukarni Mat Ghani

Anugerah Mentor Keusahawanan

- Zaidah Mamat

Anugerah PdP

- Faridah Mohamad

Anugerah Penyelidikan & Inovasi

- Nur Adlina Mohd

Anugerah Penerbitan

- Tuan Mastiniwati Tuan Mansor

Anugerah PSH

- Azmi Ismail

Anugerah Ikon Kolaborasi

- Mohd Azamrul Harun

Anugerah Pensyarah Harapan

- Muhammad Fahmie Azmi

Anugerah Pensyarah Cemerlang

- Moriza Fikri

Anugerah Tokoh Akademia TVET

- Wan Mustafa Wan Yusoff

25.9.2022|TAKLIMAT KAMSIS

Taklimat Kamsis Sesi I 2022/2023 telah diadakan selama 2 hari melibatkan 2 sesi.Taklimat ini telah disertai oleh 576 orang pelajar siswa dan siswi.Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Warden, Puan Nur Adlina binti Haji Mohd.



TAHANIAH KEPADA PENERIMA ANUGERAH AKADEMIA POLITEKNIK HULU TERENGGANU

BIL	ANUGERAH AKADEMIA	PENERIMA
1	ANUGERAH IKON SUKARELAWAN	AZHAR BIN MOHD NAWI
2	ANUGERAH IKON KOKURIKULUM	SUKARNI BINTI AB GHANI
3	ANUGERAH MENTOR KEUSAHAWANAN	ZAIDAH BINTI MAMAT
4	ANUGERAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP)	FARIDAH BINTI MOHAMAD
5	ANUGERAH PENYELIDIKAN DAN INOVASI	NUR ADLINA BINTI MOHD
6	ANUGERAH PENERBITAN	TUAN MASTINIWATI BINTI TUAN MANSOR
7	ANUGERAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)	AZMI BIN ISMAIL
8	ANUGERAH IKON KOLABORASI	MOHD AZAMRUL BIN HARUN
9	ANUGERAH PENSYARAH HARAPAN	MUHAMMAD FAHmie BIN AZMI
10	ANUGERAH PENSYARAH CEMERLANG	MORIZA BINTI FIKRI
11	ANUGERAH TOKOH AKADEMIA TVET	WAN MUSTAFFA BIN WAN YUSOFF

2.10.2022|150 AHLI AKADEMIA MENGHADIRI SAMBUTAN HARI AKADEMIA PERINGKAT ZON TERENGGANU DAN KELANTAN DI DEWAN BATU BERSURAT, POLITEKNIK HULU TERENGGANU

Sambutan Hari Akademia Peringkat Zon Terengganu dan Kelantan telah diadakan di Dewan Batu Bersurat, PHT melibatkan kira-kira 150 orang ahli akademia dari Politeknik dan Kolej Komuniti Terengganu dan Kelantan.

Program ini telah dihadiri oleh Dr Samsuri bin Abdullah, Pengarah Bahagian Koordinasi TVET, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Sambutan ini diadakan sebagai tanda menghargai peranan ahli akademia di seluruh Zon Terengganu dan Kelantan.

Sambutan Hari Akademia ini kemudian diteruskan dengan forum yang bertajuk “Akademia TVET Mendepani Cabaran” yang berlangsung selama 2 jam. Tiga panel program telah membincangkan tajuk ini iaitu Dr. Samsuri Abdullah, Pengarah Bahagian Koordinasi TVET, Dr. Abdul Hafaz Ngah, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti, Univerisiti Malaysia Terengganu, Ts.Dr. Mohd Hafizil bin Mat Yasin, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, dan moderatornya Ts. Hj Ali Mamat, Pengarah Kolej Komuniti Kuala Terengganu.



2.10.22| MAJLIS MENANDATANGANI CERTIFICATE OF COLLABORATION

Majlis Menandatangani Certificate of Collaboration (CoC) Politeknik Hulu Terengganu bersama Industri telah diadakan di Bilik Mesyuarat Harmoni, PHT pada 2.10.2022.

15 industri telah menandatangani CoC bersama PHT antaranya Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Terengganu, Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Unishams), Pejabat Belia dan Sukan Daerah Hulu Terengganu, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik, Persatuan Pelancongan Tasik Kenyir Terengganu, Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia (PJRM), Persatuan Malim Tasik Kenyir, Persatuan Pemancing Terengganu, Kolej Vokasional Besut, JenobaTrading, Tarbiah Kreatif Consultancy, Pesona Houseboat Tasik Kenyir, Primula Beach Hotel, Terengganu, Goheaz Beauty & Spa (Warisan Spa) dan Summerbay Resort.

Turut hadir Dr Samsuri bin Abdullah, Pengarah Bahagian Koordinasi TVET diiringi oleh Hj. Azahan Hj. Daud bagi menyaksikan majlis menandatangani CoC ini.



COC bersama PHT

- Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Terengganu,
- Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Unishams),
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Hulu Terengganu, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik,
- Persatuan Pelancongan Tasik Kenyir Terengganu,
- Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia (PJRM),
- Persatuan Malim Tasik Kenyir,
- Persatuan Pemancing Terengganu,
- Kolej Vokasional Besut, JenobaTrading,
- Tarbiah Kreatif Consultancy,
- Pesona Houseboat Tasik Kenyir,
- Primula Beach Hotel, Terengganu
- Goheaz Beauty & Spa (Warisan Spa)
- Summerbay Resort.

9.10.2022|HARI SUKAN NEGARA 2022 PERINGKAT DAERAH HULU TERENGGANU

Telah berlangsung di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu, Hari Sukan Negara 2022 Peringkat Daerah Hulu Terengganu pada 8 Oktober 2022. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antaranya Pameran dan Pemeriksaan Kesihatan, Liga Penalti Futsal, Memanah Tradisional,Pameran Agensi Kerajaan, Senamrobik dan Jom Cuba Paintball.

Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Hulu Terengganu ini telah dikendalikan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah Hulu Terengganu dengan kerjasama pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil kursus Event Management, Semester 4 serta diselia oleh oleh pensyarah kursus En.Fahimdin Mohd Kamal@Yusof.

Majlis Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB. Dr. Haji Mamad bin Puteh, Pengurus Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau.Turut hadir Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Haji Azahan Haji Daud.



16.10.2022| PROGRAM SERAHAN PERANTI SISWA KELUARGA MALAYSIA

Program Serahan Peranti Siswa Keluarga Malaysia telah berlangsung di PHT melibatkan 195 orang pelajar. Program telah diadakan berhadapan Koperasi PHT Berhad. Ia telah dikendalikan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar PHT.



15-17.10.2022|KEJOHANAN PINGPONG MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA 2022

Bertempat di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kulim Kedah, PHT telah menghantar pasukan pingpong. PHT telah menyertai semua kategori iaitu Single (L), Double (L), Double (P) dan kategori Terbuka.



19.10.2022|PROGRAM CAMBAH MINDA MINDA ANJURAN JAPEN DI PHT

Program Cambah Minda anjuran Jabatan Penerangan (JaPen) Negeri Terengganu telah diadakan di Mini Auditorium Pintar, Politeknik Hulu Terengganu. Program ini telah dihadiri kira-kira 80 orang pelajar daripada Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) dan Diploma Akauntansi (DAT) semester satu.

Program telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Hulu Terengganu, Wan Norliana Wan Sulong.

Turut hadir Penolong Pengarah Cawangan Gerak Saraf dan Pengurusan Isu (GSPI) JaPen Terengganu, Mohd Othman Abu Bakar dan Pegawai Penerangan Daerah Hulu Terengganu, Abidin A.Ghani.



19-22.10.2022|MAJLIS PENTAULIAHAN RELASIS

Majlis Pentaulianan Bridged Rela Siswa Siswi (Relasis) Tahun 2022 telah diadakan di Akademi Latihan RELA Malaysia, Sungai Udang Melaka. Empat sisi Relasis dari Politeknik Hulu Terengganu telah ditauliah pada kali ini.



Kejayaan PHT

Pencapaian CEMERLANG prestasi pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 7 hari bagi bulan Julai hingga September 2022

TAHNIAH kepada seluruh warga kerja Politeknik Hulu Terengganu di atas pencapaian CEMERLANG prestasi pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 7 hari bagi bulan Julai hingga September 2022.



3.11.2022| PHT SERTAI IDBC 2022

Seramai 6 orang peserta dari Politeknik Hulu Terengganu yang mana terdiri daripada 3 orang alumni dan 3 orang pelajar semester akhir telah terpilih untuk menyertai program Intellectual Digital Business Course (IDBC 2022). Pelajar-pelajar ini telah diselia oleh Puan Nur Adlina binti Hj Mohd dan Puan Norli Yanawati binti Zakaria bertindak selaku mentor dan fasilitator.

Melalui kursus ini, para pelajar telah diberikan pendedahan kepada analisis data, content creation, SEO (search engine optimization) dan SEM (search engine marketing), CRM (customer relationship management), teknik komunikasi berkesan, media sosial serta asas kemahiran rekabentuk bahan pemasaran serta personal branding.




3.11.2022| PELAJAR PHT TERIMA PERANTI SISWA

Sesi pengagihan Tablet Di Bawah Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia telah diadakan di Dewan Terbuka, Kolej Tingkatan 6 Hulu Terengganu pada 3.11.2022. 134 orang pelajar PHT telah berjaya menerima tablet secara berperingkat. Program ini ialah inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia di bawah Belanjawan 2022 yang mana diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini.





15.11.2022| PROGRAM KEUSAHAWANAN

Program Keusahawanan : Magic Numbers 2022 peringkat Zon Kelantan dan Terengganu telah berlangsung secara bersemuka dan atas talian. Program ini adalah anjuran BAPP JPPKK. 9 orang pelajar PHT terlibat dalam program ini secara atas talian.



15.11.2022|PROGRAM ANJURAN UNIT KEUSAHAWANAN

Unit keusahawanan PHT telah mengadakan bengkel Pengurusan kewangan - Rancangan Perniagaan secara atas talian selama 2 hari pada 11 & 12 November 2022. Bengkel ini telah disampaikan oleh Puan Rahanita Abd Rahman Pensyarah Utama Kolej Komuniti Bandar Darul Aman merangkap Mentor Keusahawanan peringkat JPPKK. Peserta yang terlibat adalah pelajar yang mengambil kursus kewangan di PHT.



17.11.2022|MAJLIS JASAMU DIKENANG

Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan pada 17 november 2022 di Restoran Latihan PHT. Majlis ini diadakan bagi menghargai warga kerja PHT yang telah bersara dan juga berpindah.

Terima kasih kepada Hj.Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S, mantan Pengarah PHT, Pn.Zaleha Sulong, pensyarah JPA, Pn.Nasariah Mamud, Ketua Unit Perpustakaan PHT, Pn.Nazly Hulwany Abdullah, pensyarah JPH dan Pn.Nurfarhanis Rosli, unit kewangan PHT di atas khidmat bakti yang telah dicurahkan.



1.12.2022|MAJLIS TANDATANGAN SIJIL KOLABORASI (CoC)

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah bekerjasama dengan Persatuan Pemandu Pelancong Alaf Baharu (3PAB)

PHT telah diwakili oleh Hj.Azahan Hj.Daud, Pengarah PHT dan En.Che Ahmad Che Long mewakili 3PAB dalam majlis menandatangani sijil kolaborasi CoC pada 29.11.2022.

Turut hadir semua pensyarah dan pelajar dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. 'Sharing session' antara 3PAB juga turut diadakan bagi mendedahkan pelajar kepada kerjaya pemandu pelancong.



1.12.2022|MAJLIS PENUTUPAN HARI KOKURIKULUM PHT SESI 1 2022/2023

Majlis Penutupan Hari Kokurikulum PHT Sesi 1 2022/2023 telah diadakan pada 30.11.2022 di Dewan Batu Bersurat,PHT. Bersempena dengan program, majlis penyampaian sijil dan hadiah kepada para pemenang pertandingan pada tugas mini projek untuk MPU24011 Sukan dan MPU24021 Kelab turut diadakan yang mana telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PHT, Dr. Hj. Abu Bakar Zakaria.

Antara pertandingan yang telah dipertandingkan disepanjang Hari Kokurikulum PHT ialah badminton, futsal, bola jaring, ping pong, basikal, karom, dart, rekacipta bahan terbuang,rekacipta inovasi, seni landskap dan pertandingan rekacipta logo.



Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan, semester 2, Muhammad Adam Danial Bin Yusmady telah berjaya mendapat pingat gangsa dalam kejohanan taekwondo anjuran Kelab Taekwondo dan Majlis Sukan Negeri Kelantan .



Kejayaan Pelajar PHT

- Pingat gangsa dalam kejohanan taekwondo anjuran Kelab Taekwondo dan Majlis Sukan Negeri Kelantan
- Pingat Emas untuk kategori Poomsae (18 tahun dan terbuka).

Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan semester 1, Tuan Sarifah binti Tuan Padang telah mewakili Politeknik Hulu Terengganu di KEJOHANAN TAEKWONDO (WT) JEMPUTAN SEKOLAH-SEKOLAH / IPTA NEGERI KELANTAN KALI KE 19, 2022 pada 9-10 Disember 2022 anjuran Persatuan Taekwondo Negeri Kelantan (PTNK). Beliau telah memenangi pingat Emas untuk kategori Poomsae (18 tahun dan terbuka).



19.12.2022| PELAJAR PHT TERIMA BANTUAN BEKALAN MAKANAN

Seramai 239 orang pelajar yang bakal menduduki peperiksaan akhir Sesi 1 2022/2023 dan 68 orang staf PHT dan keluarga menerima bantuan bekalan makanan daripada Bilik Gerakan Banjir Hulu Terengganu berikutan terputus bekalan makanan tersebut untuk kegunaan harian akibat banjir yang melanda kawasan sekitar di Daerah Hulu Terengganu hari ini.

Bantuan dan sumbangan makanan kering iaitu beras,sardin, kari ayam, susu pekat manis, biscut, bihun, minyak masak dan air mineral telah diagihkan dengan jayanya kepada para pelajar dan staf di kampus Politeknik Hulu Terengganu.



20.12.2022| SUMBANGAN DAN BANTUAN DARI JKM KEPADA STAF DAN PELAJAR PHT

Pelajar dan staf yang berada di kampus Politeknik Hulu Terengganu(PHT) berikutan minggu peperiksaan akhir Sesi 1 2022/2023 yang mana telah terputus barang keperluan harian telah menerima sumbangan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM) hari ini.


Antara sumbangan yang diterima hari ini di Politeknik Hulu Terengganu daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM) ialah toto, tikar, tuala, kain pelikat dan kain batik.

Sumbangan barang keperluan harian ini juga telah diserahkan oleh Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Hj. Azahan Hj.Daud kepada lima orang pekerja kebersihan dan pihak RELA yang bertugas pada hari ini di PHT yang mana turut terkesan dengan banjir yang melanda Daerah Hulu Terengganu.



20.12.2022|PELAJAR PHT TERKANDAS BANJIR SELAMAT

Pelajar dari luar Terengganu yang terkandas banjir di Kuala Terengganu tidak dapat pulang ke kampus Politeknik Hulu Terengganu untuk menduduki peperiksaan akhir sesi 1 2022/2023 selamat ditempatkan di Homestay di Kuala Terengganu. Mereka tidak dapat pulang ke kampus berikutan jalan-jalan utama telah ditutup untuk kenderaan ringan.Para pelajar telah diselia oleh pihak Hal Ehwal Pelajar(HEP) PHT semasa berada di homestay ini.



21.12.2022| SUMBANGAN UNTUK STAF KEBERSIHAN YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR

Sumbangan barang keperluan harian dari pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diserahkan oleh Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Hj. Azahan Hj.Daud kepada empat lagi pekerja kebersihan PHT yang mana turut terkesan dengan banjir yang melanda Daerah Hulu Terengganu hari ini.Antara barang yang telah diserahkan ialah toto, tikar, tuala, kain pelikat dan kain batik.



22.12.2022| KUNJUNGAN PENGARAH MENYAMPAIKAN BANTUAN KEPADA STAF KEBERSIHAN PHT YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR

Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Hj. Azahan Hj. Daud menyerahkan barang keperluan harian sumbangan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu toto, tikar, tuala, kain pelikat dan kain batik kepada tiga lagi pekerja kebersihan PHT yang turut terkesan akibat banjir di Kampung Kuala Ping dan Kampung Chapu, Hulu Terengganu



23.12.2022| 19 LAGI STAF PHT DIBANTU

19 orang staf kebersihan dan kooperasi PHT yang terjejas akibat banjir telah diberi sumbangan toto, tikar, tuala, kain pelikat dan kain batik oleh Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Hj. Azahan Hj. Daud semalam. Barang-barangan ini sumbangan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.



27.12.2022|Program Pascabanjir Monsun Timur Laut 2022/2023

Warga Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

Politeknik Hulu Terengganu bersama pengurusan tertinggi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) diketuai oleh YBrs. Ts. Abdul Razak bin Sabtu, Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan JPPKK telah mengadakan program pasca banjir bagi meringankan beban yang ditanggung oleh para pelajar dan warga kerja di Politeknik Hulu Terengganu selepas berlakunya bencana banjir yang melanda sekitar Daerah Hulu Terengganu.

Program yang diberi nama Pascabanjir Monsun Timur Laut 2022/2023 warga JPPKK ini, telah menyampaikan sumbangan kepada mangsa yang mana pelajar dan warga kerja yang terjejas teruk akibat bencana banjir di Daerah Hulu Terengganu dan menyantuni pelajar Politeknik Hulu Terengganu yang masih berada di kampus Hulu Terengganu bagi menduduki peperiksaan akhir Sesi 1 2022/2023. Selain itu, lawatan ke cerun yang mendap di Kelah Education Training Resort juga diadakan bagi meninjau keadaan tempat ini.

Turut hadir, Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Hj. Azahan Hj. Daud dan Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur iaitu Terengganu dan Pahang.

Dengan adanya program sebegini juga ia dapat mengeratkan hubungan diantara pengurusan tertinggi JPPKK dan warga Politeknik Hulu Terengganu.



Kursus-Kursus di Politeknik Hulu Terengganu (PHT)

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bermaksud aktiviti pelajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hayat khususnya kepada orang dewasa.

PSH dianggap bermanfaat kepada individu kerana ia dapat membaiki kehidupan seseorang menerusi peningkatan kemahiran kerja, pembaikan sahsiah diri dan juga penambahan ilmu pengetahuan.

1 OGOS 2022 | KURSUS PENGHASILAN TALAM KELADI

Kursus ini telah berlangsung di Masjid Kg Teris dan penyertaan terdiri dari komuniti setempat. Demo penghasilan Kuih Talam Keladi telah disampaikan oleh Pn. Zaidah Binti Mamat. Kursus ini merupakan satu inisiatif untuk membantu komuniti setempat khususnya suri rumah, ibu tunggal, pelajar lepasan universiti dan penganggur untuk menjana pendapatan untuk meningkatkan ekonomi diri dan keluarga.



PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Ogos

KURSUS PENGHASILAN TALAM KELADI



Oleh: Dameliza Damain

Kursus-Kursus di Politeknik Hulu Terengganu (PHT)

23 OGOS 2022 | KURSUS ASAS KESELAMATAN DI AIR DAN ASAS RENANG SIRI 1



Aktiviti rekreasi berdasarkan air merupakan salah satu aktiviti yang digemari oleh semua lapisan umur. Walaubagaimanapun, aktiviti ini boleh mendarangkan kecederaan sekiranya kita leka dan lalai. Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta kepentingan keselamatan di air.

Kursus ini telah berlangsung selama sehari dan Seramai 25 orang peserta yang telah menyertai kursus ini. Tenaga pengajar bagi kursus ini ialah dari Recreational Tourism Academy, PHT. Kursus ini adalah anjuran Jabatan pelancongan dan Hospitaliti dengan kerjasama Unt Latihan dan Pendidikan Lanjutan.



PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Ogos

KURSUS ASAS KESELAMATAN DI AIR & ASAS RENANG SIRI 1

KURSUS ASAS KESELAMATAN DI AIR & ASAS RENANG SIRI 2

25 OGOS 2022 | KURSUS ASAS KESELAMATAN DI AIR DAN ASAS RENANG SIRI 1

Kursus siri kedua telah berlangsung selama sehari dan melibatkan penyertaan 15 orang yang terdiri dari komuniti setempat. Kursus ini membantu peserta mempraktikkan kemahiran asas renang yang betul. Selain itu juga, peserta lebih berkeyakinan untuk menyertai aktiviti rekreasi berdasarkan air.



6 SEPTEMBER 2022 | RUKHSAH SOLAT KESEMPURNAAN IBADAT

Jabatan Pengajian Am telah menganjurkan program dan berlangsung di Pusat Islam PHT. Rukhsah solat bertujuan supaya umat islam dapat menunaikan fardhu solat dalam apa juar keadaan sekalipun, dan membuktikan bahawa agama islam mengambil kira kebaikan



umat dan bukanlah agama yang menyusahkan. Allah telah mensyarikatkan Solat Qasar dan Solat Jamak sebagai rukhsah bagi meringankan ibadah yang dipertanggungjawabkan.

21 SEPTEMBER 2022 | KURSUS ASAS PERAKAUNAN BERKOMPUTER-SAGE UBS

Jabatan Perdagangan telah menganjurkan Kursus Asas Perakaunan Berkomputer Sage UBS Accounting Software yang melibatkan 88 orang peserta. Bengkel ini dikendalikan oleh Penceramah pakar iaitu En Azmi Bin Ismail yang merupakan pensyarah Jabatan Perdagangan. Objektif kursus ialah memberi pendedahan terkini kepada peserta berkenaan pengurusan kewangan yang baik.



Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

September

RUKHSAH SOLAT KESEMPURNAAN IBADAT

KURSUS ASAS PERAKAUNAN BERKOMPUTER-SAGE UBS

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

27 SEPTEMBER 2022 | ENGLISH POWER UP

PROGRAM KEMAHIRAN KEPADA PELAJAR DI INSTITUSI TAHFIZ,
SEKOLAH PONDOK DAN PELAJAR TECHNO HUFFAZ POLITEKNIK.

Program yang julung kali diadakan di Politeknik Hulu Terengganu dan melibatkan 120 orang peserta yang merupakan pelajar Madrasah Darul Ansar, Kg Basung, Hulu Terengganu. Penceramah jemputan iaitu Pn. Nurliyana Binti Baudin dan dibantu oleh Dr Ayuni Binti Abdul Rahman yang merupakan pensyarah Kursus Bahasa Inggeris di Politeknik Hulu Terengganu. Program ini mendapat sambutan kerana respon yang diterima daripada peserta adalah sangat positif dan mengharapkan program seperti ini terus dilaksanakan pada masa akan datang.



Program 'English Power Up' dianjurkan bagi meningkatkan asas kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeri khususnya kepada pelajar Maahad Darul Ansar. Program ini juga bertujuan memperkenalkan Teknik dan strategi komunikasi Bahasa Inggeris secara dua hala. Melalui program ini, diharap komuniti setempat dapat mengenali dan membawa imej baik Politeknik Hulu Terengganu yang merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi yang ada di Hulu Terengganu.



Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

September

ENGLISH POWER UP

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

5 OKTOBER 2022 | KURSUS HALALAN TAYYIBAN

PROGRAM KEMAHIRAN KEPADA PELAJAR DI INSTITUSI TAHFIZ,
SEKOLAH PONDOK DAN PELAJAR TECHNO HUFFAZ POLITEKNIK.

"Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya."

(Surah 2 - Al Baqarah : Ayat 172)

Program ini merupakan anjuran Jabatan Pengajian Am dan telah berlangsung selama sehari di Madrasah Darul Ansar, Kg Basung Hulu Terengganu. Seramai 225 orang peserta yang terdiri daripada pelajar madrasah menyertai kursus ini. Penceramah jemputan terdiri daripada pengetua Madrasah dan 5 orang tenaga pengajar dari Unit, Pejabat Agama Kuala Terengganu.

Impak program secara keseluruhan;

- Peserta dapat mengetahui kaedah penyembelihan yang betul dan tepat
- Peserta dideahkan secara teori dan praktikal tentang sembelihan mengikut sunnah,
- Peserta dapat melaksanakan aktiviti sembelihan di rumah masing-masing.
- Peserta berpeluang menyambung pengajian dalam perkhidmatan makanan amalan halal di Politeknik Malaysia,
- Peserta dapat menyumbang dalam kegiatan industri halal negara.



Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Oktobre

**KURSUS SEMBELIHAN
HALALAN TAYYIBAN**



Oleh: Dameliza Damain

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

24 NOVEMBER 2022 | KURSUS GUBAHAN BUNGA

Kursus ini merupakan inisiatif Unit Latihan dan Pendidikan Lanjut PHT untuk membantu komuniti setempat khususnya suri rumah, ibu tunggal, pelajar universiti dan penganggur untuk menjana pendapatan bagi meningkatkan ekonomi diri dan keluarga. Peserta diberi pendedahan dan kemahiran secara teori dan amali mengenai teknik mengubah bunga. Penceramah jemputan bg kursus ini ialah Pn Zaidah Binti Mamat.



Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

November

KURSUS GUBAHAN BUNGA



Oleh: Dameliza Damain

Pencapaian KPI 22 Bilangan penyertaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi tahun semasa

POLITEKNIK HULU TERENGGANU



Bil.	Status	TERAS SO	KPI	Pernyataan KPI	Wajarn	Sasaran	Pencapaian	Skor	Pelaporan
1		1	KPI 1	Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti	10	87 %	97.87 %	10.00 %	Tahunan
2		2	KPI 12	Bilangan program/aktiviti yang dikehendaki melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa	6	100	165	6.00 %	Sukuan
3		2	KPI 13	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus	8	99 %	100 %	8.00 %	Sukuan
4		2	KPI 14	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima	8	95 %	100 %	8.00 %	Sukuan
5		3	KPI 16	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa	10	35 %	62.16	10.00 %	Sukuan
6		1	KPI 2	Peratus graduan yang menceburin bidang keusahawanan atau bekerja sendiri	8	6 %	8.24 %	8.00 %	Sukuan
7		5	KPI 21	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	10	3	7	10.00 %	Sukuan
8		2	KPI 22	Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa	8	750	900	8.00 %	Sukuan
9		5	KPI 23	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni	6	4	5	6.00 %	Sukuan
10		6	KPI 24	Bilangan kerjas penyeleksian yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa	10	7	7	10.00 %	Sukuan
11		6	KPI 25	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa	8	1	1	8.00 %	Sukuan
12		1	KPI 5	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik	8	5	5	8.00 %	Sukuan
Jumlah Markah :					100 / 100				
Markah Keseluruhan (Pelarasan):							100 %		



Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

TAHNIAH!!!!!

**POLITEKNIK BERJAYA
MENCAPAI KPI YANG TELAH
DITETAPKAN.**



Oleh: Dameliza Damain

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

13-14 JULAI 2022 | BENGKEL SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR SOCIAL CHANGE

Kursus anjuran Jabatan Perdagangan ini telah berlangsung selama 2 hari yang telah diadakan di Bilik Seminar, Politeknik Hulu Terengganu. Penceramah jemputan iaitu Pn Sharmila Binti Abdul Karim yang merupakan Pensyarah Kolej Komuniti Bagan Serai. Seramai 17



orang pensyarah yang terlibat terdiri dari Jabatan Perdagangan dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Kursus ini memberi peluang kepada pensyarah untuk mendalami ilmu pengetahuan mengenai keusahawanan yang terkini.

1 OGOS 2023 | SYOKNYA STRESS

Unit Psikologi dan Kerjaya telah menganjurkan program Syoknya Stress dan penceramah jemputan ialah En Mohamad Hasbullah Bin Mustafa yang merupakan Pegawai Psikologi, Politeknik Merlimau Melaka. Stres atau tekanan ialah keadaan seseorang itu mengalami ketidakstabilan sama ada fizikal ataupun mental dan ianya berkaitan dengan cara hidup kita. Stres merupakan perkara normal yang berlaku dalam kehidupan manusia, ianya perlu diurus dengan baik.



Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)

Julai

BENGKEL SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR SOCIAL CHANGE

Ogos

SYOKNYA STRESS

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

7 OGOS 2022 | BENGKEL PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN

Bengkel ini telah berlangsung selama sehari dan melibatkan 82 orang peserta yang merupakan kakitangan Politeknik Hulu Terengganu. Bengkel ini bertujuan untuk memantapkan pemahaman mengenai pengurusan perolehan dan kewangan. Ini kerana segala sumber dan perbelanjaan perlu diurus dengan cekap dan mematuhi peraturan kewangan supaya segala peruntukan kewangan dapat digunakan dengan cekap dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

8&9 OGOS 2022 | KURSUS KOMPETENSI PEMBINAAN BAHAN PROMOSI PELANCONGAN MENGGUNAKAN ADOBE PHOTOSHOP (BASIC - ADVANCE)



Pelancongan dan Hospitaliti telah menganjurkan kursus ini dan melibatkan 30 orang peserta. Bengkel ini bertujuan memberi latihan kepada peserta berkaitan aplikasi Adobe Photoshop yang digunakan dalam menghasilkan medium promosi seperti bunting, banner, risalah yang boleh diiklankan dalam media masa seperti Facebook, Instagram dan Whatsapp.



Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)

Ogos

BENGKEL PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN

KURSUS KOMPETENSI PEMBINAAN BAHAN PROMOSI PELANCONGAN MENGGUNAKAN ADOBE (BASIC TO ADVANCE)

Pelaksanaan kursus adalah medium untuk meningkatkan kompetensi khususnya kepada warga kerja Politeknik Hulu Terengganu. Penceramah jemputan ialah Ts. Izzuddin Bin Ismail dari Tarbiyyah Kreatif Consultancy. Jabatan menganjurkan kursus tersebut



Oleh: Dameliza Damain

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

16 & 17 SEPTEMBER 2022 | SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR SOCIAL CHANGE (DIGITAL ENTREPRENEURSHIP)

Kursus ini telah berlangsung selama dua hari secara atas talian. Program ini disampaikan oleh seorang penceramah yang pakar dalam bidang keusahawanan iaitu Pn Mastura Binti Mustaffa. Tujuan program ini diadakan untuk mengukuhkan kefahaman tentang



perniagaan secara atas talian menggunakan aplikasi facebook, Instagram, WHATSAPP dan Tiktok dengan pengalaman perniagaan yang berjaya dibuat oleh pelajar dan pensyarah di Politeknik dan Kolej Komuniti.

25 SEPTEMBER 2022 | KURSUS BASIC LIFE SAVER – CPR & AED



Kursus Basic Life Saver – CPR & AED memberi pendedahan kepada peserta berkendalian asas menyelamat lemas yang terdiri dari beberapa aspek iaitu CPR, AED dan Chocking. Kursus ini telah disampaikan oleh Jurulatih pakar dari MK Discover Venture. Kursus

telag berlangsung di Tourism & Recreation Resource Centre dan melibatkan 10 orang Pensyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.



Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)

September

SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR SOCIAL CHANGE (DIGITAL ENTREPRENEURSHIP)

KURSUS BASIC LIFE SAVER – CPR & AED

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

28&29 SEPTEMBER 2022 | BENGKEL SEMAKAN, PENGESAHAN DAN PENYERAHAN ITEM DAN PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN POLITEKNIK SESI 1 2022/2023

Bengkel anjuran Unit Peperiksaan, Politeknik Hulu Terengganu telah berlangsung selama 2 hari. Pn Suriami Binti Sulaiman yang merupakan Pegawai Peperiksaan telah menyampaikan beberapa perkara mengenai tindakan yang perlu dilaksanakan semasa bengkel berlangsung. Peserta diberi pendedahan dan panduan bagaimana untuk menghasilkan set item yang berkualiti dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Bengkel ini dilaksanakan untuk memastikan item yang digubal berkualiti dan mematuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian Politeknik Malaysia.



Kursus Dalam Perkhidmatan(KUDAP)

September

**BENGKEL SEMAKAN,
PENGESAHAN DAN
PENYERAHAN ITEM DAN
PERATURAN
PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN
POLITEKNIK SESI 1
2022/2023**

Oktobre

**KURSUS PENSIJILAN
KEJURULATIHAN
REKREASI (ADVEBTURE
PARK INSTRUCTOR
CERTIFICATION (APIC))**

27-30 OKTOBER 2022 | KURSUS PENSIJILAN KEJURULATIHAN REKREASI (ADVEBTURE PARK INSTRUCTOR CERTIFICATION (APIC))

Kursus “Adventure Park Instructor Certification” merupakan kursus yang dinauliahkan oleh Malaysia Challenge Course Association. Pensijilan ini adalah untuk mengiktiraf jurulatih bagi aktiviti tali tinggi seperti abseiling, wall climbing dan lain-lain. Kursus ini telah berlangsung selama 4 hari di Tourism Recreation Resource Center (TRRC) yang melibatkan 10 orang Pensyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Kursus kompetensi seperti ini merupakan keperluan kepada pensyarah untuk mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Hulu Terengganu.



Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu



Aktiviti yang dilakukan sepanjang kursus berlangsung.

1 NOVEMBER 2022 | TAKLIMAT INTERGRITI DAN RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM DAN MENANDATANGANI SIJIL IKRAR BEBAS RASUAH

Pelaksanaan program intergriti dan antirasuah dalam perkhidmatan awam ini merupakan asas dalam proses melatih warga kerja Politeknik Hulu Terengganu mempunyai sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegasng pada prinsip dan tidak mudah terpengaruh. Program kerjasama Unit Psikologi Kerjaya dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan ini dengan tujuan untuk menyampaikan kepada warga kerja PHT akan kepentingan integriti dan pencegahan amalan rasuah dalam kalangan penjawat Awam.

Penceramah bagi program ini ialah Haji Mohamed Rizal Bin Muhd Tayab yang merupakan Pegawai Penerangan dari CKA PenMas SPRM, Purajaya. Lafas ikrar Bebas Rasuah (IBR) diketuai oleh Tn. Hj Azahan Bin Hj Daud dan disaksikan oleh Tn. Renifezri Bin Mohamad Penolong Pengarah SPRM Negeri Terengganu.



Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)

Oktober

TAKLIMAT INTERGRITI DAN RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM DAN MENANDATANGANI SIJIL IKRAR BEBAS RASUAH



Oleh: Dameliza Damain

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

8 NOVEMBER 2022 | TAKLIMAT PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PENGAJAR TVET INSTRUCTOR E-PROFILING SYSTEM (TIPS) BAGI PERSEDIAAN PENILAIAN TIPS TAHUN 2023

Taklimat ini dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan bagi memastikan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) mengemaskini maklumat pengajar dan memastikan membuat penilaian untuk tahun 2023.



MUSIM PENGEMASKINAN MAKLUMAT PENGAJAR			
Aspek	Arahan	Maklumat Penilaian Kelas dan Persekolahan	Cadangan Jawapan
Tarikh	PPT yang signifikan berada dalam kelas	Negara: Negara Negeri: Negeri Kod: KOD Kod Sekolah: KOD Sekolah Kod Kelas: KOD Kelas	Reka bentuk
Pelajaran	PPT yang signifikan berada dalam kelas	Negara: Negara Negeri: Negeri Kod: KOD Kod Sekolah: KOD Sekolah Kod Kelas: KOD Kelas	Reka bentuk Maklumat Penilaian Kelas dan Persekolahan Penilaian Kelas dan Persekolahan Penilaian Kelas dan Persekolahan
Latar	PPT yang signifikan berada dalam kelas	Negara: Negara Negeri: Negeri Kod: KOD Kod Sekolah: KOD Sekolah Kod Kelas: KOD Kelas	Reka bentuk Maklumat Penilaian Kelas dan Persekolahan Penilaian Kelas dan Persekolahan Penilaian Kelas dan Persekolahan
Kategori	PPT yang signifikan berada dalam kelas	Negara: Negara Negeri: Negeri Kod: KOD Kod Sekolah: KOD Sekolah Kod Kelas: KOD Kelas	Reka bentuk Maklumat Penilaian Kelas dan Persekolahan Penilaian Kelas dan Persekolahan



22 NOVEMBER 2022 | BENGKEL PELAN STRATEGIK PHT 2022

Bengkel ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Harmoni dan peserta adalah Ahli Mesyuarat Pengurusan dan beberapa orang staf yang terlibat dalam pengurusan strategik PHT seperti Ketua Program, Pegawai Takwim, Pengerusi KBK dan Pengerusi Pemantauan Perkhidmatan Kantin dan Kafetaria. Kaedah pelaksanaan bengkel di mana setiap jabatan dan unit dikehendaki membentangkan semua aktiviti yang dirancang pada tahun 2023.



Oleh: Dameliza Damain

Kursus-kursus di Politeknik Hulu Terengganu

10 NOVEMBER 2022 | MESYUARAT ULPL BILANGAN 2/2022

Mesyuarat telah berlangsung di Unit CISEC dan membincangkan isu yang berkaitan dengan aktiviti yang akan dilaksanakan selaras dengan KPI unit. Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan mengucapkan Tahniah kepada Penyelaras Latihan Jabatan kerana telah membantu unit mencapai KPI 2022.



62.16%

KPI 16-PERATUS PENSYARAH BAGI KURSUS TERAS BIDANG DI INSTITUSI MEMILIKI KEMAHIRAN PADA TAHUN SEMASA

900 PENYERTAAN

KPI 22-BILANGAN PENYERTAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT PADA TAHUN SEMASA

29 NOVEMBER 2022 | KURSUS ASAS PENGENDALIAN DRON

Kursus ini telah disampaikan oleh Mohd Zulkefli Bin Mohamed yang mempunyai kepakaran dalam menerbangkan Dron. Seramai 10 orang peserta yang terlibat. Dron yang diterbangkan ke udara memperlihatkan kecantikan dan keunikan PHT.



Rasional pelaksanaan kursus ini adalah untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan digital dan asas teknikal penggunaan dron. Peserta didedahkan dengan pelbagai aspek latihan merangkumi kuliah, persembahan video dan latihan praktikal lapangan. Secara tidak langsung, dapat meningkatkan kemahiran (skillset) teknologi dron kepada peserta dalam mempersiapkan mereka supaya relevan dengan kehendak

Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)


November

MESYUARAT ULPL BILANGAN 2/2022

KURSUS ASAS PENGENDALIAN DRON

revolusi industri 4.0. Kursus dapat melahirkan warga kerja yang kompeten dan cemerlang dalam pelbagai bidang.


Pelaksanaan kursus secara hands-on ini memberi impak besar khususnya dari pelbagai aspek terutama sekali memperkaya bakat dan kemahiran. Dalam dunia serba moden kini, penggunaan dron bukan sekadar mengambil gambar, ia juga digunakan secara meluas seperti memantau tatacara kerja, kemajuan pembinaan bangunan dan memantau keselamatan semasa bencana serta bantuan kecemasan.



Lensa PHT terbit Fajar

30 NOVEMBER 2022 | LECTURER INDUSTRIAL SHARING SESSION

Lecturer Industrial Sharing Session (LISS) merupakan platform bagi perkongsian pengetahuan dan pengalaman pensyarah yang telah melengkapkan Sangkutan di Industri.



Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP)

November

LECTURER INDUSTRIAL SHARING SESSION

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH)

3.7.2022|SESI LAWATAN & PEMANTAUAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PHT

Satu sesi lawatan dan pemantauan pelajar Latihan Industri Politeknik Hulu Terengganu telah dijalankan pada hari ini 3.7.2022 di Serai Cottage, Kuala Berang yang mana telah diselia oleh dua orang pensyarah dari JPH PHT, iaitu Pn.Nornajmi Idayu Mazlan dan Pn.Nur Adlina Mohd.



Menarik di JPH

Julai

- SESI LAWATAN & PEMANTAUAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PHT

Ogos

- KURSUS KOMPETENSI STAF JPH,PHT
- PERPISAHAN STAF JPH
- LAWATAN TAPAK KE KAMPUNG BASUNG

9.8.2022|KURSUS KOMPETENSI STAF PHT

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dengan kerjasama ULPL telah menganjurkan Kursus Kompetensi Pembinaan Bahan Promosi Pelancongan Menggunakan Adobe Photoshop di Makmal Komputer 1, PHT selama dua hari 8 dan 9 Ogos 2022. Kursus ini telah disampaikan oleh pihak Tarbiah Kreatif.



Oleh: Nurul Ilyani Abdullah

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH)

11.8.2022|PERPISAHAN STAF JPH

Pn.Nazli Hulwany Abdullah telah berpindah ke Politeknik Kota Bharu.



28.8.2022|LAWATAN TAPAK KE KAMPUNG BASUNG

Lawatan tapak ke Kampung Basung oleh pelajar yang mengambil kursus DTM50174:Tourism Project telah diadakan pada 28.8.2022. Lawatan ini telah diraikan oleh Pengurus MPKK Kampung Basung yang dikenali dengan gelaran Pak Wei. Pertemuan ini adalah usaha JPH, PHT untuk memajukan produk pelancongan yang ada di Kampung Basung.



10.9.2022| FLAG-OGF PELAJAR PHT

Flag-off Pelajar PHT ke Pertandingan Polyskill di Johor di PIS dan PMJB bagi kategori Restaurant Service, Housekeeping, Tourist Guiding Technique dan Accountancy



Menarik di JPH

September

- FLAG-OGF PELAJAR PHT
- BIDANG TOURIST GUIDING DI POLYSKILLS 2022
- BIDANG RESTAURANT SERVICE DI POLYSKILLS 2022
- BIDANG RESTAURANT SERVICE DI POLYSKILLS 2022
- BIDANG HOUSEKEEPING DI POLYSKILLS 2022
- DISCOVERING ISLAND RESORT RECREATION @REDANG
- MAJLIS DIALOG PHT BERSAMA INDUSTRI
- PHT MENYERTAI PERTANDINGAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA PERINGKAT HULU TERENGGANU
- PHT MENYERTAI PERTANDINGAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA PERINGKAT HULU TERENGGANU
- KURSUS POOL LIFESAVER - 1ST AIDER, CPR & CHOCKING
- KURSUS UNTUK PELAJAR JPH
- LATIHAN AMALI SNORKELING

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH)

15.9.2022| BIDANG TOURIST GUIDING DI POLYSKILLS 2022

Politeknik Hulu Terengganu(PHT) telah menghantar tiga pelajar ke Pertandingan Kemahiran Politeknik Malaysia yang bertempat di Politeknik Ibrahim Sultan. Pelajar dari Program Diploma Pengurusan Pelancongan ini, Muhammad Izrie Roslan, Nurul Hidayah Mohd Yunus dan Nur Amirah Hafizah telah mengikuti pertandingan untuk bidang Tourist Guiding yang mana bersama dengan 14 peserta lain dari tujuh politeknik.



Menarik di JPH

Oktobre

- KLINIK ASAS WALL CLIMBING
- DEMONSTRASI OLEH PARA PELAJAR SEMPENA SAMBUTAN HARI AKADEMI PERINGKAT ZON TERENGGANU DAN KELANTAN
- SIMULASI TEKNIK PEMANDU PELANCONG DI MELAKA
- DUP 3A TERLIBAT DENGAN SIMULASI TEKNIK PEMANDU PELANCONG DI MELAKA
- BENGKEL NATURE INTERPRETATION
- PROGRAM OUTDOOR LEADS FUTURE COURSE
- NATURE EXPLORATION INTERPRETIVE WALK
- PROGRAM EKSPEDISI TAMAN NEGARA PAHANG DAN CSR DI KAMPUNG TERISEK
- SESI PEMBENTANGAN PROPOSAL
- KURSUS KAYAK ANUGERAH BINTANG 1 - Siri 1
- KURSUS KAYAK ANUGERAH BINTANG 1 - Siri 2
- ADVENTURE PARK INSTRUCTOR CERTIFICATION (APIC)

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPJH)

15.9.2022|BIDANG RESTAURANT SERVICE DI POLYSKILLS 2022

Peserta PHT,Aiman Mifdzhal bin Husni,pelajar program Diploma Pengurusan Resort semester 3 telah menyertai Pertandingan Kemahiran Politeknik Malaysia (Polyskills) dalam bidang Restaurant Service di Politeknik Ibrahim Sultan pada 11-15 September 2022.



Menarik di JPJH

November

- KURSUS PEMANTAPAN KEMAHIRAN (TRAIN THE TRAINERS) BASIC SPA OPERATION BAGI PENSYARAH PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN RESORT POLITEKNIK MALAYSIA.
- PPI: DTA 30103 HOUSEKEEPING OPERATION AND MANAGEMENT
- KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN PELAJAR DI IKBN KEMASIK
- KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN PELAJAR DI IKBN KEMASIK
- EXPLORE AND LEARN THE BEAUTIFUL OF TERENGGANU @MUZIUM
- EXPLORE AND LEARN THE BEAUTY OF TERENGGANU @KAMPUNG BUDAYA.
- AMALI LAPANGAN LUAR
- FORUM GREEN TECHNOLOGY COMPLIANCE
- PERSEDIAAN SIMULASI PEMANDUAN PELANCONG ALAM SEMULAJADI
- KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN DAN SUNITIKAN THYPHOID
- PROGRAM KEUSAHAWANAN

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH)

15.9.2022|BIDANG HOUSEKEEPING DI POLYSKILLS 2022

Peserta PHT, Souffiya Waheedah Hibatur Rahman dan Najati Huda Rosli pelajar program Diploma Pengurusan Resort semester 3 telah menyertai Pertandingan Kemahiran Politeknik Malaysia (Polyskills) dalam bidang Housekeeping di Politeknik Ibrahim Sultan pada 11-15 September 2022.



20.9.2022| DISCOVERING ISLAND RESORT RECREATION @REDANG

Discovering Island Resort Recreation @Redang telah diadakan pada 19.09.2022 (Isnin) melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Resort Semester 3 (DHR3A). Program ini berlangsung selama sehari di Pulau Redang, Terengganu. Program ini juga diadakan bagi memenuhi keperluan silibus untuk kursus DTR30094 Resort Recreational Operation, untuk sesi amali Snorkelling. Pelajar diberi pendedahan untuk menjalankan praktikal aktiviti snorkelling pada kawasan dan ekosistem marin yang berbeza. Program ini diiringi pensyarah kursus oleh Encik Firdaus, Puan Rosmera dan Cik Nur Alia.

- ### November
- COMMUNITY BASED TOURISM PROJECT
 - SIMULASI PEMANDU PELANCONG ALAM SEMULAJADI
 - PHT NATURE & OUTDOOR RECREATIONAL TRAIL EXHIBITION



21.9.2022| MAJLIS DIALOG PHT BERSAMA INDUSTRI

Majlis Dialog PHT Bersama Industri anjuran UPLI dan JPH telah dilaksanakan pada 21 September 2022 secara dalam talian. Antara objektif majlis dialog ini adalah untuk memperkuatkan kerjasama dan hubungan baik dengan industri, mendapat maklumbalas industri tentang prestasi pelajar-pelajar latihan industri serta menyelesaikan secara bersama permasalahan pelajar latihan industri.



24.9.2022|PHT MENYERTAI PERTANDINGAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA PERINGKAT HULU TERENGGANU

Politeknik Hulu Terengganu (PHT) telah menghantar lima (5) pasukan terdiri daripada pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi untuk menyertai Pertandingan Orienteering sempena sambutan Hari Belia Peringkat Hulu Terengganu.

Dua (2) kumpulan telah berjaya memenangi tempat pertama dan keempat. Tempat pertama dimenangi oleh kumpulan Mugiwara PHT dan tempat keempat kumpulan Kealpaan PHT.

PHT turut menghantar 65 orang pelajar untuk menyertai fun run dan dua daripada pelajar telah mendapat tempat pertama dan kelapan.

Pegawai yang mengiringi para pelajar untuk program ini ialah Pn. Balqis, Pn Herdayanty dan En Fuadi.



25.9.2022|KURSUS POOL LIFESAVER - 1ST AIDER, CPR & CHOCKING

10 Orang pensyarah JPH telah mengikuti kursus Pool Lifesaver: 1st Aider, CPR & Chocking yang berlangsung di Tourism & Recreation Center, PHT. Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk memberi kemahiran kepada tenaga pengajar JPH.



26.9.2022| KURSUS UNTUK PELAJAR DHR

Kursus Swim and Safe for Resort Recreation melibatkan para pelajar Diploma Pengurusan Resort (DHR3A) telah diadakan pada 26.9.2022 di Tourism Recreation Center (TRRC). Kursus ini telah diberikan oleh pihak yang ditauliahkan oleh MAQRA.



26.9.2022| KURSUS UNTUK PELAJAR JPH

Program How to Start Survival Camping & Navigation Compass melibatkan para pelajar DRT2A, DUP2A & DUP2B yang mengambil kursus Terrestrial Recreational Tourism telah diadakan pada hari ini foyer Koop PHT. Talk Session dan practical ini telah dikendalikan oleh pihak PERHILITAN TAMAN NEGARA TERENGGANU & NATURE BASED SOLUTION (NBS).



29.9.2022|LATIHAN AMALI SNORKELING

Latihan amali snorkeling bagi kursus DTO30064-Marine Recreational Tourism telah dilaksanakan pada 28 & 29 September 2022, bertempat di sekitar Pulau Redang, Terengganu.

Program pada 28 September 2022 telah disertai oleh 62 orang pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan bersama 3 orang pensyarah pengiring manakala untuk program pada 29 September 2022 disertai oleh 41 orang pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi bersama 3 orang pensyarah pengiring.

Program ini memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan aktiviti pelancongan yang dijalankan di pulau-pulau sekaligus memberi gambaran sebenar berkaitan pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan kepada pelancong di Terengganu khususnya dan amnya di Malaysia.



01.10.2022|KLINIK ASAS WALL CLIMBING

Klinik Asas 'Wall Climbing' telah dianjurkan pada 1.10.2022 melibatkan 26 orang pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi dan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan.

Klinik ini memberi pendedahan kepada peserta berkaitan teknik ikatan, peralatan, prosedur keselamatan dan juga penganjuran pertandingan 'Wall Climbing'.



2.10.2022|DEMONSTRASI OLEH PARA PELAJAR SEMPENA SAMBUTAN HARI AKADEMIA PERINGKAT ZON TERENGGANU DAN KELANTAN

Sempena Sambutan Hari Akademia Peringkat Zon Terengganu dan Kelantan, pelbagai demonstrasi telah diadakan oleh pelajar dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti diselia oleh oleh para pensyarah yang terlibat. Antara demonstrasi yang telah diadakan ialah demonstrasi 'wall climbing', demonstrasi kayak, demonstrasi skuba, demonstrasi 'housekeeping' dan juga demonstrasi etika di meja makan.



9.10.2022|SIMULASI TEKNIK PEMANDU PELANCONG DI MELAKA

Pelajar semester 3 Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP3B) telah mengikuti Program Simulasi Teknik Pemandu Pelancong bagi kursus DTM30114 Tourist Guiding Techniques.

Simulasi ini telah diadakan pada 6 hingga 8 Oktober 2022 di sekitar Bandar Hilir, Melaka. Tujuan utamanya adalah bagi memenuhi tuntutan silibus kursus berkaitan simulasi teknik pemandu pelancong.

Program ini telah dapat membina keyakinan diri pelajar untuk berhadapan dengan pelbagai ragam pelancong. Para pelajar juga dapat mengaplikasikan ilmu teori yang telah dipelajari dan dapat berlatih memahirkan diri berkomunikasi serta berinteraksi dengan para pelancong.

Antara tempat-tempat yang sempat dijalankan aktiviti serta dilawati ialah Porta De Santiago (Kota A Famosa), Muzium Etnografi dan Sejarah, Bangunan Merah (Stadthuys), Muzium Kapal Samudera, Menara Taming Sari, Dataran Pahlawan, Medan Samudera, Melaka River Cruise, Medan Samudera, Muzium TLDM san Dataran Pahlawan. Simulasi teknik pemandu pelancong ini telah berjalan dengan jayanya dan banyak ilmu serta pengalaman baru dapat diperolehi oleh para pelajar DUP3B.



9.10.2022|DUP 3A TERLIBAT DENGAN SIMULASI TEKNIK PEMANDU PELANCONG DI MELAKA

Pada 6 hingga 8 Oktober, Program Simulasi Teknik Pemandu Pelancong Di Melaka melibatkan 33 orang pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan semester 3 (DUP3A) dengan 2 orang pensyarah telah berjaya dilaksanakan.

Pelaksanaan program ini telah memberi peluang untuk pelajar merasai pengalaman mengendalikan pelancong sepertimana tugas pemandu pelancong yang sebenar. Melalui program ini, pelajar dapat mempelajari dan menambah baik kemahiran untuk berkomunikasi dengan lebih berhemah. Pelajar juga dapat meningkatkan keberanian dan keyakinan diri untuk berhujah dikhayal ramai serta dapat meluaskan pemandangan dan pemikiran dengan memerhati adat dan budaya baharu yang berbeza dari tempat asal. Dengan program begini, ianya juga dapat membantu pelajar meningkatkan ilmu pengetahuan seperti sejarah penempatan di Melaka, asal usul adat tradisional melayu, sejarah kemerdekaan dan sebagainya.

Antara tarikan yang menjadi pilihan simulasi di Melaka kali ini ialah Dataran Pahlawan, Dataran Pahlawan Megamall, Menara Taming Sari, Melaka River Cruise, A Famosa, Memorial Kemerdekaan, Muzium sejarah dan Etnografi, Bukit St. Paul, The Stadthuys, Christ Church Melaka, Muzium Samudera (Kapal Flor De La Mar), Muzium TLDM (Tentera Laut Diraja Malaysia), Medan Samudera, dan Jonker Walk. Program Simulasi Teknik Pemandu Pelancong ini telah berlangsung dengan jayanya atas pemantauan pensyarah serta kerjasama yang baik daripada pelajar DUP3A.



09.10.22 | BENGKEL NATURE INTERPRETATION

Pada 9 Oktober 2022 (Ahad), Bengkel Nature Interpretation bagi Kursus DTO30053 Nature Interpretation Services telah diadakan bagi memenuhi keperluan kursus.

Program yang dianjurkan melibatkan pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 3 (DRT3A). Bengkel telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mahonar Mariappan, seorang Pensyarah dari Jabatan Rekreasi dan Eko-Pelancongan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Melalui bengkel ini, para pelajar telah didedahkan dengan asas, konsep dan tujuan interpretasi alam semulajadi, di samping itu, mereka turut didedahkan dengan media untuk dijadikan sebagai produk interpretasi melalui asas fotografi ketika sesi praktikal. Program ini telah diselia oleh Pensyarah Kursus, Encik Ahmad Fuadi dan Encik Muhammad Fahmie.

12.10.2022 | PROGRAM OUTDOOR LEADS FUTURE COURSE

Program Outdoor Leads Future Course telah diadakan pada 12.10.22 yang mana melibatkan semua pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi (DRT) dan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Semester 3 (DUP3A dan DUP3B). Program ini telah diadakan di Dewan Batu Bersurat.

Umumnya, program ini adalah wacana pemanduan pelancong alam semulajadi (nature guiding) yang mana telah disampaikan oleh Encik Mohd Khairul bin Abu Bakar, salah seorang Pemandu Pelancong Alam Semulajadi yang berpengalaman dalam industri serta telah mendapat pelbagai pengiktirafan. Perkongsian merangkumi tentang kerjaya, cabaran, halangan dan kejayaan seorang pemandu pelancong alam semulajadi.

Selain itu, perkongsian turut menjurus kepada peranan penggiat rekreasi luar terhadap kelestarian alam yang memfokuskan tentang prinsip "Leave No Trace (LNT)" di kawasan alam semulajadi dan perlu dipatuhi oleh penggiat-penggiat dan pengunjung rekreasi luar terutamanya. Program ini telah diselia oleh Pensyarah Kursus, Encik Muhammad Fahmie.



14 & 15 OKTOBER 2022 | NATURE EXPLORATION INTERPRETIVE WALK

Program Nature Exploration Interpretive Walk bagi Kursus DTO30053 Nature Interpretation Services telah diadakan bertujuan memberikan pendedahan awal dalam posidur perlaksanaan aktiviti 'trekking' dan kefahaman berkenaan interpretasi alam semula jadi.

Para peserta program ini terdiri daripada para pelajar yang DUP2A , DUP2B, DRT2A & DHR3A dan program ini dianjurkan oleh pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 3 (DRT3A)

Melalui program ini, para pelajar DRT3A telah didedahkan dengan asas, konsep dan tujuan interpretasi alam semulajadi, di samping itu, mereka turut mengaplikasikan teknik-teknik seorang pentafsir alam semula jadi yang berkesan. Program ini telah diselia oleh En Fuadi & En Fahmie dan turut dibantu oleh En Afi, En Firdaus, Pn Izyan, Cik Alia, Cik Adibah dan Cik Masliza.



15-17.10.2022|PROGRAM EKSPEDISI TAMAN NEGARA PAHANG DAN CSR DI KAMPUNG TERISEK

Program ekspedisi di Taman Negara Pahang dan CSR di Kampung Terisik ini telah dianjurkan oleh pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan semester 4 yang mengambil kursus DTM40144(Tourism Expedition).

Para pelajar telah merancang dan melaksanakan program ini selari dengan kandungan kursus meliputi proses mendapatkan maklumat, merangka itenerari program, menyediakan kertas kerja, dan melaksanakan program seperti yang telah dirancang bersama pensyarah penyelaras iaitu En.Azamrul Harul dan En.Hasrol Hasnan.



18.10.2022|SESI PEMBENTANGAN PROPOSAL

Sesi Pembentangan Proposal telah diadakan hari ini di Restoran PHT. Pembentangan proposal ini adalah untuk pelajar semester 5 yang mengambil kursus Tourism Project, Diploma Pengurusan Pelancongan.



17-18 Oktober 2022 | KURSUS KAYAK ANUGERAH BINTANG 1 - Siri 1

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dengan kerjasama Persatuan Kenu Negeri Terengganu telah menganjurkan Kursus Kayak Anugerah Bintang 1 kepada Pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi yang mengambil kursus DTO30064 - Marine Recreational Tourism.

Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran rekreasi air yang mana sijil kemahiran ini diiktiraf diperingkat kebangsaan.

Kursus ini telah disertai oleh 41 orang pelajar. Pensyarah kursus yang terlibat adalah Puan Balqis, Encik Firdaus dan Encik Fuadi.



19-20 Oktober 2022|KURSUS KAYAK ANUGERAH BINTANG 1 - Siri 2

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dengan kerjasama Persatuan Kenu Negeri Terengganu telah menganjurkan Kursus Kayak Anugerah Bintang 1 kepada Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil kursus DTO30064 - Marine Recreational Tourism.

Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran rekreasi air yang mana sijil kemahiran ini diiktiraf diperingkat kebangsaan.

Kursus ini telah disertai oleh 62 orang pelajar. Pensyarah kursus yang terlibat adalah Encik Hasrol, Encik Fahmie, Encik Azamrul, Puan Izyan dan Cik Alia.



31.10.2022 |ADVENTURE PARK INSTRUCTOR CERTIFICATION (APIC)

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Hulu Terengganu (PHT) dengan kerjasama Malaysia Challenge Course Association (MCCA) telah menganjurkan Kursus Adventure Park Instructor Certification (APIC) selama 4 hari (27-30 Oktober 2022) bertempat di Tourism Recreation Resource Centre (TRRC), Politeknik Hulu Terengganu.

Kursus yang telah disertai oleh 10 orang pensyarah dari Program Diploma Pelancongan Rekreasi (DRT) ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan mengiktiraf jurulatih dalam kalangan pensyarah program DRT. Para pensyarah telah mempelajari kemahiran yang meliputi aktiviti tali tinggi seperti 'wall climbing', 'abseiling' dan 'flying fox'. Kemahiran-kemahiran ini diperlukan bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta mengukuhkan keterlibatan PHT sebagai 'industry on campus'.



3.11.2022| KURSUS PEMANTAPAN KEMAHIRAN (TRAIN THE TRAINERS) BASIC SPA OPERATION BAGI PENSYARAH PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN RESORT POLITEKNIK MALAYSIA.

Kursus ini telah berlangsung selama 11 Hari bermula 23 Oktober hingga 2 November 2022. Kursus ini dianjurkan oleh Politeknik Hulu Terengganu selaku urusetia yang menguruskan pelaksanaan kursus.

Pensyarah yang terlibat terdiri daripada wakil pensyarah Program Diploma Pengurusan Resort (DHR) di tiga politeknik yang menawarkan bidang DHR iaitu Politeknik Hulu Terengganu, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan Politeknik Kota Kinabalu.

Kursus ini berlangsung dengan jayanya di De Qaseh Beauty and Spa dan DQaseh Skills Academy, Sungai Petani Kedah. Objektif utama kursus ini adalah untuk memantapkan kemahiran pensyarah di dalam bidang spa bagi kecemerlangan kurikulum DHR.



3.11.2022| PPI: DTA 30103 HOUSEKEEPING OPERATION AND MANAGEMENT

Seramai 29 pelajar semester 2 kursus DTA 30103 Housekeeping Operation and Management telah melaksanakan program PPI di Primula Beach Hotel Kuala Terengganu. Pelajar telah berpeluang merasai sendiri pengalaman sebenar bekerja di industri. Sesi perkongsian ilmu oleh pihak pengurusan yang turut dihadiri oleh Head of Department iaitu Mr. Jaghjit Singh gill AL Makhan Singh, Human Resource Manager(En Zarinul Hisham bin Kassim), F&B manager (En Zamri bin Mohd), Executive chef (Azizo bin Ali),Guest Service Manager (En Hasmadi Nasiruddin bin Othman), Executive housekeeper (Pn Sufina bt Yuki) dan Outlet Manager (Pn Rahimah bt Manaf). Pihak PHT mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian menerima kunjungan ini.



7.11.2022|KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN PELAJAR DI IKBN KEMASIK

Seramai 29 orang pelajar semester 2 kursus DTA 30113 (Front Office Operation and Management) telah melaksanakan program peningkatan kemahiran dalam bidang 'front office' khususnya melibatkan 'reservation system', proses 'check in dan check out guest' serta night audit.

Para pelajar telah melaksanakan amali dengan jayanya dengan bantuan tenaga pengajar serta pelajar dari IKBN. Semoga jalinan kerjasama erat ini dapat diteruskan lagi bagi kemajuan pelajar pada masa akan datang. Terima kasih IKBN Kemasik.



7.11.2022| EXPLORE AND LEARN THE BEAUTIFUL OF TERENGGANU @MUZIUM

Explore and Learn the beautiful of Terengganu merupakan program lawatan industri(industrial visit) untuk kursus DTM10093(Tourism in Malaysia). Muzium Negeri Terengganu merupakan tempat lawatan yang telah dipilih bagi memenuhi keperluan silibus. Pelajar yang terlibat adalah pelajar semester 1, Diploma Pengurusan Pelancongan seramai 32 orang beserta 2 orang pensyarah pengiring. Kali ini para pelajar telah didedahkan dengan industri pelancongan sejarah serta kerjaya di Terengganu oleh En.Ahmad Khairul Herman Rozali, Ketua Sektor Pendidikan Muzium Negeri Terengganu.



7.11.2022|EXPLORE AND LEARN THE BEAUTY OF TERENGGANU @KAMPUNG BUDAYA.

Seramai 32 orang pelajar diiringi oleh 2 orang pensyarah telah mengadakan Industrial Visit bagi memenuhi keperluan kursus DTM10093(Tourism in Malaysia) ke Kampung Budaya Terengganu. Para pelajar telah dibantu oleh para 'interpreter' di setiap lokasi yang ada di Kampung Budaya Terengganu ini. Lawatan industri ini juga turut diakhiri dengan persembahan muzik gamelan di Istana Tengku Long.Turut hadir di majlis penutup program, Pengurus Besar Kampung Budaya Terengganu, En.Ahmad Fathil Abd.Ghani.



03-05.11.2022 | AMALI LAPANGAN LUAR

Amali Lapangan Luar bagi Kursus DTO 20033 (Recreational Facility, Design and Maintenance) dan DTO 20044 (Terrestrial Recreational Tourism) telah diadakan selama 3 hari 2 malam bertempat di Janda Baik. Amali lapangan luar ini bertujuan memberikan pendedahan kepada para pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 2 dalam 'setting' dan rekabentuk kemudahan bagi sebuah tempat rekreasi. Dalam masa yang sama para pelajar mengaplikasikan prosedur semasa perkhemahan dan mengenali flora dan fauna secara amnya.

Selain amali lapangan luar ini, para pelajar berpeluang mengikuti 'Sharing Session - Peluang Kerjaya Rekreasi' dari wakil Radiant Retreats yang disampaikan oleh En Rakib Rasid (Pengurus Fasilitator).



9.11.2022| FORUM GREEN TECHNOLOGY COMPLIANCE

Telah berlangsung program Forum bagi kursus DUG 30023(Green Technology Compliance) pada 7 November 2022 lalu, bertempat di Mini auditorium bagi membincangkan topik berkaitan isu-isu semasa berkaitan kelestarian hijau. Pelajar yang terlibat ialah daripada kelas DUP4 dan DRT3.



9.11.2022 | PERSEDIAAN SIMULASI PEMANDUAN PELANCONG ALAM SEMULAJADI

Pada 9 November 2022 (Rabu), satu lawatan sebagai persediaan simulasi pemandu pelancong alam semulajadi ke Taman Negeri Tanah Bengah Setiu (Setiu Wetland) telah diadakan melibatkan para pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 4 (DRT4A) melalui Kursus DTM30114 Tourist Guiding Techniques.

Melalui lawatan ini, para pelajar telah diberi taklimat ringkas oleh pihak Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu berkaitan dengan pemwartaan dan pembangunan kawasan tanah bengah di sekitar Daerah Setiu. Selain itu, para pelajar telah pergi melawat kawasan 'boardwalk' dan meneliti papan tanda interpretif yang akan digunakan sebagai bantu ketika simulasi nanti.

Diharapkan kerjasama erat yang terjalin di antara Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu serta Politeknik Hulu Terengganu akan berterusan untuk pemantapan para pelajar. Program ini juga telah diselia oleh pensyarah kursus, Encik Fahmie, Puan Balqis serta Puan Fadila.



10.11.2022| KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN DAN SUNTIKAN THYPHOID

Kursus Pengendalian Makanan Dan Suntikan Thypoid telah dilaksanakan di Dewan Batu Bersurat PHT melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Resort Semester 1,2 dan 4. Kursus ini memberi pendedahan secara berkesan di peringkat awal aspek kebersihan dalam pengendalian makanan serta sebagai persediaan awal pelajar menghadapi Latihan Industri.



15.11.2022|COMMUNITY BASED TOURISM PROJECT

Pelajar semester lima, Diploma Pengurusan Pelancongan terlibat dengan satu program iaitu Community Based Tourism pada 13 dan 14 November 2022 di Homestay Kampung Pasir Raja.

Program ini melibatkan 27 orang pelajar termasuk 3 orang pensyarah pengiring.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang budaya dan warisan masyarakat setempat.

Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak Homestay Kg. Pasir Raja ialah aktiviti penyerahan pelajar kepada keluarga angkat, demonstrasi memasak tradisional, menangkap ikan secara tradisional, demonstrasi membuat cendol dan kuih tradisional.

Aktiviti yang telah dijalankan oleh para pelajar untuk komuniti juga telah diadakan antaranya penganjuran sukan tradisional seperti congkak, batu seremban, sarung tarung dan beberapa aktiviti lagi untuk membentuk semangat kerja berpasukan, komunikasi berkesan dan proses membuat keputusan.



16.11.2022 | SIMULASI PEMANDU PELANCONG ALAM SEMULAJADI

Satu simulasi pemandu pelancong alam semulajadi yang melibatkan para pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 4 (DRT4) telah diadakan bagi memenuhi keperluan kursus DTM30114 Tourist Guiding Techniques. Sesi simulasi ini telah dijalankan di Taman Negeri Tanah Bencah Setiu (Setiu Wetland).

Melalui aktiviti simulasi ini, pelajar telah terdedah tentang pengurusan aktiviti pemandu pelancong di kawasan alam semulajadi. Selain itu, mereka turut mengaplikasikan teknik-teknik pemandu pelancong yang telah diajar serta perkara yang berkaitan dengan aktiviti pemandu pelancong. Simulasi ini telah mendedahkan para pelajar tentang situasi sebenar apabila berada di industri ketak.



Oleh: Nurul Ilyani Abdullah

Sesi simulasi ini telah diselia oleh pensyarah kursus, Encik Fahmie, Puan Balqis dan Puan Fadila. Terima kasih diucapkan kepada pensyarah penilai, iaitu Cik Maheran, Puan Ilyani, Encik Firdaus, Encik Fuadi, Puan Izyan dan Cik Alia. Terima kasih Cik Tasya dan Cik Anisah dari pihak Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu di atas kerjasama dan bantuan yang dihulurkan.



27.11.2022 | PHT NATURE & OUTDOOR RECREATIONAL TRAIL EXHIBITION

Pameran "PHT Nature & Outdoor Recreational Trail Exhibition" telah diadakan di perkarian PHT. Pameran ini melibatkan para pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 3 (DRT3) melalui Kursus DTO30053 Nature Interpretation Services.

Aktiviti ini dibuat bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tentang teknik-teknik serta kemahiran yang betul dalam menyediakan media interpretif yang berkesan kepada pelawat dan orang awam, selain turut melatih para pelajar dengan kemahiran sebenar sebagai seorang penterjemah alam semulajadi yang baik. Pameran telah dikunjungi oleh warga kerja PHT dan para pelajar sepanjang tempoh pameran diadakan.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Tahniah diucapkan kepada para pelajar Diploma Pelancongan Rekreasi Semester 3 di atas pameran yang dijalankan. Program ini telah diselia oleh Pensyarah Kursus, Encik Fuadi dan Encik Fahmie.



30.11.2022| PROJEK AKHIR PELAJAR DUP (STUDIEX'22)

Projek Akhir Pelajar Sesi 1 2022/2023 atau STUDIEX'22 telah berlangsung di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu semalam. Sebanyak 5 kumpulan telah bersaing pada semester ini. Projek Akhir kali ini bertemakan 'Community Based Tourism at Kampung Basung' dengan mengetengahkan 5 kriteria utama iaitu kraftangan, makanan tradisional, alam semulajadi, sejarah dan Industri Kecil dan Sederhana.

Kali ini, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti(JPH) telah menjemput dua orang panel industri dari Persatuan Pemandu Pelancong Alaf Baharu (3PAB) iaitu Pn. Putih @ Intan binti Dalib dan En.Che Ahmad Che Long untuk menilai projek akhir pelajar-pelajar JPH.

Keputusan akhir Pertandingan Projek Akhir Pelajar (STUDIEX'22) adalah seperti berikut:

PROJEK TERBAIK 🥇

TEMPAT PERTAMA 🥈

PRODUK: MENTIMUN KAMPUNG BASUNG

Penyelia : Wan Nor Azida Wan Ali

Kumpulan Pelajar :Izzad Izzaideen Zaidillah Bin Md Arif Zaidillah Wan Nur Ain Binti Wan Mohd Rafi,Mira Nurshahira Binti Mood Noor,Nurul Fakhira Izzah Binti Jalal dan Nur Atika Shahida Binti Mohd Shahidin

TEMPAT KE-2 🥉

PRODUK: Nostalgia LED

Penyelia : Nurul Ilyani Abdullah

Kumpulan Pelajar :Muhammad Fazlie Bin Kamal,Nur Ainul Nabihah Binti Rosli , Nur Aimuni Fatnin Binti Jamaluddin , Nur Ainatul Mardhiah Binti Dunya dan Naimatun Nazira Binti Zainuri

TEMPAT KE-3 🥊

PRODUK: BEG MEMANCING BERASASKAN TALI PLASTIK

PENGIKAT KOTAK

Penyelia : Mohd Razhan Ariff Mohd Zain

Kumpulan Pelajar : Siti Zawani Binti Zakaria,Mursyida Binti Agus Siti Aisyah Binti Md Aris, Nik Muhammad Ammar Bin Nik Ahmad Azmee Fatihah Maisarah Binti Fedzli

TEMPAT KE-4 🥈

PRODUK: PES ASAM PEDAS TEMPOYAK

Penyelia : Noor Fiteri Abdullah

Kumpulan Pelajar : Muhammad Haziq Bin Anuar, Amirah Fakhira Binti Suhaimi, Nor Shamimi Binti Awang Amat Azmi, Wan Nor Syazani Binti Wan Muhamad Yusri, Muhammad Haiqal Aiman Bin Leman dan Nurul Aliah Binti Mohd Fadzal

TEMPAT KE-5

PRODUK: FRIDGE MAGNET WITH QR CODE

Penyelia : Khairul Mohd Azemi

Kumpulan Pelajar : Wan Muhammad Fahmi Imran Bin Wan Fairuz Nor Aimi Zamira Binti Zaidi, Nur Hidayu Binti Zulkhairi, Nik Norelyani Binti Haris, Fatin Noranissa Binti Afandee dan Eiman Daniel

STUDIEX'22



Jabatan Perdagangan (JP)

6.7.2022 | MESYUARAT JABATAN PERDAGANGAN BIL. 3/2022

Mesyuarat Jabatan Perdagangan telah diadakan sebagai medium penyampaian maklumat oleh Ketua Jabatan, KPro dan pensyarah kepada semua staf JP serta platform untuk membincangkan pelbagai isu dalam pengurusan Jabatan Perdagangan. Pembentangan oleh setiap pensyarah yang diberi tanggungjawab dalam portfolio tertentu telah dapat kata sepakat dalam tindakan penambahbaikan seterusnya.

Menarik di JP

Julai

Mesyuarat Jabatan Perdagangan Bil. 3/2022



Oleh: Norimah Annuar@Mohd Tahir



Jabatan Perdagangan (JP)

17-18.7.2022 | BENGKEL SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR SOCIAL CHANGE

Kursus ‘Entrepreneurship for social change’ bertujuan untuk memberi peluang pensyarah untuk mendalami ilmu pengetahuan mengenai keusahawan yang terkini . Kursus ini juga dapat meningkatkan kemahiran pensyarah dalam bidang keusahawan untuk diterapkan kepada pelajar di bawah modul keusahawanan (MPU 22012). Seterusnya, ia dapat memberikan kesedaran pentingnya ilmu keusahawanan untuk digarapkan dalam bidang masing -masing. Kursus ini melibatkan semua pensyarah Jabatan Perdagangan yang bukan daripada aliran perakaunan dan pensyarah JPH yang mengajar kursus Entrepreneurship



Oleh: Norimah Annuar@Mohd Tahir

Jabatan Perdagangan (JP)

16.8.2022 | MAJLIS BERSAMA JABATAN

Majlis ini merupakan satu perjumpaan diantara semua pensyarah Jabatan Perdagangan bersama pelajar-pelajar baharu yang mengambil Diploma Akauntansi bagi Sesi I 2022/2023. Perjumpaan ini bertujuan memberi ruang kepada semua pelajar baharu untuk mengenali semua pensyarah yang berada di Jabatan Perdagangan di samping mendengar taklimat yang disampaikan oleh Ketua Jabatan Perdagangan.



Menarik di JP

Ogos

Majlis Bersama Jabatan



Oleh: Norimah Annuar@Mohd Tahir



Jabatan Perdagangan (JP)

17-18.8.2022 | KURSUS DIGITAL ENTREPRENEURSHIP

Kursus Digital Entrepreneurship adalah kursus yang disertai oleh semua pensyarah bukan akauntansi daripada Jabatan Perdagangan dan pensyarah daripada Jabatan Pelancongan Hospitaliti yang mengajar modul keusahawanan (MPU 22012) . Kursus ini memberi pendedahan cara-cara melaksanakan business secara digital.

Menarik di JP

Ogos

**Kursus Digital
Entrepreneurship**



Oleh: Norimah Annuar@Mohd Tahir



Jabatan Perdagangan (JP)

1.11.2022 | MINI SEMINAR ON CODE OF ETHICS AND PROFESIONAL SCEPTICISM

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para pelajar Program Diploma Akauntansi Semester 5, PHT pemahaman tentang teori falsafah dan nilai etika para pelajar dalam mendepani pelbagai cabaran dalam pelbagai isu etika yang bakal mereka hadapi sama ada semasa pengajian mahupun selepas memasuki alam pekerjaan. Selain itu program ini juga memantapkan lagi kemahiran pelajar tentang kod etika sebagai seorang akauntan professional dan tingkah laku yang sepatutnya diamalkan oleh mereka dalam menjalankan tugas sebagai seorang akauntansi.



Menarik di JP

November

Mini Seminar On Code Of Ethics And Profesional Scepticism



Oleh: Norimah Annuar@ Mohd Tahir



Jabatan Perdagangan (JP)

13.11.2022 | PROGRAM BICARA ILMU: CUKAI TAK LANGSUNG BERSAMA JAB KASTAM DIRAJA MALAYSIA KUALA TERENGGANU

Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para pelajar Program Diploma Akauntansi Semester 5, Politeknik Hulu Terengganu pemahaman tentang jenis dan pengiraan cukai tak langsung iaitu bagi cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Program ini juga diadakan bagi memantapkan lagi kemahiran pelajar dalam memahami tentang cukai jualan dan perkhidmatan yang ada di Malaysia. Di samping itu, memenuhi salah satu KPI Politeknik iaitu mengukuhkan kerelevan dan keresponsifan program melalui interaksi yang melibatkan pensyarah pelawat industri (PPI) bagi setiap program . Seterusnya, mengaktifkan lagi hubungan kolaborasi bersama idustri dengan berkongsi pengetahuan melalui perkongsian ilmu ini.



Menarik di JP

November

**Program Bicara Ilmu:
Cukai Tak Langsung
Bersama Jabatan
Kastam Diraja
Malaysia Kuala
Terengganu**



Oleh: Norimah Annuar@Mohd Tahir



Jabatan Perdagangan (JP)

6.12.2022 | LAWATAN PENANDAARAS KOLEJ VOKASIONAL KUANTAN KE JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK HULU TERENGGANU

Pada 6 Disember 2022, Lawatan Penandaaras telah diadakan oleh Kolej Vokasional Kuantan ke Jabatan Perdagangan PHT dengan dihadiri oleh seramai 11 orang kakitangan Kolej Vokasional. Antara tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk melihat dan menilai semula kursus-kursus yang ditawarkan di Kolej Vokasional dan keperluan tenaga pensyarah dalam bidang Undang-Undang untuk kursus Busines Law.

Lawatan ini juga berfokus kepada pemilihan rubrik yang sesuai dan penggunaan CIST dalam penilaian berterusan. Selain itu keperluan penggunaan FEIST untuk pembinaan item peperiksaan akhir dan juga keperluan bahan rujukan juga adalah perkara yang dibincangkan.



Menarik di JP

Disember

**Lawatan Penandaras
Kolej Vokasional
Kuantan Ke Jabatan
Perdagangan
Politeknik Hulu
Terengganu**





Oleh: Norimah Annuar@Mohd Tahir



Jabatan Perdagangan (JP)

14.12.2022 | PEPERIKSAAN AUTOCOUNT COMPUTERIZED ACCOUNTING EXAM DENGAN PIHAK AUTOCOUNT SDN BHD.

Peperiksaan Autocount Computerized Accounting merupakan Sistem Pengiraan perakaunan yang digunakan di syarikat-syaraikat untuk menguruskan perakaunan mereka. Oleh tu sijil Autocount Computerized Accounting merupakan nilai tambah kepada pelajar DAT sebagai bukti kemahiran pelajar untuk menggunakan sistem ini. Sijil ini disediakan oleh pihak luar dengan berbayar kepada pihak Autocount Sdn Bhd. Peperiksaan ini melibatkan pelajar DAT5A seramai 25 orang dan DAT 2A seramai 13 orang.



Menarik Di JP

Disember

**Peperiksaan
Autocount
Computerized
Accounting Exam
Dengan Pihak
Autocount Sdn Bhd.**



Oleh: Norimah Annuar@Mohd Tahir

Jabatan Pengajian Am (JPA)

CERAMAH BULAN KEBANGSAAN DI PHT

Bertempat di Dewan Batu Bersurat Politeknik Hulu Terengganu, satu ceramah kemerdekaan sempena bulan kebangsaan ke 65 telah diadakan bagi menyemarakkan rasa cinta tanah air dalam kalangan warga PHT. Ceramah Kemerdekaan ini telah disampaikan oleh Ustaz Wan Mohd Sabri Wan Mahmood dari Jabatan Pengajian Am kepada seluruh pelajar PHT.



PPROGRAM SEBUTIR BERAS, SEGUNUNG BARAKAH

'Program Sebutir Beras, Segunung Barakah' yang mana merupakan program memasak bubur 'Asyura' anjuran Jabatan Pengajian Am dengan kerjasama Puspanita, KESUKES dan Komuniti Kampung Teris telah diadakan dengan jayanya pada 1 Ogos 2022 di Masjid Kampung Teris. Sebanyak dua kawah bubur asyura telah dikacau bersama penduduk Kampung Teris serta warga kerja Politeknik Hulu Terengganu. Antara objektif program ini antaranya mendekatkan PHT dengan komuniti. Kira-kira 200 bekas bubur asyura diagharkan kepada komuniti dan warga kerja PHT.



Jabatan Pengajian Am (JPA)

SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DI PHT

Sesi Bacaan Yassin anjuran Jabatan Pengajian Am di Pusat Islam Al-Hijrah, sempena Sambutan Bulan Kebangsaan peringkat Politeknik Hulu Terengganu(PHT) melibatkan pelajar dan staf PHT.



Menarik di JPA

September

- SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DI PHT

Sesi Tazkirah anjuran Jabatan Pengajian Am di Pusat Islam Al-Hijrah, sempena Sambutan Bulan Kebangsaan peringkat Politeknik Hulu Terengganu.



Solat Hajat anjuran Jabatan Pengajian Am telah diadakan di Pusat Islam Al-Hijrah, sempena Sambutan Bulan Kebangsaan peringkat Politeknik Hulu Terengganu hari ini 6.9.2022.



Oleh: Wan Norlaili Wan Abdul Manan

Jabatan Pengajian Am (JPA)



ENGLISH POWER UP

Seramai 120 orang pelajar Madrasah Darul Ansar telah terlibat dengan program ini yang diadakan di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran bertutur asas Bahasa Inggeris.

Program ini telah berjaya meningkatkan asas kemahiran bertutur Bahasa Inggeris di kalangan peserta setelah diperkenalkan teknik dan strategi komunikasi asas Bahasa Inggeris.



Jabatan Pengajian Am (JPA)

KURSUS SEMBELIHAN HALALAN TAIYYIBAN



Kursus Sembelihan Halalan Taiyyiban telah diadakan di Madrasah Darul Ansar, Kampung Basung, Hulu Terengganu di bawah Program Pembelajaran Sepanjang Hayat. Program yang disertai oleh 225 orang warga Madrasah Darul Ansar ini telah mendapat tunjuk ajar daripada 5 orang staf Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan juga daripada Pengarah Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera.

Program ini adalah satu kursus pendedahan kepada semua peserta tentang konsep dan kaedah sembelihan yang betul menurut syarak. Program ini adalah satu inisiatif Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am untuk memberi kefahaman dan praktikal secara terus kepada peserta tentang teknik penyembelihan yang dikira halal dan sah mengikut Islam.



Menarik di JPA

Oktobre

- KURSUS SEMBELIHAN HALALAN TAIYYIBAN
- PROGRAM BAKTI SISWA ALAM LESTARI



Oleh: Wan Norlaili Wan Abdul
Manan

Jabatan Pengajian Am (JPA)

PROGRAM BAKTI SISWA ALAM LESTARI



Pada 9 Oktober 2022 telah dijalankan Mini Projek bagi kurikulum Kelab Mesra Alam MPU24021 bertempat di Setiu Wetlands Besut, Terengganu. Program yang diadakan pada hari cuti umum Maulid Rasulullah s.a.w ini disertai oleh seramai 24 orang pelajar semester 2 Diploma Pelancongan Rekreasi Politeknik Hulu Terengganu yang diiringi oleh 3 orang pensyarah pengiring. Objektif utama program adalah untuk mendedahkan kepada para mahasiswa tentang kepentingan menjaga alam sekitar bagi penerusan kehidupan yang lestari. Selain itu dengan berinteraksi dengan agensi luar ia akan melatih para peserta dalam mengorganisasi serta mengurus projek secara berpasukan dalam mengurus projek-projek yang berbentuk khidmat kesukarelawan kepada komuniti. Melalui program ini amat menjadi harapan agar membangkit rasa tanggungjawab para pelajar dalam menjaga alam semesta demi kelestarian generasi akan datang yang lebih mencabar.



Jabatan Pengajian Am (JPA)

SPEAKER'S CORNER



Menarik di JPA

November

- SPEAKER'S CORNER

Para pelajar diberi peluang untuk membuat pengucapan awam dalam Bahasa Inggeris di khalayak ramai iaitu di hadapan koperasi politeknik. Seramai 48 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam program ini. Ada pelajar yang membuat pengucapan awam secara individu dan ada yang secara berkumpulan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk membantu meningkatkan penguasaan komunikasi Bahasa Inggeris, meningkatkan keyakinan para pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris, mewujudkan budaya dan suasana dikalangan para pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris dan memberi sokongan moral kepada pelajar-pelajar agar sentiasa positif untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.



Oleh: Wan Norlaili Wan Abdul
Manan

Buletin PHT Hebat

Menarik

Buletin PHT Hebat 2023

Politeknik Hulu Terengganu, Jalan Pengkalan Gawi Tasik Kenyir, 21700

Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu

Website: <https://pht.mypolycc.edu.my/>

Amanat Pengarah Tahun Baharu 2023



Assalamualaikum dan Selamat Mendepani Tahun Baharu 2023 buat Warga PHT (Warga Kerja & Siswa Siswi PHT). Semoga tahun 2023 lebih cemerlang buat semua. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga PHT atas daya usaha dalam mencapai Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh JPPKK dengan pencapaian skor 100 peratus. Dengan daya usaha yang telah ditunjukkan ia merupakan satu petunjuk bahawa warga PHT telah bersungguh-sungguh dalam merealisasikan KPI yang telah direncanakan.

Politeknik Malaysia merupakan institusi pengajian tinggi awam yang menyediakan latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang berdasarkan kepada kemahiran teknologi. Justeru, PHT telah berjaya melahirkan graduan TVET yang berkualiti dan mampu memenuhi kehendak industri berdasarkan kadar kebolehpasaran graduan 2022. Namun begitu, usaha bagi melonjakkan penghasilan graduan yang berkualiti dan berkemahiran seiring dengan perkembangan teknologi terkini perlu dipertingkatkan. Itulah harapan saya kepada seluruh warga kerja di PHT.

Graduan yang diperlukan pada masa ini adalah pekerja yang mampu menguasai kemahiran yang tinggi. Semoga warga kerja PHT mampu dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran ini. Warga kerja PHT hebat melahirkan Graduan cemerlang. Terima kasih dan setinggi penghargaan di atas komitmen dan pencapaian tahun 2022. Agenda kecemerlangan 2023 perlu diteruskan. Semoga semua urusan dan tugas kita diper mudahkan.

Selamat Tahun Baru 2023 dan Selamat Maju Jaya.

PHT Leads Your Future.

Hj. Azahan Hj. Daud
Pengarah
Politeknik Hulu Terengganu



TAHUN 2023

- MISI BANTUAN BANJIR POLYCC DITERUSKAN
- PENCAPAIAN KPI PHT 2022 100%.
- PERHIMPUNAN BULANAN WARGA KERJA PHT
- KEMASUKAN PELAJAR BAHARU KE PHT
- PSH MELUAS KEPADA KOMUNITI

KURSUS PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

PENAWARAN KURSUS PSH

- Protokol & Etika di Meja Makan (Table Etiquette)
- Basic Facial
- Manicure & Pedicure
- Personal Grooming
- Asas Renang
- Pengiraan Cukai
- Asas Simpan Kira
- Rancangan Perniagaan Usahawan
- Pra Perkahwinan Siri 1 & 2
- Basic English Communication

Untuk makluman lanjut, sila hubungi:
Dewan Maafik Demain
038-752 4666
Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL)
Politeknik Hulu Terengganu